

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Isnin, 6 Mac 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN -PERTANYAAN

[Soalan No.1 – Y.B. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau) tidak hadir]

2. **Dato' Tiong King Sing [Bintulu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peruntukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang telah diperuntukkan serta yang telah dibelanjakan untuk kawasan Parlimen P.190 Bintulu dari tahun 1995-1999; dan
- (b) apakah projek-projek yang telah dilaksanakan serta nilai kos setiap daripada projek tersebut dan jumlah peruntukan serta senarai projek yang akan dilaksanakan di kawasan ini dalam tahun 2000/2001 ini.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk bahagian;

- (a) jumlah peruntukan yang telah disediakan bagi projek-projek di kawasan Bintulu untuk tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh adalah sebanyak RM12,056,756. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM8,799,515 telah dibelanjakan.
- (b) antara projek-projek yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

Jenis Projek	Peruntukan
Bekalan elektrik luar bandar	- RM1,138,235.
Bekalan air luar bandar	- RM328,453.
Naik taraf jalan kampung	- RM2,075,477.
Jalan luar bandar	- RM4,975,000
Program PPRT	- RM282,350.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2000 antara program-program yang telah disediakan peruntukan ialah:

Jenis Program	Peruntukan
Bekalan air luar bandar	- RM139,000
Bekalan elektrik luar bandar	- RM1,421,119.
Jalan luar bandar	- RM1,700,000.
Projek naik taraf jalan kampung	- RM241,222.
Kemas	- RM25,900

3. **Dato' Zulhasnan bin Rafique [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang diambil untuk memastikan agar masjid dan surau-surau tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu untuk menabur fitnah dan pembohongan politik; dan
- (b) apakah ada perancangan kerajaan untuk menaikkan taraf Imam-imam yang ditauliahkan oleh pihak Kerajaan Pusat dalam alaf baru ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) kerajaan melalui JAKIM dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri telah menyediakan peraturan-peraturan dan garis panduan penggunaan masjid bagi membantu pihak masjid melaksanakan aktiviti masing-masing. Di samping itu, kerajaan juga mengawal aktiviti-aktiviti masjid melalui kawalan enakmen yang sedia ada. Kerajaan juga sedang membuat pemantauan terhadap

khutbah-khutbah Jumaat di masjid-masjid yang bermasalah.

- (c) kerajaan sentiasa berusaha untuk menaikkan taraf imam-iman khasnya yang ditauliah oleh pihak kerajaan bagi membolehkan imam-imam berkenaan berperanan sesuai dengan perkembangan alaf baru. Di antara perancangan-perancangan yang sedang disusun ialah:
- (i) memberi latihan kemahiran dan profesional dalam bidang hal ehwal Islam;
 - (ii) mengkaji kedudukan taraf imam-imam sesuai dengan bidang tugas serta menaikkan kadar elaun sagu hati imam-imam.

Tuan Abdul Fatah bin Haji Haron: Adakah kerajaan bersetuju kalau saya mengatakan bahawasanya orang yang tertentu yang dimaksudkan di sini yang suka menabur fitnah dan pembohongan politik ini ialah orang yang tidak pernah mendengar ayat-ayat Al-Quran, iaitu [*membaca ayat Al-Quran*].

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, masjid ialah tempat – khususnya adalah tempat orang beribadat. Dalam ruang sembahyang, mana-mana masjid jua ialah diiktirafkan sebagai tempat iktikaf. Nabi Muhammad S.A.W. membahagikan pembinaan untuk masjid kepada tiga ruang; satu, ruang sembahyang, kedua, ruang tempat kediaman Baginda; yang ketiga, tempat dia bertemu dengan orang dan berbincang. Maka tradisi inilah yang hendak kita jaga. Tetapi akhir-akhir ini adab dan sopan dan cara dan tradisi ini telah dilanggari oleh banyak pihak, oleh banyak orang di atas kepentingan politik dan kepentingan-kepentingan tertentu. Dalam ucapan-ucapan adalah ucapan yang sangat kasar, tidak sesuai dalam tempat yang dianggap kudus dan tidak sesuai di tempat yang selalunya kalau berdirinya di situ dianggap oleh makmum orang yang kudus.

Maka itulah masyarakat kita ialah masyarakat yang aman dan damai dan ceria. Mereka tidak mahu bertengkar dan tidak mahu mengeluarkan kata-kata yang boleh menimbulkan perbalahan. Tetapi yang menjadi masalah kita ialah ada orang yang tidak malu dan tidak segan menggunakan kesempatan dalam masjid itu untuk melemparkan fitnah hingga menyebut nama-nama

orang yang tertentu. Inilah yang dianggap fitnah. Bukannya kita anggap bahawa kita tidak erti ayat Al-Quran. Kita erti dan kita faham.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri. Apakah punca-punca kegiatan yang tidak sihat ini yang memecahkan masyarakat agama Islam dan adakah undang-undang yang sedia ada cukup supaya penguatkuasa yang tertentu, ambil tindakan dan bertanggungjawab untuk menentukan peraturan-peraturan ini dipatuhi supaya penyalahgunaan masjid dan surau didakwa dan kegiatan ini tidak berlaku lagi? Terima kasih.

Dato' Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman: Puncanya ialah kerana kepentingan. Ada kepentingan politik, ada orang yang suka bercakap mengambil teks dan pinjaman teks daripada tempat-tempat lain untuk melepaskan ucapan yang sedap. Selalunya ucapan yang sedap didengari dan puas hati orang yang bercakap ialah bercakap dengan mengkritik orang tidak tentu fasal dan kadang-kadang dia pun tidak tahu. Setengah-setengah pensyarah pula bercakap tidak tentu masanya. Kadang-kadang di waktu bulan Ramadhan terutama sekali di bandar-bandar besar dan tempat-tempat kemajuan seperti Selangor ini, orang bekerja keluar rumah pukul 7.00 pagi balik 5.00 petang, hendak pergi sembahyang Tarawih, tetapi orang yang berkenaan tidak segan, tidak silu, orang tidak jemput dia pun, tengah-tengah sembahyang Tarawih dia bangun bersyarah dan membuat ulasan-ulasan politik bersendirian, kefahamannya sendiri dibawa kepada orang ramai. Dia tidak mengapalah dia bercadang hendak bersyarah malam itu dia sudah tidur siang daripada pukul 1.00 sampai pukul 5.00. Tetapi makmum bekerja pukul 7.00 pagi sampai 5.00 petang, ada yang berkeluarga. Inilah punca-punca yang kita kata banyak kekeliruan berlaku. Undang-undang yang sedia ada boleh kita jalan dan insya-Allah, dengan kuat kuasa undang-undang dan cara-cara itu bolehlah kita harap semua orang pakat menghormatilah keadaan ini.

4. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula undang-undang yang disepakati di peringkat antarabangsa sebagai “draconian” seperti ISA, Akta Hasutan, OSA, Akta Mesin Cetak dan setakat manakah undang-undang tersebut tidak digunakan untuk menganiayai lawan politik.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini daripada tiga Ahli Yang Berhormat yang bertanya soalan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Yang pertama, Yang Berhormat Tuan Haji Mohamad bin Sabu pada 6 Mac 2000, yang kedua, Yang Berhormat Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat pada 9 Mac 2000 dan yang ketiga Yang Berhormat Tuan Nasharudin bin Mat. Isa pada 14 Mac 2000.

Tuan Yang di-Pertua, semua undang-undang memang dikaji dengan terperinci dari masa ke semasa untuk melihat kesesuaiannya dalam konteks masyarakat masa kini. Tindakan yang sewajarnya akan diambil oleh kerajaan sekiranya kajian yang dibuat itu menunjukkan bahawa sesuatu undang-undang perlu dipinda atau dibatalkan. Namun begitu, dimaklumkan bahawa apa-apa keputusan untuk meminda atau membatalkan sesuatu undang-undang mestilah mengimbangkan antara kepentingan negara dengan kepentingan peribadi mana-mana pihak tertentu.

Amat mendukacitakan apabila undang-undang yang diperbuat oleh Parlimen diperihalkan sebagai “draconian”, sedangkan Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum tentang kepentingan awam yang diambil kira dan proses serta tatacara yang dilalui dalam meluluskan sesuatu undang-undang. Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan menghalang layanan yang tidak sama rata terhadap mana-mana pihak. Oleh yang demikian, tiada undang-undang boleh digunakan oleh mana-mana pihak termasuk kerajaan untuk menzalimi atau menganiaya mana-mana pihak yang lain. Kerajaan sentiasa memastikan bahawa kedaulatan undang-undang dipelihara. Pemerintahan di negara ini adalah berlandaskan undang-undang dan tidak selainnya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan – akademik ilmiahlah di sini, baguslah jawapan tadi itu. Bagaimanakah Karpal Singh didakwa kerana bercakap dalam mahkamah mengatakan keracunan datang daripada atas. Peguam Negara pula mengatakan keracunan terhadap Anwar datang daripada keluarga. Di sini kita lihat Karpal Singh didakwa walaupun dia bercakap dalam mahkamah, tetapi Peguam Negara tidak didakwa walaupun dia bercakap dalam mahkamah. Oleh itu, bagaimana

penjelasan kita hendak beri kepada rakyat bahawa dakwaan terhadap Karpal Singh ini tidak ada bias dan juga bagaimana profesion peguam, guaman tidak terjejas dengan pendakwaan terhadap orang yang bercakap di dalam mahkamah?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kes Karpal Singh dan selalu juga Yang Berhormat sebut kes Ezam dan beberapa lagi sahabat-sahabat Yang Berhormat yang baru-baru ini ditahan. Cuma mereka ini oleh kerana kes ini sedang dalam perbicaraan, Tuan Yang di-Pertua, maka ini saya ingat tidak betul kalau saya membuat komen dalam Dewan yang mulia ini yang akan menjadikan subjudice kepada kes yang sedang dibicarakan. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta Yang Berhormat memikirkan mengapa orang lain ditangkap, mengapa orang lain tidak ditangkap. Seperti Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tanya diri Yang Berhormat mengapa Yang Berhormat tidak ditangkap, sedangkan Yang Berhormat ini kalau saya hendak kira lebih hebat daripada Ezam, lebih hebat daripada Karpal Singh, dan apabila Yang Berhormat memberi ceramah ribu orang datang. Malah apabila Yang Berhormat dikeluarkan daripada Kelantan, bertanding di kawasan kubu Barisan Nasional di Kuala Kedah Yang Berhormat boleh menang. Ini jelas menunjukkan Yang Berhormat lebih hebat daripada mereka yang ditahan.

Soalnya hari ini kalau Yang Berhormat mengatakan bahawa ini kita salahgunakan untuk menangkap musuh-musuh politik kerajaan adalah tidak benar, kerana mereka yang ditangkap ini tentu ada sebab-sebab dan kes-kes yang telah pun kita selidik, kita buat kajian. Jadi, saya rasa undang-undang yang kita gunakan selama ini bukan untuk disalahgunakan. Dan saya hendak nyatakan seperti OSA, setakat ini sejak kita perkenalkan, kita kuatkuasakan mulai 1 Oktober 1972 baru enam orang yang kita tangkap. Jadi, ini jelas menunjukkan bahawa undang-undang ini tidak disalahgunakan oleh kerajaan, melainkan mereka ini terbukti bahawa telah pun melanggar undang-undang yang sedia ada.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat. Kita sama-sama faham bahawa segala undang-undang yang diwujudkan di

negara ini untuk mengawal dan juga menjamin keselamatan, keamanan rakyat. Dan undang-undang yang diwujudkan ini bukan hendak menahan atau menangkap pihak-pihak yang tertentu yang berlawan dengan fahaman politik ataupun mengikut fahaman-fahaman politik. Saya ingin hendak mendapat penjelasan adakah tidak dalam rekod kerajaan bahawa pihak kerajaan sendiri ataupun orang parti kerajaan, penyokong kerajaan yang dikenakan di bawah undang-undang yang disebut ini? Beri penjelasan.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Saya memang bersetujulah seperti Yang Berhormat mengatakan bahawa undang-undang ini kita buat bukan untuk menganiaya orang-orang lain, melainkan kita menjaga kepentingan awam daripada kepentingan peribadi. Daripada soalan Yang Berhormat, bahawa tidak boleh dinafikan ada pihak-pihak daripada kerajaan juga telah ditangkap apabila kita dapati mereka juga melanggar peraturan-peraturan dan undang-undang negara. Sebagai contoh, pada tahun 1987 apabila 'Operasi Lalang' dibuat bukan sahaja pemimpin politik pembangkang kita tangkap tetapi ramai pemimpin daripada pihak kerajaan juga telah pun kita tangkap. Dan undang-undang yang kita gunakan juga bukan untuk disalahgunakan seperti ISA. Dengan adanya ISA kita lihat Operasi Lalang pada tahun 1987 telah dapat kita laksanakan dengan baik dan telah mendapat mengelakkan daripada berlaku kekacauan dan juga ketenteraman awam.

Begitu juga dengan ISA kita gunakan untuk menghapuskan gerakan Al-Arqam yang kita semua sedia maklum, pertubuhan yang menyeleweng daripada ajaran agama. Tanpa undang-undang seperti ini dalam negara kita yang berbilang kaum sudah tentu sukar kita untuk membendung keadaan-keadaan tertentu apabila masa yang diperlukan ataupun satu-satu ketika apabila negara kita diancam dari segi keselamatan.

5. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) peratus pencapaian sasaran bilangan rumah kos rendah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh mengikut sasaran pemaju swasta dan kerajaan bagi setiap negeri; dan

- (b) apakah masalah utama yang dihadapi oleh kerajaan dalam memastikan peratus pencapaian sasaran ini ditingkatkan dan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian;

- (a). Sasaran rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh adalah 200,000 unit. Sektor awam dipertanggungjawab menyediakan 60,000 unit dan sektor swasta 140,000 unit. Menjelang akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh dijangkakan sebanyak 194,028 unit akan siap iaitu 97.01% dari jumlah sasaran. Pecahan ikut negeri adalah seperti berikut:

Negeri	Sasaran	Anggaran Siap	Peratusan
Johor	24,000	62,419	260.1
Pahang	10,000	16,357	163.6
P. Pinang	7,000	9,760	139.4
Melaka	4,400	5,916	134.4
Selangor	26,800	31,514	117.6
N. Sembilan	7,900	8,145	103
Terengganu	8,700	8,925	102.6
Perak	17,200	16,260	94.5
K. Lumpur	5,900	5,200	88
Kedah	16,000	12,631	79
Perlis	1,700	970	57
Sarawak	15,600	6,987	44.8
Kelantan	17,000	3,085	18.1
Sabah	37,800	5,860	15.5

Tuan Yang di-Pertua, untuk bahagian;

- (b) Kegawatan ekonomi tempoh hari merupakan masalah utama yang menjejaskan pempajuan perumahan kos rendah. Dari segi operasinya, masalah utama adalah berkaitan dengan mengenalpasti dan memperolehi tapak di lokasi yang sesuai. Semasa kegawatan ekonomi

terdapat projek-projek yang dirancang tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Walaupun bagaimanapun, dalam tempoh kegawatan itu kerajaan telah memperkenalkan pelbagai langkah bagi menggalakkan pembelian rumah, ia termasuk mewujudkan dana-dana khas, mengeluarkan peraturan mengenai pinjaman perumahan dan penubuhan Syarikat Perumahan Negara. Memandangkan hal tanah adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka kerajaan negeri telah diminta memberi kerjasama, mengenalpasti tapak-tapak di lokasi sesuai serta memudahkan perolehannya.

Di samping itu, kerajaan negeri juga diminta untuk mengambil langkah-langkah praktikal untuk membantu dalam pembinaan rumah kos sama ada secara usahasama, penswastan atau memberi pelbagai insentif yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Tanjong.

Puan Chong Eng: Bukit Mertajam.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Mertajam, sorry.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Dikatakan “jangka siap”, ini jangka bila siap kerana mengikut pengalaman saya dalam Dewan Undangan Negeri pun selalu dikatakan akan siap, dijangka siap dan katakan target itu sebenarnya akan melebihi *supply will be more than demand* tetapi sampai sekarang di negeri Penang, masih kekurangan perumahan kos rendah dan banyak projek perumahan kos rendah telah tergendala, maka adakah ini di dalam jangkaan siap projek-projek yang telah tidak berjalan ada di dalam jangka siap itu. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, maksud “jangka siap” itu adalah projek yang masih berjalan dan kerajaan yakin yang akan siap itu baru kita masuk dalam statistik, yang telah nampak tergendala ataupun kurang

yakin, kita tidak masuk dalam jangka siap kerana di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kita hanya tinggal tidak sampai satu tahun.

Jadi, apa-apa projek akan siap kita boleh nampak dia punya perkembangan. Saya hendak ulas sebenarnya angka yang saya beri tadi nampaknya cantik tetapi kerajaan terus terang ada banyak lagi *mist match* kerana angka itu kalau kata banyak, mungkin lokasinya tidak sesuai. Itu sebabnya dalam bahagian jawapan kedua, saya telah menyeru supaya semua kerajaan negeri bagilah, kena pastilah tanah yang benar-benar lokasinya sesuai, barulah dia punya *mist match* itu tidak akan jadi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan sedikit. Berhubung dengan masalah pembinaan rumah 'rendah' ini. Saya hendak tahu dari segi undang-undang pembinaan rumah murah ini, ada tidak kerajaan menetapkan syarat-syarat bahan-bahan binaan kepada rumah-rumah murah ini. Sebab saya dapati di kawasan saya dan juga mungkin di kawasan tempat lain, rumah murah ini ada yang teres, ada empat tingkat, ada lima tingkat.

Jadi, dalam masalah kawalan bahan binaan ini tidak serupa. Ada kadang-kadang pemaju membuat rumah RM25,000 itu binaan rumahnya baik. Kemudian, ada pula RM25,000 tetapi tidak elok. Jadi, saya tidak tahu dari segi undang-undang ini kawalan bahan-bahan binaan, ada tidak disyaratkan supaya tidak menjadi masalah kepada membeli yang membezakan rumah sa na lain, rumah sini lain tetapi RM25,000. Jadi, kalau rosak, kalau mendatangkan masalah ini siapa yang bertanggungjawab dalam tempoh selepas CF dikeluarkan.

Jadi, mungkin kerajaan ada satu undang-undang dalam masalah bahan-bahan binaan kepada rumah-rumah murah itu Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan memang kita mahu semua pemaju perumahan membekalkan rumah yang berkualiti, juga kita mengakui sudah terdapat banyak masalah terutamanya dalam beberapa tahun ini. Itu sebabnya kementerian saya sedang bertungkus-lumus untuk mengetatkan lagi undang-undang meminda akta dan juga pada masa yang sama kita melalui Jawatankuasa Pemantauan, bermesyuarat dengan

sangat aktif untuk mengawal dan juga untuk menyasat semua aduan. Tetapi apa yang paling pokok sekali, bukan apa yang kita hendak tackle secara fire fighting dengan izin, kita hendak pastikan undang-undang itu semua cukup ketat, cukup adil untuk semuanya. Itulah yang sebenarnya apa kita usahakan.

6. **Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Harun [Rantau Panjang]** minta Menteri Pertanian menyatakan prasarana yang disediakan oleh FAMA di dalam memasarkan hasil pertanian rakyat desa.

Menteri Pertanian [Datuk Effendi bin Norwawi]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA menyediakan pelbagai prasarana untuk memasarkan hasil pertanian rakyat desa untuk memudahkan masyarakat desa. FAMA telah mendirikan masa ini 30 buah pusat atau kompleks pengumpulan ladang yang merupakan infrastruktur prasarana yang dilengkapi dengan kemudahan pengendalian lepas tuai FAMA. Kita juga telah mendirikan 24 buah pusat-pusat pemasaran hasil-hasil pertanian untuk beberapa komoditi seperti kelapa, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Selain dari itu FAMA juga mengadakan gerai-gerai Desaraya bagi tujuan menambahkan saiz pasaran hasil-hasil pertanian di 10 lokasi. Pada masa ini FAMA telah mewujudkan 198 buah pusat pasar tani yang berjaya meningkatkan taraf sosio ekonomi rakyat desa terutamanya peladang, penternak dan nelayan.

Di samping itu, kota tani atau pasar tani berbentuk kekal telah juga dibina bagi mengembangkan konsep agro-tourism. Bagi menambahkan kecekapan pemasaran hasil-hasil pertanian, FAMA juga telah mendirikan lima buah pusat-pusat jualan borong dan pasar tani borong bertujuan membekalkan sayur-sayuran dan buah-buahan tempatan pada harga berpatutan kepada peniaga-peniaga, kepada pelanggan-pelanggan terdiri daripada pemborong, peruncit dan pengguna pukal.

Selain daripada itu melalui 14 buah pejabat-pejabat FAMA, negeri-negeri dan seluruh pejabat-pejabat FAMA daerah, menjual beli hasil-hasil pertanian dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Adakah kerajaan telah berpuas hati hasil daripada laporan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi iaitu ternampak atau tergambar kepada kita bahawasanya FAMA hanya berupaya atau berusaha untuk memasarkan hasil petani-petani ini hanya di dalam negeri sahaja dan inilah yang menyebabkan harga barang-barang keluaran petani ini tidak meningkat. Adakah kerajaan berhasrat untuk meluaskan lagi pemasaran ini kepada negeri-negeri luar daripada Malaysia.

Datuk Effendi bin Norwawi: Terima kasih, saya memang setuju banyak lagi usaha yang harus dipertingkatkan oleh pihak FAMA supaya petani-petani dapat mengeluarkan, dapat memasarkan hasil mereka dengan lebih secara terus ke pasaran dan satu daripada strategi dalam masa lima tahun ini ialah mempertingkatkan lagi pasar tani. Pada masa ini yang hampir 200 pasar tani telah melibatkan 10,300 orang peserta dan kita harap dapat mempertingkatkan ini lagi. Saya juga mengharapkan supaya kita dapat mempertingkatkan usaha contract farming di mana petani-petani akan di....., pengeluaran mereka akan dipasarkan secara direct kepada pembeli-pembeli dan syarikat-syarikat besar. FAMA juga berusaha untuk memperluaskan pasaran hasil-hasil pertanian dengan memperkukuhkan aktiviti pemasaran luar negeri melalui promosi, publisiti dan sebagainya di luar negara bagi mencapai visi kerajaan supaya negara kita menjadi pengeluar makanan yang terulung di rantau ini. Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya berterima kasih atas penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi dan kita melihat bahawa kegagalan ataupun kelembapan sektor pertanian yang banyak diperkatakan, bagi saya adalah salah satu daripada puncanya berpunca daripada pemasaran dan kerajaan telah mewujudkan FAMA. FAMA juga telah memberi sumbangan yang besar tetapi kita masih melihat bahawa sektor ini masih lagi dalam tahap yang tidak memuaskan.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sebagai badan pemasaran dalam sektor pertanian, siapakah pesaing-pesaing kepada FAMA? Sebab kita tidak pernah mendengar dan kita tidak pernah tahu siapa pesaing-pesaing kepada FAMA yang sebenarnya dan bagaimana FAMA boleh menjalinkan

hubung dengan pesaing-pesaing mereka ini supaya dapat bekerjasama di dalam perkongsian yang bijak untuk memajukan sektor pertanian itu sendiri. Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Cabaran utama FAMA ialah untuk memudahkan petani-petani memasarkan hasil-hasil mereka secara terus kepada pembeli-pembeli. Masa ini boleh dikatakan masalah besar sektor pertanian ialah mekanism pemasaran yang tidak berapa rasional kerana wujudnya pihak-pihak orang tengah yang tidak menambah nilai di dalam, secara dalam pemasaran hasil-hasil ini.

Jadi, dengan demikian kita sedang mengkaji masa ini bagaimana membuat langkah-langkah dan strategi-strategi baru dan seperti saya katakan tadi satu daripada rancangan kami ialah mempertingkatkan lagi pasar tani ini supaya dapat ditambahkan bilangan pasar tani yang 200 ini kerana melalui pasar tanilah, petani-petani dapat mengeluarkan hasil mereka terus dengan tidak melalui orang tengah dan juga kita dapati satu daripada skim yang akan berjaya ialah kalau kita dapat menjual hasil-hasil petani kita secara terus kepada syarikat-syarikat, misalnya Nestle kita dapati sedia membeli cili-cili daripada petani-petani yang secara contract farming.

Dengan demikian kita tidak payah, tidak mempunyai masalah lagi memasarkan hasil ini melalui orang tengah.

Kerajaan melalui FAMA akan mempertingkatkan lagi jualan hasil-hasil pertanian kepada syarikat-syarikat besar supaya dengan adanya ikatan contract farming bekalan dapat disalurkan secara terus kepada pengguna-pengguna. Terima kasih.

7. **Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah strategi-strategi yang telah dijalankan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat India sejak Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan memandangkan kemiskinan sangat teruk di kalangan masyarakat India. Jika ada, kenapakah tidak berkesan; dan
- (b) apakah peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kaum India di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, dasar dan strategi pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak Dasar Ekonomi Baru dan yang diteruskan di bawah Dasar Pembangunan Nasional adalah berlandaskan kepada prinsip pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum. Antara strategi-strategi utama yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional adalah termasuk;

- (a) meningkatkan penempatan golongan termiskin, miskin petani dan pekerja melalui Program Ekonomi dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan menerusi pertumbuhan ekonomi yang pesat dan berterusan. Kedua, Program Bantuan Langsung melalui bantuan khas kepada keluarga termiskin atau anak mereka.
- (b) menyediakan kemudahan asas seperti elektrik, air, rumah Program Rakyat Termiskin dan jalan kampung, menyediakan perkhidmatan asas seperti kemudahan awam, pendidikan dan latihan kesihatan serta perumahan.

Bersesuaian dengan Dasar Pembasmian Kemiskinan tanpa mengira kaum, isi rumah miskin India, seperti kaum-kaum yang lain telah mendapat peluang untuk menyertai pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Antara program utama yang disertai oleh isi rumah India yang termiskin ialah Program Rakyat Termiskin dan Skim Pinjaman Tanpa Faedah daripada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh adalah satu dakwaan yang melampau dan tidak berasas serta mempunyai muslihat politik. Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa kemiskinan di kalangan isi rumah orang India adalah teruk. Hasil daripada pertumbuhan ekonomi yang baik dan pelaksanaan pelbagai strategi dan Program Pembasmian Kemiskinan di atas, insiden kemiskinan di kalangan isi rumah India di dapati telah berkurangan daripada 39.2% pada tahun 1970 kepada 1.3% pada tahun 1997. Perangkaan ini adalah lebih rendah daripada

insiden kemiskinan peringkat nasional yang berkurangan daripada 49.3% kepada 6.1% pada tempoh yang sama.

Sebagai perbandingan insiden kemiskinan bagi isi rumah bumiputera berkurangan daripada 64.8% pada tahun 1970 kepada 9% pada tahun 1997. Manakala bagi isi rumah Cina insiden berkurangan daripada 26% kepada 1.1%.

Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa pelaksanaan Program Pembasmian Kemiskinan sejak DEB dan DPN telah berjaya meningkatkan taraf sosio ekonomi masyarakat India dan juga kaum-kaum lain sejajar dengan kemajuan pembangunan ekonomi negara. Majoriti isi rumah miskin masih lagi terdiri dari kalangan kaum bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan Yang Berhormat mengenai Keluaran Dalam Negara Kasar seperti juga negara-negara lain, Malaysia tidak mengira kaum.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya tidak setuju dengan perkataan ada 'muslihat' kerana menanya soalan yang begini kerana saya sebagai seorang wakil rakyat, saya bertanggungjawab dan untuk menunjukkan keprihatinan kami terhadap kaum yang miskin dan juga ini termasuk masyarakat India.

Jadi, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebab ataupun punca kemiskinan masyarakat India terutamanya mereka yang bekerja di kawasan luar bandar dan estet dan bilakah kerajaan akan menyahut saranan Kesatuan Pekerja India dan juga Pertubuhan Kaum India untuk menuntut gaji minimum tetap bagi mereka. Jadi, sama ada kerajaan telah mengadakan dialog dengan Kesatuan Pekerja seperti ini dan bilakah kerajaan akan melaksanakannya?

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat baca dengan teliti soalan yang dikemukakan, itu adalah satu tuduhan yang kerana Yang Berhormat mengatakan "*memandangkan kemiskinan sangat teruk*". Ini bermakna Yang Berhormat tidak meneliti, tidak melihat perangkaan dan tidak membuat perbandingan kerana apabila kata "*sangat teruk*", ini satu tuduhan yang menekankan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak prihatin kepada masalah kemiskinan kaum India.

Saya ingin menjelaskan di sini Kerajaan Barisan Nasional memang sedaya upaya untuk mengatasi masalah kemiskinan kaum India termasuk melantik seorang Timbalan Menteri duduk di Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk mengatasi masalah kemiskinan di seluruh negara termasuk kaum India [*Tepuk*].

Jadi, kita tanya apa DAP buat? DAP buat hanya menghasut orang India untuk [*Tepuk*] [*Ketawa*] mengacau, untuk melawan Barisan Nasional. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Soalan tidak dijawab. [*Sorak*]
[*Disampuk*]

Seorang Ahli: Soalan tidak dijawab.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya.

Dato' Yap Pian Hon: Ini floor saya,

Puan Teresa Kok Suh Sim: Hei, jawab soalan dahulu. Soalan saya tidak dijawab

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua,

Puan Teresa Kok Suh Sim:adakah ini menunjukkan[*Disampuk*]

Tuan Yang di-Pertua: Nanti kejap. Yang Berhormat, cukuplah. Timbalan Menteri sila duduk. Ya, cukuplah. Ya, Serdang.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih,

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekalian tidak bolehlah – Yang Berhormat bagi Seputeh sila duduk ya. Kita tidak boleh harap semua soalan dijawab mengikut kehendak kita. Mengikut apa yang kita suka. [*Tepuk*] Sila Serdang, ya.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya telah dapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berkaitan dengan kedudukan sebenarnya masyarakat India. Satu ketikanya, Kerajaan Persekutuan telah meminta kerajaan negeri supaya setiap estet, ladang getah yang besar supaya menguntukkan rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang.

Soalan saya, sama ada kerajaan teruskan rancangan perumahan untuk pekerja ladang di satu-satu kawasan yang telah disetujui dan supaya dapat memberi perumahan kepada kaum India selepas bersara daripada ladang itu.

Datuk Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Serdang.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya kawan saya dari Seputeh begitu marah dengan sebab soalan tidak dijawab. Tidak dijawab kerana ia adalah Yang Berhormat pun tidak tahu kementerian mana untuk majukan soalan, itu kita tidak jawab. Jadi, kita tidak beritahu kerana kita tidak mahu memalukan Ahli Yang Berhormat, tetapi kalau Yang Berhormat minta kita akan beri. Jadi, Yang Berhormat kena melihat ke mana hendak memajukan sesuatu soalan itu.

Mengenai soalan dari Ahli Yang Berhormat bagi Serdang tadi, memang kerajaan memahami masalah kemiskinan kaum India, di antaranya adalah ada kelompok-kelompok kaum India yang duduk di estet-estet yang kecil-kecil, yang berpecah-pecah di mana masalahnya ialah masalah kemudahan asas. Perkara ini memang dilihat dan diatasi oleh kerajaan dan kementerian berkenaan termasuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar memang mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini bersama-sama dengan masalah kemiskinan kaum-kaum yang lain di kawasan luar bandar.

[Soalan No. 8 – Dr. Tan Yee Kew [Klang] tidak hadir]

9. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungei Benut] minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) kedudukan terkini berhubung dengan cadangan penubuhan EAEC dan adakah terdapat perubahan-perubahan kejayaan dan pandangan-pandangan yang terbaharu dari pihak negara-negara Asia seperti Jepun, China dan Korea Selatan dan jika ada bilakah cadangan ini akan dapat dilaksanakan; dan
- (b) sejauh manakah kukuhnya pakatan ASEAN bagi merealisasikan cadangan pakatan ini.

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Konsep penubuhan East Asia Economic Caucus, dengan izin, telah bermula dengan konsep yang asal iaitu konsep EAEG. Konsep ini sebenarnya telah mendapat sokongan awal dari negara-negara Asia Timur seperti China, Jepun dan Korea Selatan. Jepun dan Korea Selatan walau bagaimanapun, tidak dapat meneruskan sokongan mereka kerana tekanan daripada Amerika Syarikat. Apa yang jelas, EAEC telah pun diterima, cuma pelaksanaannya tidak dapat dilakukan kerana tidak disenangi oleh Amerika Syarikat.
- (b) Kerjasama antara negara-negara anggota ASEAN, China, Jepun dan Republik Korea iaitu negara-negara yang dirangkumi di dalam EAEC telah berkembang dengan pesat di pelbagai peringkat sehingga ke peringkat yang tertinggi. Ini amat jelas dapat dilihat dari Mesyuarat Ketua-ketua Negara Kerajaan ASEAN+3 iaitu negara-negara anggota ASEAN dengan China, Jepun dan Republik Korea yang telah diadakan sebanyak tiga kali setakat ini yang terakhir sekali dalam bulan November 1999 di Manila. Mesyuarat terakhir Ketua-ketua Negara ASEAN+3 di Manila yang lalu telah bersetuju untuk memperluas dan memantapkan lagi kerjasama antara negara-negara rantau Asia Timur meliputi pelbagai bidang termasuk bidang ekonomi, perdagangan, kewangan, sosial, pembangunan sumber manusia, sains, pembangunan teknologi, kebudayaan, maklumat, pembangunan dan politik. Kenyataan bersama mengenai kerjasama Asia Timur yang dikeluarkan oleh Mesyuarat Ketua-ketua Kerajaan negara ASEAN+3 menunjukkan hakikatnya Asia Timur telah pun terbentuk. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi mengatakan bahawa Amerika Syarikat tidak menyenangi usaha-usaha penubuhan ini. Jadi, saya ingin tahu sejauh manakah usaha-usaha melobi ataupun usaha-usaha memberi penerangan yang sejelas-jelasnya kepada Amerika Syarikat daripada kerajaan kita untuk merealisasikan penubuhan ini dan adakah kerajaan bercadang dengan usaha-usaha yang lain untuk meneruskan penubuhan ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, yang paling penting sekali ialah dari segi pelaksanaannya. Dari segi pelaksanaannya EAEC telah pun terbentuk dan wujud dan beberapa mesyuarat ASEAN+3 dan baru-baru ini kenyataan bersama menunjukkan bahawa negara-negara dalam Asia Timur menerima penubuhan EAEC ini dan ianya akhirnya akan dapat diterima oleh pihak-pihak lain di peringkat antarabangsa.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan EAEC ini merupakan sebahagian daripada apa yang diwarwarkan oleh pemimpin-pemimpin di negara kita. Persoalan yang ada di hadapan kita ialah penolakan yang berlaku yang dikatakan penolakan daripada kuasa-kuasa besar terutamanya Amerika Syarikat sendiri, cuma kalau kita melihat kepada penubuhan EAEC ini tidakkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengambil kira juga dari sudut good governance ataupun persoalan demokrasi dan human rights yang ada dalam konteks negara kita dan juga kalau kita mengambil dalam perspektif ASEAN sendiri, bagaimana kita yang membawa ataupun yang mewarwarkan EAEC ini boleh mengetengahkan perkara ini, penubuhan EAEC ini dalam konteks penerimaan peringkat antarabangsa sedangkan kita tidak mampu dari sudut penerimaan, dari sudut human rights, good governance dan sebagainya.

Saya menyebut ini kerana mempunyai perkaitan dengan baru-baru ini menteri berkenaan telah bertemu dengan Junta, military Myanmar di mana antara lain, dengan izin, saya ingin menyebut

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat!

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ini soalnya, dengan izin, mengenai Junta Myanmar ini menteri berkenaan menyatakan, *“That is*

not our responsibility, our relations are with the governments of the day, it is up to the Myanmar government to resolved its internal situation.” Jadi, persoalan inilah yang mempunyai perkaitan kalau kita tidak mampu melihat dalam perspektif hak-hak asasi dan sebagainya ...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ..bagaimana kita dapat menentengahkan persoalan ini. Saya ingat minta perjelas. Terima kasih.

Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu tidak memahami berkenaan dengan EAEC. EAEC ini dikhuatiri oleh Amerika bukan kerana ianya melibatkan soal urus tadbir yang baik iaitu good governance ataupun soal hak asasi, ianya sebenarnya kerana Amerika mahu melihat terkandung di dalam EAEC juga New Zealand dan Australia. Kita berpendapat oleh kerana ia berasaskan kedudukan alam di situ geografinya, Australia dan New Zealand tidak seharusnya dirangkumkan di dalam EAEC.

Oleh itu, amat penting sekali kita memahami bahawa konsep ini kita akan terus dan ia telah mendapat penerimaan di peringkat Asia European Meeting (ASEM) sekali pun, ini menunjukkan bahawa negara-negara di Eropah dan juga di Amerika, mereka menerima, hanya soal mereka takut kepada persaingan yang akan timbul di atas penubuhan NAFTA dan perkara-perkara sedemikian. Kita akan teruskan usaha kita dan akhirnya kita yakin dan percaya akan mendapat penerimaan.

Saya ingin menjelaskan kepada Yang Berhormat, salah satu perkara yang menyebabkan ASEAN menjadi satu pertubuhan yang kukuh dan kuat, ialah kerana ASEAN berpegang kepada tidak campur tangan di dalam hal ehwal dalaman sesebuah negara dan kita berharap setiap negara dalam ASEAN yang mengamalkan good governance atau urus tadbir yang baik itu akan akhirnya mempengaruhi dalam soal demokrasi dan hak asasi negara yang lain. Terima kasih.

10. Puan Hajah Sukinam Domo [Batang Sadong] minta Menteri Pertanian menyatakan kemajuan pelaksanaan program-program dalam Dasar Pertanian Negara III.

Menteri Pertanian [Datuk Effendi bin Norwawi]: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini begitu luas sekali iaitu Ahli Yang Berhormat bagi Batang Sadong meminta penjelasan menyatakan apakah kemajuan pelaksanaan program-program dalam Dasar Pertanian Negara III. Walaupun demikian, saya ingin memberi penjelasan di sini yang sebenarnya DPN3 dilancarkan pada 8 Jun 1999. Jadi, memandangkan dasar ini baru sahaja dilaksanakan maka adalah terlalu awal untuk melihat kemajuan daripada pelaksanaan program-programnya. DPN3 ini menyediakan rangka mikro dalam pembangunan sektor pertanian negara sehingga tahun 2010. Secara umumnya tujuannya ialah meningkatkan pendapatan negara dan juga meningkatkan pendapatan pengusaha-pengusaha pertanian. Dan ia juga menyediakan rangka kerja pelaksanaan program dan projek yang perlu diutamakan termasuklah meningkatkan produktiviti, daya saing, sekuriti bahan makanan negara.

Dari segi pelaksanaannya, langkah pendeknya, saya menyambung usaha menteri yang lepas iaitu memberi taklimat dan seminar berhubung dengan dasar berkenaan kepada semua pihak yang berkaitan. Pada masa ini kita telah mengadakan 52 seminar di seluruh negara dan satu dari rancangan saya ialah untuk pergi ke negeri-negeri dalam bulan Mac dan April ini untuk menyambung usaha-usaha itu.

Satu dari perkara yang penting dalam pelaksanaan ini ialah usaha membangunkan infrastruktur pemasaran yang telah dibincangkan tadi dan mempertingkatkan penyelidikan supaya negara kita meninggikan kepakaran kita dalam sektor pertanian ini. Kita juga akan mengenal pasti komoditi-komoditi di mana negara kita mempunyai daya saing untuk pemasaran di dalam negeri dan di peringkat global dan mengenal pasti komoditi-komoditi yang boleh diusahakan secara komersial dan bidang ekonomi.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, pelancaran Dasar Pertanian Negara III oleh Kementerian Pertanian mendapat sambutan daripada kebanyakan negeri-negeri di Semenanjung seperti Johor, Perak dan Pahang dengan menyediakan 4,000 hektar kawasan pertanian. Soalan saya, apakah langkah-langkah proaktif yang dibuat oleh kementerian supaya negeri-negeri lain menyediakan kawasan pertanian seperti negeri-negeri di atas tadi terutama negeri Kelantan dan

Terengganu dalam usaha Kerajaan PAS bersama-sama untuk membasmi kemiskinan dan mempertingkatkan perusahaan pertanian? Terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, saya akan berunding dengan semua menteri-menteri besar dan ketua menteri dan saya dapati pada masa ini banyak negeri telah pun mula membuat perancangan untuk melaksanakan DPN3 ini dan negeri Johor adalah satu dari contoh yang cemerlang di mana negeri Johor telah memperuntukan sebanyak 30,000 hektar untuk zon pengeluaran makanan kekal dan saya mengharapkan supaya setiap negeri akan dapat berunding sama dan satu dari rancangan kami ialah untuk berunding dengan kerajaan negeri memperuntukkan tanah yang besar yang boleh diusahakan untuk zon pengeluaran makanan tetap dan juga untuk menjalankan projek pertanian secara moden skala besar yang akan juga melibatkan pengusaha-pengusaha dan petani-petani kecil.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya pohon mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri Pertanian. Kalau ikut Dasar Pertanian Negara III di situ dicatatkan berkenaan dengan perikanan laut lepas. Saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan secara yang agak terperinci untuk memastikan bot laut dalam yang mendapat lesen negara kita mendarat di negara kita, bukan di Thailand, bukan di lain-lain tempat dan kalau boleh berapa sekarang ini jumlah nilai yang diimport daripada Thailand dan berapakah bot-bot kita yang mendarat di Thailand yang kita lulus lesen tetapi mereka naik di Thailand, kita import ikan itu daripada Thailand dan apakah sebab-sebab perkara ini berlaku. Sekian, terima kasih.

Datuk Effendi bin Norwawi: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perkara ini paling ketara di negeri Sarawak dan Sabah khususnya dan saya telah pun menghantar satu pasukan penyelidik minggu lepas dan kita dapati memang banyak mereka yang telah diberikan lesen charter vessel ini tidak mengurus dan mengusaha charter mereka dengan sendiri, mereka telah memulangkan sebulat-bulatnya kepada pihak-pihak khususnya pekerja-pekerja asing daripada Thailand. Kita dapati memang benar yang banyak ikan-ikan ini tidak dibawa balik ke kawasan perairan kita. Jadi, tindakan-tindakan tegas sekarang ini sedang diambil, kita akan buat satu operasi besar-besaran yang akan melibatkan pihak marine, polis, tentera laut dan juga jabatan perikanan

sendiri untuk mengawal, meronda laut dan juga kita akan menggunakan tentera udara yang akan membantu kita.

Satu daripada tindakan yang akan kita ambil ialah di mana pengusaha tidak mengusahakan charter vessel mereka sendiri dan didapati mereka ini memberi sebulat-bulatnya kepada pihak asing, kita akan memberhentikan charter vessel mereka ini. Perkara ini sedang dalam kajian saya dengan telitinya. Terima kasih.

11. Dato' Yap Pian Hon [Serdang] minta Menteri Kerja Raya menyatakan strategi dan rancangan kementerian jangka masa panjang untuk memantau dan menjaga kepentingan dari segi pelancongan dan kediaman penduduk di Cameron Highlands berkait dengan tanah runtuh dan ancaman keselamatan pengguna jalan ke tempat peranginan tersebut.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah keselamatan ke atas penduduk-penduduk tempatan dan pengunjung-pengunjung apabila melibatkan projek-projek pembangunan di kawasan tanah tinggi terutamanya di kawasan-kawasan yang terkenal dengan pusat-pusat pelancongan seperti Cameron Highlands. Dari segi pembinaan jalan raya umpamanya, Kementerian Kerja Raya memastikan pemotongan cerun-cerun bukit hendaklah dilakukan secara minimum, manakala pembinaan cerun-cerun baru hendaklah mengambil kira kestabilan dan kekuatan cerun bagi mengelak berlakunya kejadian runtuh cerun terutamanya pada musim hujan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan keselamatan jalan dan kestabilan cerun adalah seperti berikut:-

- (i) mengkaji semula kestabilan dan daya tahan cerun serta kenal pasti cerun-cerun yang berkemungkinan boleh berlaku tanah runtuh;
- (ii) memperbaiki dan mempertingkatkan superstruktur yang terdapat di Cameron Highlands supaya kejadian tanah runtuh dapat dielakkan;
- (iii) kerja-kerja penyelenggaraan rutin seperti membersihkan semak-samun dan longkang tepi jalan telah dan akan

dijalankan dari masa ke semasa untuk memastikan saluran air tidak tersumbat. Kerja-kerja ini dilakukan dengan kerjasama Jabatan Pengaliran dan Saliran untuk memastikan ianya dijalankan dengan lancar;

- (iv) satu pasukan tindakan serta-merta yang di bawah kelolaan Jurutera Daerah Cameron Highlands telah dibentuk bagi mengatasi masalah tanah runtuh. Pasukan ini bersedia mengambil tindakan dengan segera sekiranya berlaku tanah runtuh pada bila-bila masa;
- (v) satu jalan baru yang menghubungkan Simpang Pulau ke Lojing sedang dibina untuk memberikan jalan alternatif kepada pelancong dan penduduk di Cameron Highlands.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, fakta-fakta semula jadi yang tidak dapat dielakkan seperti hujan berlebihan dan faktor manusia yang menjalankan aktiviti pertanian tanpa kawalan berdekatan dengan jajaran jalan juga akan menyebabkan permukaan tanah menjadi lembut, padat sehingga berlakunya pengaliran tanah lumpur dan tanah runtuh.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya hendak bertanya satu projek yang berkaitan dengan cadangan lebuh raya antara Genting Highlands, Frasers Hill dan Cameron Highlands, bilakah projek pembinaan lebuh raya akan dilancarkan supaya ketiga-tiga kawasan akan disambung dengan menarik ramai lagi pelancong ke kawasan tersebut?

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan itu. Untuk perhatian Ahli Yang Berhormat, projek itu masih lagi dalam peringkat pertimbangan kerana dalam masa beberapa tahun yang lepas kerana kegawatan ekonomi, sebahagian dari projek-projek kementerian ditangguhkan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik kepada jawapan Yang Berhormat tadi bahawa jumlah lima strategi itu yang digunakan untuk mencegah dari keruntuhan cerun-cerun, bolehkah Yang Berhormat terangkan sejak lima tahun yang kebelakangan ini, berapa kejadian, insiden

keruntuhan, sebab Tuan Yang di-Pertua, apabila saya pergi ke Cameron Highlands atau Bukit Fraser ataupun Genting Highlands, saya pun sangat takut bukan sahaja bukit itu bahkan juga di Lebuhraya Utara-Selatan, saya lihat kadangkala cerun itu runtuh. Adakah ini bermakna keberkesanan yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tidak wujud kerana Yang Berhormat sendiri pun boleh melihat di cerun-cerun di LDP, saya pun takut juga bila melihat cerun-cerun yang curam itu....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, soalnya Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: Soalnya ada, mengenai keberkesannya, adakah ini kerana kakitangan kementerian tidak cukup untuk melaksanakan strategi ini, cuma di dalam teori sahaja tidak cukup, kita mahu dari praktisnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, cukuplah. Sila jawab Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin: Yang Berhormat, kalau takut naik gunung, jangan naik gunung, itu sahaja. Soalnya Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada maklumat berapa kerap dalam masa lima tahun yang lepas berlakunya tanah runtuh dan sebagainya, tetapi haruslah kita faham dalam bulan Januari yang lepas, keadaan yang berlaku adalah kerana hujan yang lebat dan aktiviti pertanian yang dilakukan oleh petani di sana dekat dengan jajaran jalan yang sedia ada. Jadi, soal dari segi kementerian, kita memang ada, memang ada tindakan kita, pasukan kita yang sentiasa bersedia. Jadi, soalnya sama ada tindakan kita itu cukup atau tidak kerana kita harus faham bahawa faktor-faktor luaran seperti act of God itu juga yang menyumbang kepada soal-soal ini. Jadi, dari segi kementerian kita sudah ada, sudah ada kita punya tindakan-tindakan yang kita ambil dan kita bersedia jika berlaku keadaan-keadaan itu untuk kita mengatasinya.

[Soalan No. 12 - Dr. Maximus Johnity Ongkili (Bandau) tidak hadir]

13. **Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan:-

- (a) mengapa kerajaan meluluskan TNB membina stesen elektrik berkuasa tinggi lengkap dengan 5 pylon hanya 30 kaki dan bukannya 132 kaki dari kawasan perumahan SS25/15 dan SS25/17, di mana bunyi

transformer-transformer pencawang elektrik telah mengganggu ketenteraman penduduk kawasan sekelilingnya; dan

- (b) mengikut Akta Bekalan Elektrik, pembinaan pylon tidak perlu mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan. Jika benar, apakah jaminan tentang keselamatan penduduk-penduduk dan persekitarannya.

Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) di bawah seksyen 43(j) Peraturan-Peraturan Bekalan Elektrik 1990, syarat keselamatan yang diperlukan ialah 4.57 meter atau 16.45 kaki sahaja daripada konduktor. Kedudukan talian penghantaran yang terlibat di kawasan SS 25/15, SS 25/17 Petaling Jaya memenuhi syarat keselamatan tersebut. Oleh itu, adalah selamat bagi penduduk-penduduk persekitarannya. Gangguan ketenteraman daripada bunyi alat ubah (transformer) telah dirujuk kepada Jabatan Alam Sekitar. Jabatan tersebut akan mengambil tindakan yang sewajarnya.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Bekalan Elektrik tidak mempunyai peruntukan mengenai bangunan seperti pembinaan pylon, reka bentuk dan pembinaan pencawang, TNB adalah mengikuti keperluan keselamatan dan persekitaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Soal Jawab sudah cukup, Ahli Yang Berhormat ya.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 8, 12 dan 14 hingga 20 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”.

“Bahawa Dewan ini, mengikut Seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada dua puluh empat bilion enam ratus tujuh puluh empat juta dua ratus sembilan puluh dua ribu ringgit (RM24,674,292,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2000, bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 2000 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 1999 adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut, dan bahawa Usul yang telah diluluskan oleh Dewan ini pada 20 Disember 1999 mengenai perbelanjaan yang dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2000 adalah dibatalkan hendaklah disahkan” *[2 Mac 2000]*.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat PJ Utara.

11.04 pagi

Puan Chew Mei Fun [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-

Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan Belanjawan 2000. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana tidak menghampakan amanat rakyat telah mencatat pertumbuhan ekonomi yang amat menggalakkan iaitu 5.4% untuk tahun 1999 demi membolehkan negara berjaya pulih dari kemelesetan ekonomi ke arah memperkukuhkan ekonomi negara. Ini jelas membuktikan rakyat telah membuat pemilihan yang bijak dan tepat pada Pilihanraya Umum yang baru berlalu. Begitu juga Kementerian Kewangan selain mengekalkan perbelanjaan yang telah dicadangkan, juga telah menambah beberapa perancangan baru untuk memanfaatkan rakyat. Tindakan murni ini menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang sentiasa bersikap 'Berat Mata Memandang, Berat Lagi Bahu Memikul' juga merupakan sebuah kerajaan yang berjiwa rakyat.

Dalam tempoh 43 tahun kita memerintah negara sendiri, kepesatan pembangunan yang dicapai dalam semua segi adalah satu kejayaan yang amat membanggakan. Belanjawan 2000 ini juga menyentuh hampir segala aspek. Walau bagaimanapun, setiap perancangan juga ada kekurangan dan kelemahannya dan perlu ditambah dan diubahsuaikan dari masa ke semasa. Oleh itu saya minta izin untuk memberi pandangan dan cadangan yang dihubung-kait dengan kaum wanita, warga tua dan pemilikan rumah sendiri supaya dapat diserapkan dalam Belanjawan 2000.

Perkara berhubung dengan wanita dalam pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, pada Belanjawan 2000 yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan, kerajaan telah memberi kepujian tinggi tentang penglibatan dan komitmen wanita dalam arus perdana pembangunan negara dan akan meneruskan program yang sedia ada serta memperluaskan program latihan pengurusan dan keusahawanan wanita. Antara lain telah melaksanakan pelbagai projek kebajikan dan kekeluargaan untuk kaum wanita termasuk penubuhan pusat perlindungan wanita untuk wanita yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga. Mengadakan panel sokongan ekonomi di bawah program ibu tunggal wajar dan lain-lain. Sungguhpun ini adalah satu tindakan yang amat baik tetapi Belanjawan 2000 tidak memaklumkan jumlah kewangan yang akan

diperuntukkan untuk projek-projek tersebut dan kejayaan yang dihasilkan daripada pelaksanaan perkhidmatan kebajikan kepada kaum wanita. Justeru, saya minta mendapat jawapan terhadap kedua-dua perkara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, demi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum wanita dengan lebih cepat dan efektif, kita harus berusaha mencari dan mengkaji punca-punca masalah supaya langkah-langkah yang diambil dapat menyelesaikan masalah dengan selama-lamanya. Contohnya, hingga sekarang kaum wanita masih menerima layanan yang berat sebelah akibat pemikiran yang tradisional. Kita seharusnya menyelesaikan masalah ini dengan melalui pendidikan. Pada pandangan saya sebab-sebab kaum wanita masih tidak diiktirafkan sama status dengan kaum lelaki adalah kerana masyarakat masih terbelenggu oleh adat tradisi yang lebih menghormati kaum lelaki. Bimbingan keluarga dan kanak-kanak sekolah langsung tidak dibimbing atau disemai dengan nilai bahawa kaum wanita dan kaum lelaki mempunyai taraf yang sama. Hari ini akibat pertumbuhan ekonomi yang pesat, ramai kaum wanita semakin berpendidikan dan ini telah menggalakkan kaum wanita kian menyertai pasaran sumber tenaga.

Kita meminta kaum wanita bekerja sambil memikul tanggungjawab mengurus hal-hal rumah tangga tetapi kita tidak mengambil kira untuk melibatkan kaum lelaki supaya berkongsi tanggungjawab dalam usaha urus rumah tangga bagi meringankan beban kaum wanita. Ini adalah kerana masyarakat masih mengamalkan sikap bahawa urusan rumah tangga adalah tanggungjawab kaum wanita dan jika kaum lelaki terlibat dalam urusan rumah tangga mereka akan menjejaskan maruah mereka. Akibatnya masyarakat kini memperlakukan kaum wanita sebagai wanita hebat (superwoman) yang murah.

Jika dipandang dari segi beberapa kes mendera pembantu rumah yang sedang berlaku di negara ini dan salah satu sebab keganasan itu berlaku ialah berpunca dari tekanan tanggungjawab yang berat 'dalam' tempat pekerjaan, urusan rumah tangga serta terpaksa mengawasi kemungkinan berlaku pembantu rumah saling menggantikan mereka sebagai puan rumah dan berbagai-bagai tekanan lain. Jika keadaan ini diharungi oleh kaum wanita memang tidak adil dan harus dipandang berat oleh semua pihak.

Bagi mengatasi masalah ini, selain mengubah dasar-dasar yang sedia ada, juga penting mengikis sikap masyarakat yang sentiasa terkongkong kepada adat tradisi yang boleh mengakibatkan masalah berat sebelah atau layanan tidak adil kepada kaum wanita. Oleh itu, saya menggesa Kementerian Pendidikan supaya dalam kursus latihan perguruan, pelatih-pelatih diajar bahawa kaum lelaki dan kaum wanita adalah sama taraf demi melahirkan guru-guru yang akan menyemai nilai yang baik itu kepada anak-anak murid mereka. Begitu juga bercadang supaya kerajaan mengadakan satu penyelidikan di peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat pengajian tinggi dan menyerapkan nilai kaum lelaki dan kaum wanita adalah sama taraf ke dalam mata pelajaran. Pada masa yang sama membuat penyelidikan bagaimana dapat melalui sekolah dan kegiatan ko-kurikulum sekolah, melancarkan nilai sama taraf antara lelaki dan wanita di kalangan pelajar-pelajar sekolah demi membentuk satu masyarakat kaum lelaki dan kaum wanita yang saling menghormati antara satu sama lain. Saya berharap kerajaan akan mendirikan pusat asuhan di tempat kerja dan mengadakan waktu kerja yang fleksibel untuk pekerja kaum wanita dengan segera.

Perkara berkaitan masyarakat warga tua. Tuan Yang di-Pertua, masyarakat warga tua adalah golongan yang telah memberi sumbangan kepada negara, maka perlu dihormati dan diberikan perhatian, tetapi malangnya difahamkan buat masa kini kebajikan warga tua tidak diuruskan dengan secukupnya. Misalnya, sungguhpun pada Belanjawan 2000 kerajaan telah menaikkan pelepasan premium insurans perubatan daripada RM2,000 kepada RM3,000 dan merupakan satu kemudahan yang baik tetapi kemudahan ini hanya akan memanfaatkan warga tua di bawah umur 60 tahun. Ini adalah kerana warga tua yang layak menyertai Program Insurans Perubatan adalah warga tua di bawah umur 60 tahun. Ini bermaksud golongan warga tua yang umur mereka telah melebihi 60 tahun akan menghadapi masalah memperoleh rawatan perubatan kerana tidak layak menyertai program tersebut. Justeru itu saya bercadang pihak kerajaan merancangkan satu program insurans perubatan khas untuk membantu para warga tua yang miskin dan terlepas dari menyertai Program Insurans Perubatan sebelum umur 60 tahun seperti memberi panduan

kewangan, subsidi insurans perubatan atau menye diakan program kebajikan perubatan warga tua.

Sebagai langkah meningkatkan taraf pendidikan dan mencergaskan pertumbuhan ekonomi negara, kerajaan membenarkan ibu bapa mengeluarkan wang simpanan KWSP mereka untuk membiayai perbelanjaan pendidikan dan pembelian perkakasan dan perisian komputer untuk meringankan beban ibu bapa. Walaupun ini adalah satu tindakan yang baik tetapi saya bercadang supaya kerajaan juga harus mengadakan sesuatu rancangan untuk ibu bapa yang mengalami kesempitan hidup apabila bersara kerana sejumlah besar wang simpanan mereka dalam KWSP telah dikeluarkan untuk membiayai perbelanjaan pendidikan anak-anak mereka.

Begitu juga adakah kerajaan membenarkan anak-anak menggunakan wang simpanan mereka dalam KWSP untuk membiayai perbelanjaan perubatan ibu bapa mereka. Antara lain saya juga bercadang supaya kerajaan mendirikan sebuah badan khas untuk merancang kegiatan yang sihat untuk masyarakat warga tua serta menjaga warga tua yang tidak mempunyai saudara-mara bagi membolehkan mereka mendapat perlindungan.

Perkara berkaitan pemilikan rumah sendiri. Tuan Yang di-Pertua, pada hakikatnya memiliki sebuah rumah sendiri amat penting kepada setiap orang tetapi ia juga merupakan satu perkara yang susah diuruskan. Kerajaan sedang gigih berusaha untuk menjayakan projek perumahan bagi menyediakan tempat tinggal berkualiti yang mencukupi. Wilayah Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor telah menetapkan matlamat menjelang tahun 2005 kedua-dua kawasan tersebut akan bebas dari kesan rumah setinggan iaitu rumah setinggan sifar dengan pembinaan rumah pangsa kos rendah yang lebih banyak. Ini jelas menunjukkan kerajaan menitikberatkan keperluan asas rakyat

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana harga tanah semakin meningkat, pembangunan apartment dan pangsa puri atau kondominium kos tinggi dijangka akan pesat berkembang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Penyelenggaraan dan penjagaan apartment dan pangsapuri dibiayai oleh bayaran perkhidmatan yang dikutip setiap bulan. Buat masa ini oleh kerana berlakunya kejadian di mana sekumpulan daripada pemilik-pemilik rumah kediaman itu tidak membayar bayaran perkhidmatan (service charge) tepat pada masanya atau langsung tidak mahu membayarnya telah menyebabkan perbelanjaan pengurusan yang tidak memadai. Akibatnya, pelbagai masalah telah timbul, misalnya kawasan tidak dikendalikan dengan baik dan kelihatan kotor kerana sampah-sarap tidak dikutip mengikut jadual. Perkhidmatan keselamatan kurang berkesan kerana kekurangan pengawal keselamatan dan bangunan telah bertahun-tahun tidak dicatkan. Semua ini sesungguhnya mengakibatkan pangsapuri kelihatan kotor dan tidak selesa untuk diduduki. Keadaan ini akan sedikit-sebanyak akan menjejaskan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah-masalah tersebut, saya berharap kerajaan akan mengkaji cara yang digunakan oleh negara jiran dalam mengendalikan apartment dan kondominium atau memperkenalkan peraturan-peraturan yang ketat untuk memastikan semua pemilik harta tersebut akan membayar bayaran perkhidmatan pada tarikh yang ditetapkan demi faedah masyarakat umum. Sikap tidak bertanggungjawab oleh segolongan pemilik rumah kediaman telah menyulitkan penghuni-penghuni yang mematuhi peraturan adalah tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga untuk mengelakkan berlakunya masalah tidak puas hati oleh pihak pemilik rumah atau bangunan terhadap keadaan tidak selesa di kawasan persekitaran perumahan mereka yang berpunca dari projek-projek pembangunan yang dilaksanakan di kawasan perumahan mereka, saya bercadang supaya pemaju perlu memberi maklumat-maklumat dalam risalah dan surat perjanjian tentang projek-projek pembangunan yang akan dilaksanakan pada masa depan. Penjelasan seumpamanya ini penting bagi membolehkan pembeli-pembeli rumah dan bangunan membuat keputusan sama ada hendak membeli harta-harta tersebut atau tidak demi mengelakkan sebarang kesulitan dan salah faham kemudian.

Di dalam aspek lain, kerajaan di dalam melancarkan kempen memiliki rumah sendiri untuk kali kedua telah membenarkan pengecualian duti stem

sepenuhnya di atas suratcara pinda milik untuk rumah bernilai kurang daripada RM75,000. Bagi rumah yang bernilai RM75,000 hingga RM150,000 duti stem dikecualikan sebanyak 50%. Tempoh pengecualian duti stem dilanjutkan selama dua tahun mulai 1 Januari 2000. Kemudahan ini memang merupakan satu galakan yang baik kepada rakyat tetapi jika dipandang dari segi tanggungan bayaran faedah kepada bank untuk bertahun-tahun sebelum pokok pinjaman perumahan murah mula dibayar, apabila jumlah pinjaman perumahan telah dapat diselesai dengan sepenuhnya, jumlah yang dibayar oleh pembeli rumah adalah dua kali ganda harga rumah. Ini merupakan satu beban yang amat berat kepada pembeli rumah. Untuk menggalakkan rakyat memiliki rumah kediaman sendiri serta mencergaskan ekonomi negara, saya bercadang supaya kerajaan membantu meringankan beban pembeli rumah untuk kediaman sendiri sahaja dengan cara kerajaan membenarkan pelepasan cukai kepada bayaran faedah atas pinjaman perumahan ke pada bank.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita bukan sahaja telah pulih dari kegawatan ekonomi tanpa bantuan luar, malah sedang menuju ke arah memperkukuhkan ekonomi negara. Pencapaian ini adalah kerana kita dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional yang berpandangan jauh dan berani dalam memperkenalkan dasar-dasar untuk mencergaskan kegiatan ekonomi negara.

Belanjawan 2000 adalah Belanjawan untuk rakyat, pasti akan dialu-alukan oleh semua lapisan rakyat. Cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh saya di Dewan yang mulia ini adalah untuk rujukan kerajaan semata-mata. Saya berharap semoga Belanjawan pada tahun akan datang akan memberi lebih faedah yang akan memanfaatkan semua lapisan rakyat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Baling

11.21 pagi

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: Bismillah hirahmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan oleh kerana saya tidak berpeluang untuk membahaskan ucapan Titah Tuanku maka dikesempatan ini

dalam perbincangan Belanjawan 2000, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada para pengundi dalam kawasan saya, kawasan Parlimen Baling, yang telah memilih PAS dan memilih saya dalam pilihan raya kali ini. Hari yang penuh mencatatkan sejarah negara dengan semangat daya juang rakyatnya akan lebih menterjemahkan di mana, walaupun Baling dikategorikan sebagai salah satu kawasan yang rakyatnya berpendapatan rendah tetapi masih mempunyai sikap dan ketahanan jiwa dan semangat daya juang yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan mulakan perbincangan dalam Belanjawan 2000 ini mengenai dengan gejala rasuah. Oleh kerana rasuah adalah merupakan salah satu ancaman besar kepada kemajuan dan pembangunan negara, suka ditekankan bahawa keprihatinan terhadap gejala rasuah oleh kerajaan dan rakyat di negara kita tidak dapat dinafikan. Cuma apa yang kita rasakan usaha-usaha untuk pembasmian rasuah harus di pertingkatkan lagi dari semasa ke semasa. Ini adalah kerana punca-punca utama gejala-gejala rasuah berlaku adalah disebabkan antaranya beberapa faktor sebagaimana berikut:

- i Kelemahan Individu -
Sikap ingin hidup mewah melebihi punca-punca pendapatan rasmi, perasaan tamak untuk membuat harta dan cepat kaya, sikap suka berjudi dan berhutang;
- ii Sosial dan Kebudayaan -
Disebabkan kelemahan pengajaran agama dan etika. Faktor ini menyebabkan pegangan atau iman dan nilai-nilai murni terlalu longgar, hilang perasaan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Keadaan masyarakat yang buta huruf dan tidak mengetahui hak diri, di mana mereka yang tidak berpelajaran dan berpengetahuan diperdaya atau diperas dalam sesuatu urusan supaya membayar suapan ataupun rasuah.
- iii Kepimpinan dan Pentadbiran -
Di mana kelemahan pemimpin sesebuah organisasi – antaranya adalah rasa takut mengambil tindakan

terhadap segala salah laku dan penyelewengan oleh orang bawahan. Takut tidak popular di kalangan orang bawah dan takut nama baiknya terjejas jika mendedahkan masalah-masalah yang berlaku dalam organisasi atau jabatan.

Melambat-lambat urusan pejabat seperti urusan memberi kelulusan permohonan permit, lesen, bayaran kerja dan perkhidmatan. Terlampau banyak penurunan kuasa seperti membiarkan kerja-kerja dijalankan oleh orang bawahan tanpa kawalan atau arahan yang tidak jelas. Memberi bidang tugas yang banyak dan luas kepada pekerja tertentu yang membuka ruang dan peluang kepada pekerja yang berkenaan melakukan rasuah dan penyelewengan.

- iv Pembangunan Ekonomi dan Modenisasi -
Melaksanakan projek-projek pembangunan tanpa kawalan di mana terlalu banyak projek pembangunan hendak disiapkan dengan segera sedangkan kemampuan kawalan dan penyeliaan di tahap lama. Ini boleh membuka ruang kepada rasuah untuk mengatasi karenah birokrasi dalam urusan-urusan yang berkaitan. Tekanan modenisasi untuk hidup berlumba-lumba dalam mana masyarakat hari ini dirangsangkan dengan kehidupan mewah dan serba moden, sedangkan kemampuan mereka adalah terbatas, lalu terlibat dalam kancah rasuah dan penyelewengan bagi menampung perbelanjaan mewah mereka.
- v Politik -
Di mana mereka mereka berusaha mencari kekayaan melalui politik, di mana penglibatan mereka dalam politik bukan untuk membela nasib rakyat tetapi mengambil kesempatan dari kuasa dan kedudukan untuk meraut sebanyak mungkin peluang untuk

mengumpul kekayaan diri dan keluarga tanpa menghiraukan peraturan dan undang-undang.

Penyalahgunaan kuasa dan pilih kasih, di mana yang banyaknya berlaku di kalangan anggota-anggota pentadbiran dan pegawai-pegawai awam yang menggunakan kedudukan atau jawatan mereka untuk faedah kewangannya atau apa-apa faedah lain kepada kaum kerabatnya.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan-keadaan ini adalah dipandang penting untuk kita pertingkatkan pembasmian rasuah, kerana kesan-kesan rasuah amat parah antaranya boleh menjauhkan jurang perbezaan di antara golongan berada dengan tidak berada. Di mana mereka yang berada akan bertambah kaya kerana mampu menyogok dengan pelbagai suapan yang lumayan. Mereka yang dapat membolot kekayaan dari pelbagai projek pembangunan dan perdagangan dengan pengaruh wang dan kedudukan, manakala golongan miskin terus terhimpit dan diperas. Hak-hak mereka terus dinafikan, angkaran gejala rasuah yang berleluasa.

Kesan rasuah juga boleh mengancam keselamatan individu dan negara di mana segala jenayah seperti pengedaran dadah, sindiket pelacuran, penyeludupan senjata, kongsi gelap dan sebagainya, dilindungi oleh penguatkuasa undang-undang yang disogok dengan wang dan harta benda menyebabkan keadilan tidak tertegak dan jenayah menjadi-jadi. Dan keadaan ini juga boleh mencetuskan pergolakan sosial dan prasangka – akibat rasuah dan penyelewengan, timbul ketidakpuasan di kalangan masyarakat kerana pembahagian peluang yang tidak seimbang yang boleh mencetuskan prasangka kaum apabila peluang diraih oleh sesuatu kaum sahaja.

Seterusnya, kesan rasuah boleh menjejaskan kecekapan dan kelicinan pentadbiran. Rasuah dan penyelewengan menjejaskan kecekapan individu jika sesebuah pentadbiran itu mempunyai ramai individu yang melakukan perbuatan itu maka seluruh sistem perjalanan akan terjejas dan seterusnya kesan rasuah boleh menaikkan kos barangan dan perkhidmatan di mana wang atau harta benda yang digunakan sebagai suapan dalam urusan pembekalan dan perkhidmatan akan dikira sebagai kos oleh pembekal, dengan itu harga barangan dan perkhidmatan dinaikkan bagi menampung kos rasuah yang

dikeluarkan. Ada pula kos tersebut diimbangi dengan mengurangkan mutu bekalan dan perkhidmatan supaya pembekal berkenaan tidak rugi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya, penglibatan Tabung Haji dalam kegiatan ekonomi negara. Umum mengetahui bahawa Tabung Haji berperanan sebagai tempat untuk umat Islam menyimpan dan menabung, seterusnya mendapatkan keuntungan daripada simpanan mereka, hasil dari usaha pelaburan yang dijalankan oleh Tabung Haji melalui anak-anak syarikatnya di pelbagai sektor. Untuk kejayaan seterusnya kepada pelaburan-pelaburan ini, Tabung Haji perlu mendapat keyakinan sepenuhnya terutama daripada pihak umat Islam yang menyimpan dan melabur melaluinya. Keyakinan ni terutamanya adalah berpunca dari usaha-usaha yang lebih bercorak Islam dan halal dari segi hukum Islam.

Difahamkan bahawa ada anak-anak syarikat Tabung Haji di sektor-sektor perladangan tidak menggunakan insurans-insurans yang diambil dari syarikat-syarikat insurans Islam atau Takaful Islam sepenuhnya, Syarikat Insurans Takaful misalnya adalah anak syarikat Bank Islam. Dan Tabung Haji mempunyai kurang lebih 30% saham dalam Bank Islam, tetapi kenapa kalau dakwaan ini benar, syarikat-syarikat tersebut tidak menggunakan insurans Takaful atau insurans Islam sepenuhnya.

Pihak Perbadanan Perusahaan dan Pengangkutan Tabung Haji (PPPTH), yang diberi tanggungjawab untuk menyediakan insurans-insurans untuk Tabung Haji tidak memberi sepenuhnya kepada insurans Islam, sama ada syarikat Takaful atau MNI untuk syarikat-syarikat di bawah Tabung Haji. Pihak PPPTH, menggunakan syarikat Royal Insurans dan pihak PPPTH ini mendapat imbuhan daripada Syarikat Royal Insurans yang bukan beroperasi secara Islam. Oleh itu kalau dakwaan ini benar maka saya melalui Dewan yang mulia ini menggesa supaya pihak Tabung Haji dapat menyemak semula dan biarlah wang hasil tabungan orang-orang Islam yang sebahagian besarnya untuk ke tanah suci ini dilaburkan dengan cara yang lebih meyakinkan umat Islam.

Seperkara lagi, saya difahamkan bahawa pihak syarikat Tabung Haji juga dibawah anak syarikatnya telah beroperasi dengan perkongsian dengan Syarikat Times Offset Malaysia Bhd. Time Offset Malaysia Bhd adalah

sebuah syarikat percetakan yang beroperasi di bawah payung *Times Publishing* di Batu 3, Shah Alam, Selangor. Ia adalah syarikat *joint-venture*, dengan izin, dengan Lembaga Tabung Haji. Syarikat ini difahamkan bahawa antara lain adalah mencetak bahan-bahan yang menjadi rutin cetakan harian ialah bahan-bahan *biblical*, sama ada *bible* atau cerita-cerita berkaitan dengan agama Kristian. Ia dicetak dalam pelbagai bahasa dunia dan untuk edaran seluruh dunia.

Jadi, dengan sebab itu yang kita pentingkan di sini, yang ditimbulkan di sini ialah bukan persoalan agama tetapi persoalan wang umat Islam yang ditabungkan untuk tujuan menunaikan fardhu haji telah disalahgunakan untuk sesuatu usaha yang bercanggah daripada niat dan hasrat umat Islam itu sendiri. Dan kalau dakwaan ini juga adalah benar, maka di Dewan yang mulia ini saya menggesa supaya pihak Tabung Haji agak lebih cermat dan lebih perihatin di dalam menggunakan wang-wang tabungan umat Islam itu untuk pelaburan-pelaburan dalam kegiatan-kegiatan ekonomi di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan peruntukan kepada Jabatan Agama dan Masjid, terima kasih diucapkan kepada pihak kerajaan yang sentiasa memberi perhatian yang berat kepada sudut pentadbiran dan penyelarasan jabatan-jabatan agama di seluruh negeri. Dengan perhatian ini, pelbagai program telah disusun agar jabatan-jabatan agama di negara ini memainkan peranan mereka yang sungguh besar di dalam usaha penghapusan atau mengurangkan kadar maksiat dan sebagainya yang berlaku, dalam masa yang sama berusaha menambahkan kesedaran dan kefahaman umat Islam untuk mendalami agama Islam itu sendiri. Tetapi malangnya di sebalik fungsi jabatan agama yang begitu hebat, berapa peratuskah peruntukan yang diperuntukan untuk jabatan agama ini sebenarnya.

Ini kerana berdasarkan aduan yang diterima terdapat jabatan-jabatan agama yang terpaksa menolak program-program atau pelawaan-pelawaan pihak-pihak yang ingin menganjurkan program yang berbentuk ilmiah dan keagamaan dengan alasan mereka tidak ada peruntukan yang mencukupi.

Masalah inilah yang berlaku misalnya kepada Jabatan Agama Islam Johor pada 24 Februari 2000 yang lalu, apabila terpaksa menolak perlawanan untuk menjadi penganjur bersama Forum Perdana dengan hanya menaja

makan malam untuk ahli-ahli panel yang jumlahnya tidak sampai ke angka RM100, dengan alasan tiada peruntukan. Apa yang akan terjadi kepada peranan dan fungsi jabatan agama sebenarnya, sekiranya terpaksa menolak program-program yang seumpama ini kerana tidak ada peruntukan.

Apakah akan jadi kepada peranan dan fungsi jabatan agama kerana peranan dan fungsi jabatan agama terlalu besar tetapi apakah memadai peruntukan yang disalurkan saban tahun. Apakah peruntukan itu sebesar fungsi mereka atau peruntukan itu hanyalah begitu terbatas dan terhad dan mereka terpaksa mengurangkan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ada yang berdiri daripada Tanjong Karang, minta penjelasan. Sila.

Tuan Haji Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat bagi Baling mengenai peruntukan. Saya difahamkan mengenai peruntukan ini kerajaan memang ada sediakan, sebagai contoh untuk Masjid Negara sahaja kita sediakan peruntukan untuk mengimarahkan masjid sebanyak RM73 ribu satu tahun. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat, bagaimanakah Yang Berhormat menggunakan peruntukan RM73 ribu setahun ini untuk mengimarahkan Masjid Negara sewaktu Yang Berhormat menjadi Imam selama 10 tahun di Masjid Negara.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Sebenarnya peruntukan ke Masjid Negara bukan RM73 ribu setahun, untuk maintenance sahaja RM120 ribu satu bulan tetapi walaupun RM120 ribu satu bulan diperuntukan maka kita terpaksa mengadakan lagi peruntukan-peruntukan dari sumber-sumber yang lain, untuk menggiatkan lagi Masjid Negara. Walaupun begitu, keadaan untuk mengembalikan fungsi masjid seperti imana yang sewajarnya kepada masyarakat dan umat Islam khususnya di negara kita ini supaya masjid itu lebih berperanan dan berfungsi maka peruntukan yang sebanyak itu walaupun tidak dinafikan jumlahnya banyak tetapi masih belum mencukupi dalam ertikata yang sebenarnya.

Jadi, itulah yang kita tekankan di sini bahawa peranan jabatan agama ini besar. Oleh kerana kita berada di sebuah negara yang sudah lebih 40 tahun merdeka dan kita tahu, kita berhadapan dengan cabaran-cabaran alaf baru maka fungsi jabatan agama yang begitu besar, kita mengharapkan supaya fungsinya ini dapat ditingkatkan dengan peruntukan-peruntukan yang lebih bermakna atau yang lebih besar lagi daripada peruntukan yang telah sedia diberikan.

Justeru itu, saya mengesa di Dewan yang mulia ini agar perkara yang seperti ini hendaknya tidak berulang lagi di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama juga berlaku di masjid-masjid di mana peruntukan untuk membiayai kos pengurusan masjid amatlah menyedihkan kecualilah di setengah-setengah masjid yang misalnya di Putrajaya atau di Masjid Negara. Tetapi di kebanyakan masjid-masjid lain contohnya elaun yang diperuntukan untuk pegawai-pegawai masjid seperti imam, bilal, noja dan pegawai masjid yang bertugas sepenuh masa untuk menguruskan masjid adalah tidak memadai dengan tugas yang dilakukan oleh mereka. Saya difahamkan ada di setengah-setengah negeri yang hanya memberi peruntukan elaun kepada imam-imam ini dengan hanyak RM200 sebulan. Kos sara hidup yang tinggi menyebabkan mereka tidak mampu untuk menyara keluarga, situasi ini menyebabkan mereka terpaksa melakukan kerja-kerja sampingan untuk menambahkan pendapatan mereka dan hal ini sudah tentu menjejaskan mereka untuk melakukan tugas mengimarahkan masjid.

Justeru itu, saya mengesa di Dewan yang mulia ini agar pihak kerajaan mengkaji semula peruntukan pengurusan masjid agar institusi ini dapat diimarahkan sepenuhnya. Sekiranya kita mampu membelanjakan ratusan juta ringgit untuk acara sukan berprestij, mengapakah kita begitu sukar untuk melaburkan wang untuk tujuan pembangunan insan dan pengukuhan institusi masjid.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan pentadbiran Jabatan Agama-Jabatan Agama di seluruh negara, langkah kerajaan untuk menyelaraskan Jabatan-jabatan Agama Islam di seluruh negeri amatlah dialu-

alukan kerana ia akan dapat mengelakkan pelbagai masalah yang timbul. Kemudahan pendidikan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat ada yang berdiri, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, suka saya menunjukan soalan ini, apakah makna dan maksud mengimarahkan masjid. Apakah dengan tidak membuat program masjid itu menunjukkan bahawa kita salah guna juga di dalam mentadbirkan masjid dan apakah Sabda Rasullulah (S.A.W) yang memberi makna dan maksud, “Akan datang satu hari nanti bahawa masjid-masjid indah tetapi ia tidak dimakmurkan dan tidak memberi hidayah kepada umat Islam di waktu itu”. Sekian.

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md. Taib: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, memang kita menyetujui dan kita memahami daripada penegasan-penegasan di dalam Al-Quranul Karim, mahupun juga Hadis-hadis Rasullulah (S.A.W) yang sebenarnya turut didedahkan dan diulas oleh para ulama yang muktabar bahawa pengimarahkan masjid itu mencakupi aktiviti-aktiviti yang luas yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam sama ada dari segi pengajian ilmu pendidikan dan juga sebenarnya adalah kalau dibandingkan atau kita lihat dengan peranan dan fungsi di zaman Baginda Rasullulah (S.A.W) masjid adalah merupakan satu pusat perkembangan dan kegiatan sosial yang baik untuk masyarakat dewasa itu.

Jadi, kalau kita lihat dan kalau kita terbaca dalam apa yang pernah didedahkan oleh As-Syauqani di dalam kitabnya Fathul Qadir yang menjelaskan bahawa antara perkara-perkara yang boleh menghalang dan memberi makna kepada merosakkan pengimarahkan masjid itu ialah apabila kita membendung dan menghalang yang menyebabkan terbantutnya usaha-usaha pengajian Islam secara yang lebih berketerampilan dan secara yang lebih bermakna kepada masyarakat itu yang disebabkan itu bermakna kita telah meruntuhkan dan merobohkan masjid.

Jadi inilah yang saya cuba pertingkatkan atau cuba diberi penekanan di dalam maksud-maksud kepada Belanjawan ini untuk dilihat supaya fungsi masjid itu dapat dikembangkan atau dapat dipertingkatkan.

Tuan Yang di-Pertua, kelemahan pentadbiran Jabatan Agama, langkah kerajaan untuk menye-laraskan Jabatan-jabatan Agama Islam di seluruh negeri amatlah dialu-alukan kerana ia akan dapat mengelakkan pelbagai masalah yang timbul. Namun selain daripada masalah tiadanya penyelarasan, Jabatan Agama Islam juga menghadapi masalah yang lain yang lebih kritikal iaitu kelemahan dari sudut pentadbiran jabatan itu sendiri. Ini kerana sebahagian besar antaranya disebabkan pegawai-pegawai yang mengetuai Jabatan Agama di sesetengah Jabatan Agama tidak mempunyai latar belakang agama yang munasabah untuk melayakkan mereka bertugas dengan sempurna malah ada juga pegawai-pegawai Jabatan Agama yang mempunyai latar belakang pengajian agama tetapi tidak didedahkan dengan kemahiran-kemahiran pengurusan yang membolehkan mereka menjalankan tugas dengan lebih baik.

Inilah kelemahan yang sering membuatkan masalah-masalah di Jabatan Agama sering tertunggak dan tergendala malah mereka juga tidak dapat berperanan aktif untuk membuat kajian, perancangan ataupun tindakan yang sewajarnya di dalam menangani gejala yang sering menimbulkan keresahan kepada umat Islam seperti isu murtad, sumbang mahram, gejala sosial dan perbuatan-perbuatan yang tidak bermoral dan lain-lainnya.

Justeru itu, saya menggesa di Dewan yang mulia ini agar sudah sampai masanya pihak kerajaan mengkaji balik agar jawatan Ketua Pentadbir Jabatan Agama atau Pengarah Jabatan Agama lebih tepatnya, diserahkan kepada orang yang berkelayakan dari sudut latar belakang pengajian dan pendidikan agama serta pula yang mempunyai kelayakan dari sudut pentadbiran dan pengurusan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai kemudahan-kemudahan dari sudut pendidikan, Alhamdulillah, di dalam pembentangan Belanjawan 2000 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan ada menampakkan penekanan pihak kerajaan untuk membantu usaha-usaha pendidikan agar ianya lebih mantap dan berkesan dalam usaha melahirkan lebih ramai lagi rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi dengan adanya Tabung Pendidikan Khas dengan dana RM200 juta bagi mendapatkan pinjaman mudah untuk membiayai pembelian peralatan latihan dan pendidikan. Termasuk juga menyediakan skim pinjaman pendidikan kepada semua pelajar yang layak melanjutkan pengajian di peringkat institusi pendidikan tinggi tempatan.

Namun persoalannya, Tuan Yang di-Pertua, apakah ianya diagihkan secara merata dan merakyat atau hanya institusi tertentu sahaja yang dapat menikmatinya. Contohnya, sehingga kini pihak kerajaan seolah-olah masih menganggap sekolah-sekolah agama rakyat sebagai anak tiri memandangkan kepada kedaifan dan segala kekurangannya sedangkan perkara ini tidak sepatutnya berlaku dalam era Malaysia serba boleh. Realitinya pengurusan dan pentadbiran sekolah-sekolah agama rakyat masih lagi mundur dan perlu diberi perhatian oleh kerajaan pusat. Masalah ini terjadi kerana kurangnya sumber kewangan bagi menampung keperluan pengurusan dan pentadbiran sesebuah sekolah agama rakyat itu.

Justeru itu, saya menggesa pihak kerajaan di Dewan yang mulia ini agar mengagihkan kemudahan-kemudahan tadi secara saksama kerana mereka semuanya juga adalah rakyat Malaysia belaka, bukan hanya semata-mata pernah satu ketika ada terniat dan diperkatakan oleh pihak-pihak dalam Kementerian Pendidikan sendiri dengan cadangan-cadangan untuk mengambil alih sekolah-sekolah agama rakyat ini. Malah saya juga menggesa agar kerajaan pusat memberikan peruntukan sewajarnya dalam masalah ini agar pelbagai kursus dapat diadakan untuk mempertingkatkan lagi mutu pengurusan mereka.

Saya juga ingin menyentuh masalah kekurangan prasarana dan peralatan di sekolah agama rakyat yang menyebabkan terjejasnya kualiti akademik para pelajar sekolah. Kita tidak boleh menafikan segala keperluan ini kerana suasana pengajaran dan pembelajaran yang tidak selesa dan serba kekurangan akan mempengaruhi prestasi pelajar sepanjang pengajian mereka.

Pihak kerajaan juga perlu membekalkan lebih banyak tenaga guru terlatih ke sekolah agama rakyat untuk mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah tersebut untuk hal-hal lain umpamanya, pihak kerajaan boleh menghabiskan banyak wang seperti untuk Kompleks Budaya Negara maka apakah peranan sekolah agama rakyat itu terlalu kecil fungsinya berbanding dengan Kompleks Budaya Negara atau yang lain-lain sehinggalah ia seolah-olah dianaktirikan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan penekanan yang diberikan kepada mata pelajaran agama di institusi pendidikan tinggi tempatan yang

bukan berorientasikan Islam sepenuhnya. Pihak kerajaan perlulah meyakinkan rakyat bahawa kerajaan sedang berusaha untuk memberikan penekanan yang lebih serius kepada mata pelajaran agama. Tetapi malangnya ada sesetengah institusi pendidikan tinggi tempatan seperti yang telah diumumkan baru-baru ini oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan seperti UiTM contohnya, mata pelajaran agama hendak dikurangkan *credit hours*nya daripada 6 *credit hours* setahun turun kepada 3 *credit hours* setahun.

Malah kalau dilihat kepada kedudukan mata pelajaran yang melibatkan agama dalam bidang Diploma Pengajian Perniagaan di UiTM tahun 1999 misalnya di mana mata pelajaran Ekonomi Islam hanyalah 2 *credit hours* setahun berbanding lain-lain mata pelajaran iaitu 3 *credit hours* setahun seperti mata pelajaran *Human Resources Management, Operation Management* dan *Research Methodology*. Sehubungan dengan itu, saya menggesa pihak kerajaan di Dewan yang mulia ini supaya memberikan lebih *credit hours* kepada mata pelajaran agama supaya pelajar-pelajar dapat menghayati agama sebagai satu cara kehidupan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi kita bersyukur kepada Allah kerana negara kita mempunyai banyak institusi pendidikan tinggi seperti universiti, kolej dan lain-lain lagi. Ini bermakna kita dapat melahirkan lebih ramai rakyat yang mempunyai pendidikan tinggi untuk meneruskan kehidupan bangsa dan negara agar ianya tidak ketinggalan berbanding dengan orang lain. Tetapi malangnya dalam suasana universiti dan kolej yang bagaikan cendawan tumbuh di musim hujan, kita lihat juga di negara kita begitu banyak gejala sosial yang berlaku di kalangan remaja dan muda-mudi yang rata-ratanya masih di peringkat pelajar.

Mengapa suasana tidak sihat ini berlaku dalam keadaan negara kita mempunyai jumlah institusi pendidikan tinggi yang begitu banyak? Saya berpendapat ini menunjukkan petanda bahawa institusi pendidikan lebih menekankan kepada soal menggarapkan ilmu semata-mata iaitu bagaimana hendak meraih ijazah dan diploma dan bukannya menekankan soal pendidikan iaitu bagaimana hendak menjadi graduan dalam bidang dan jurusan masing-masing yang lebih terdidik dengan sifat-sifat mulia dan nilai-nilai murni. Justeru itu saya menggesa pihak kerajaan di Dewan yang mulia ini supaya

penekanan ilmu dan pendidikan diselaraskan agar pelajar-pelajar berjaya dan dalam masa yang sama mereka terdidik dengan nilai-nilai yang baik.

Menyentuh mengenai program Rakan Muda. Dewasa ini gejala sosial semakin menjadi-jadi di negara kita ini maka pihak kerajaan telah mengambil langkah untuk berusaha membendungnya dengan mewujudkan pelbagai program yang boleh memberikan faedah dan mengisi masa lapang muda-mudi dengan program-program yang difikirkan dapat memberikan faedah.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, berdiri lagi, Tanjong Karang.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Masa, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masanya tinggal 3 minit lagi.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Saya rasa minta maaf Yang Berhormat, bagi peluang sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi Yang Berhormat. Ya silakan.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Hendak habiskan sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Dengan mewujudkan pelbagai program yang boleh memberikan faedah dan mengisi masa lapang muda-mudi dengan program-program yang difikirkan dapat memberikan faedah. Apa yang menarik minat saya ialah salah satu program yang menjadi kebanggaan pihak kerajaan ialah program Rakan Muda.

Kita semua maklum bahawa pihak kerajaan di bawah Kementerian Belia dan Sukan telah memperuntukkan sejumlah wang yang sebegitu besar semata-mata hendak menjayakan program yang dianggap memberikan faedah ini. Berjuta-juta ringgit telah dikorbankan semata-mata untuk tujuan tersebut tetapi persoalannya di sini ialah dengan sejumlah wang yang besar itu yang telah dibelanjakan, apakah hasil dan kesannya sama besar dengan jumlah yang telah dicurahkan itu.

Nampaknya gejala sosial tetap semakin menjadi masalah. Menjadi semakin parah kerana soal-soal ketahanan fizikal dan tahan lasak sahaja yang diutamakan tetapi ketahanan iman dan akhlak nampaknya terus terabai. Malah program Rakan Muda jelas menggalakkan lagi pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan mengajar anak-anak perempuan ikut menjadi lasak sebagai anak lelaki dengan mengorbankan ciri-ciri keperempuanan mereka. Saya menggesa di Dewan yang mulia ini agar program seperti ini dikaji sebelum diteruskan dengan mengambil kira sudut ketahanan agama, nilai-nilai murni dan akhlak serta melarang pergaulan bebas yang keterlaluan antara lain jantina.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Tanjong Karang berdiri lagi Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Minta maaf, Yang Berhormat. Lagi 5 minit sahaja.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Ini tajuk yang sama-sama memberi masalah bukan sahaja....

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Saya rasa mungkin selepas ini. Tolong, tolonglah, nanti habis peluang ini, habislah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila, sila. Tinggal seminit lagi Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Saya menggesa di Dewan yang mulia ini agar program seperti ini dikaji semula sebelum diteruskan dengan mengambil kira sudut ketahanan agama, nilai-nilai murni dan akhlak serta melarang pergaulan bebas yang keterlaluan antara jantina. Langka kaji semula ini adalah untuk memastikan agar wang kerajaan yang juga wang rakyat tidak dibazirkan kepada perkara yang tidak mendatangkan faedah sebagaimana yang diharapkan untuk membentuk peribadi remaja yang mulia.

Berhubung dengan mahkamah syariah, Tuan Yang di-Pertua, bidang kuasa kehakiman merupakan satu bidang yang mulia. Kedudukannya biarlah sesuai dengan peranannya yang begitu besar dalam menegakkan undang-undang dan memastikan rakyat mematuhi setiap undang-undang yang telah

ditetapkan. Di negara kita Malaysia, terdapat dua bentuk mahkamah yang sering mengadili orang ramai iaitu Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil. Tetapi yang menyedihkan saya hari ini ialah Mahkamah Syariah sebenarnya belum diberikan kedudukan istimewa setanding dengan Mahkamah Sivil walaupun tidak dinafikan seringkali kita diberi jawapan bahawa usaha-usaha ke arah itu sedang dipertingkatkan sama ada dalam bentuk dari segi status hakimnya ataupun yang lain-lain lagi termasuklah tenaga-tenaga hakim yang begitu terhad.

Kita sebenarnya sudah banyak menghabiskan wang dengan mengadakan seminar-seminar perundangan saban tahun sama ada di institusi pendidikan tinggi atau di Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) atau di Institusi Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) untuk membincangkan kedudukan Mahkamah Syariah dan status hakim syarie agar ianya diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa Yang Berhormat sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Boleh, sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sikit, boleh. Sila.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Dalam 2 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, 2 minit tidak bolehlah. *[Ketawa]*

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Ada benda yang penting sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Setengah minit boleh.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Setengah minit boleh.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Setengah minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Tetapi persoalannya, Mahkamah Syariah dan sebagainya mungkin belum sampai ke tahap yang kita harapkan. Dan akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyebut di sini bahawa langkah kerajaan untuk meramaikan lagi tenaga hofaz atau tenaga hafiz di negara ini amatlah dialu-alukan. Malah semakin banyak pusat-pusat Tahfiz Al-Quran diwujudkan sama ada ianya dimiliki oleh kerajaan pusat atau kerajaan negeri dan sebagainya.

Tetapi malangnya dengan hanya sepertimana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri pada beberapa hari yang lalu, graduan Tahfiz Al-Quran yang dilahirkan di Institusi Darul Quran yang setakat ini hanyalah baru 400 orang, sedangkan keperluan tenaga mereka di masjid-masjid dan sebagainya ataupun di sektor-sektor awam dan swasta amatlah diperlukan. Justeru itu, saya menggesa pihak kerajaan di Dewan yang mulia ini agar persoalan meramaikan lagi tenaga hafiz Al-Quran dan seterusnya memberikan peluang perkhidmatan kepada mereka perlulah diberikan perhatian sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, untuk menggulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, sudah habis dah.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Habis dah?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Habis Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Sekali saja baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Terima kasih.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Lanang, Lanang.

11.58 pg.

Dato' Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk menyuarakan cadangan dan pandangan saya. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan bersyukur kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan atas pembentangan Belanjawan 2000

beliau yang bertumpukan kepada usaha merangsangkan dan memajukan ekonomi negara serta meningkatkan taraf hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pendidikan. Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan kemajuan sesebuah negara amat bergantung kepada kualiti rakyatnya terutamanya dari taraf pendidikan yang diterima. Kekukuhan sesebuah negara dan kualiti rakyat adalah sesuatu yang saling berkait rapat dan ia juga adalah salah satu prasyarat dalam pembinaan dan pembangunan sesebuah negara. Dalam usaha mewujudkan lebih ramai golongan profesional, kita harus memastikan yang semua penduduk menerima pendidikan yang tinggi agar dapat melahirkan lebih ramai golongan profesional.

Kita harus merasa bertuah kerana negara kita sanggup memperuntukkan belanjawan terbesar ke atas sektor pendidikan dan ini merupakan satu tindakan yang berpandangan jauh.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, salah satu langkah untuk mencapai tujuan tersebut adalah menggalakkan penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi swasta yang berkualiti. Saya harap kerajaan dapat mengambil tindakan fleksibel dalam mempertimbangkan permohonan berkaitan penubuhan institusi-institusi pengajian tinggi dengan menyediakan ruang pembinaan kampus.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat gembira apabila Yang Berhormat Setiausaha Kementerian Pendidikan memaklumkan bahawa projek pembinaan sekolah di kawasan perumahan kos rendah Sibu Jaya merupakan salah satu projek yang disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Namun saya berharap Yang Berhormat Menteri Pendidikan boleh memberikan tarikh yang lebih konkrit dalam projek pembinaan sekolah di kawasan ini kerana saya sering menghadapi desakan daripada penduduk yang tinggal di kawasan perumahan tersebut.

Berikut saya ingin mengemukakan beberapa sebab betapa perlunya pembinaan sekolah baru di kawasan ini.

- (i) Penambahan penduduk yang pesat selaras dengan perkembangan projek pembinaan kos rendah di kawasan ini.
- (ii) Pada masa sekarang, hanya terdapat sebuah sekolah rendah jenis kebangsaan di mana bilangan kelas yang ada tidak lagi mampu menampung jumlah murid yang kian bertambah. Jumlah penambahan murid bagi tahun 2000 adalah melebihi 200 orang.
- (iii) Sekolah menengah yang terdekat dengan kawasan perumahan ini adalah kira-kira 20 kilometer. Jarak yang jauh ini menyukarkan murid-murid yang berulang alik dari sekolah ke tempat tinggal kerana kekurangan kemudahan pengangkutan awam di kawasan ini.
- (iv) Penyediaan kemudahan merupakan salah satu pra syarat untuk pembangunan sesebuah kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah merealisasikan impian penduduk di Kampung Usaha Jaya Baru Sentosa kerana projek pembinaan sebuah sekolah rendah dan sekolah menengah sedang dalam proses pembinaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang teknologi maklumat iaitu IT. Kita tidak boleh menafikan pengaruh IT ke atas kehidupan manusia kini. IT memainkan peranan penting dalam aspek pendidikan perubatan, perkembangan ekonomi, pentadbiran negara dan lain-lain. Memandangkan kepentingan IT dalam kehidupan harian kita, kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih drastik untuk mempertingkatkan ilmu IT di kalangan rakyat. Kita perlu berusaha untuk memastikan agar seluruh rakyat negara kita boleh menyesuaikan dan menggunakan IT dalam pekerjaan harian kita dalam zaman IT.

Antara langkah-langkah yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (i) menambahkan ilmu IT dalam kurikulum sekolah di semua peringkat;

- (ii) menyediakan lebih banyak kursus berbentuk IT kepada kakitangan awam;
- (iii) menggalakkan lebih ramai orang menceburi bidang penyelidikan dan pembangunan IT khususnya dari aspek keselamatan penggunaan IT; dan
- (iv) memberikan insentif dari segi penurunan cukai kepada syarikat yang menceburi bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai pencerobohan nelayan asing. Tuan Yang di-Pertua, beberapa minggu lepas, marin telah berjaya mengesan dan menangkap beberapa buah kapal nelayan asing yang menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan Sarawak. Kegiatan haram ini mesti dibendung memandangkan negara kita kaya dengan sumber alam laut yang mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan jika dibangunkan secara menyeluruh, mampu mendatangkan pendapatan yang lumayan. Ini kerana setiap tahun negara kita membelanjakan sejumlah wang yang banyak dalam mengimport banyak hasil laut daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun kebelakangan ini, kegiatan nelayan asing di perairan negara kita semakin berleluasa dan kegiatan ini pasti akan mempengaruhi hasil pendapatan nelayan tempatan.

Berikut adalah beberapa cadangan yang ingin saya berikan;

- (i) memastikan pemberian lesen hanya diberikan kepada golongan yang terlibat secara langsung dalam bidang penangkapan ikan sambil memiliki bot sendiri;
- (ii) membatalkan lesen bagi mereka yang tidak terlibat secara langsung dalam kegiatan penangkapan untuk mengelakkan penyalahgunaan lesen penangkapan ikan berkenaan seperti menyewakan lesen kepada pihak berkenaan;
- (iii) nelayan asing yang berjaya diberkas kerana menjalankan aktiviti penangkapan ikan di perairan Malaysia haruslah dikenakan hukuman yang lebih berat;

- (iv) mewujudkan kerjasama yang erat dengan negara asing berkenaan dalam merancang strategi yang lebih berkesan untuk membendung masalah ini; dan
- (v) saya berharap kementerian berkenaan dan pihak marin dapat mengetatkan dan menggiatkan rondaan di kawasan perairan yang sering dicerobohi agar kegiatan haram ini dapat dibendung dengan cepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan talian telefon di bandar Sibu. Pertimbangan bagi permohonan talian telefon baru di kawasan yang sudah 'punya' talian hanya diberi hanya selepas banyak permohonan dikemukakan. Pegawai Jabatan Telekom memberi penjelasan bahawa permohonan satu atau dua talian memakan belanja yang besar. Jabatan Telekom yang telah diswastakan harus mengubahsuai polisi pada zaman IT ini kerana langkah tersebut membawa kerumitan kepada pengguna-pengguna telefon. Pelajar-pelajar sekolah dan peniaga-peniaga perlu menggunakan Internet untuk mendapat atau maklumat baru. Saya berharap 'Kementerian Tenaga Telekom dan Pos' dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan atau kemudahan orang-orang awam selain keuntungan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu Jalan 'Setapau' yang mempunyai lebih kurang 300 buah keluarga perlu dibekalkan dengan kemudahan telefon. Walaupun lokasinya berdekatan dengan pusat bandar Sibu tidak perlu menyeberangi sungai, jalan besar pun sudah dibina tetapi permohonan permohonan talian telefon masih belum diberi pertimbangan. Keadaan ini tidak munasabah dan tidak dapat diterima memandangkan lokasinya dan perkhidmatan telefon sudah menjadi alat komunikasi yang penting dalam kehidupan harian sekarang.

Saya berharap kementerian dapat mengambil tindakan yang segera supaya penduduk-penduduk di kawasan 'Setapau' dapat menikmati perkhidmatan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, kata-kata, dengan kata-kata saya, saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran

12.10 tgh.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana mendapat peluang membahas Belanjawan 2000 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dua minggu yang lalu. Bagi saya Belanjawan 2000 ini merupakan Belanjawan untuk rakyat yang dibuat dengan penuh keikhlasan di pihak kerajaan. Ketika Belanjawan yang dibentangkan bulan Oktober lalu, setengah pihak menilainya sebagai Belanjawan Pilihan Raya kerana ia dibentang ketika menjelang pilihan raya. Tetapi kenyataannya sekarang adalah berbeza apabila semua insentif yang disyorkan telah dikekalkan.

Strategi Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan menunjukkan keyakinan kerajaan terhadap pemulihan ekonomi negara. Tindakan kerajaan melaksana berbagai dasar dan program termasuk pengawalan keluar wang dan menetapkan nilai Ringgit, sesungguhnya merupakan strategi yang berkesan. Negara bukan sahaja berjaya keluar daripada krisis malah mampu keluar dengan dada yang megah.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana melantik seorang Menteri Kewangan yang arif dengan soal-soal ekonomi.

Mujurlah kita mempunyai seorang Perdana Menteri yang tegas dan berani kerana jika tindakan mengganti Menteri Kewangan sebelumnya tidak diambil, negara tentu akan berada di bawah telunjuk cengkaman IMF dan tidak akan berpeluang merai pertumbuhan KDNK yang mencecah 5.4%. Saya yakin keyakinan kerajaan untuk mencapai KDNK pada tahap 5.8% menjelang akhir tahun ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan bahawa barangan perkilangan termasuk barangan elektronik, elektrik, kimia, jentera kelengkapan dan alat-alat ganti, tekstil dan pakaian dan barangan kayu merupakan eksport utama negara sejak beberapa tahun yang lalu.

Namun, sumbangan eksport barangan pertanian yang bernilai lebih kurang RM32 bilion tahun 1998 dan RM30 bilion tahun 1999, juga merupakan penyumbang penting kepada ekonomi negara.

Justeru itu, langkah Kementerian Kewangan menguntukkan wang sebanyak RM2.133 bilion kepada Kementerian Pertanian merupakan satu langkah yang bijak dan bertepatan. Adalah diharapkan dengan peruntukan yang sebegini, kementerian ini akan dapat menjalankan programnya terutama dalam mengimbangi jumlah import makanan daripada luar negara dengan berkesan.

Beras merupakan makanan utama penduduk Malaysia. Permintaan terhadap komoditi ini akan meningkat sejajar dengan peningkatan penduduk. Yang ketara sekarang, pengeluaran beras negara ketika ini hanya mampu memenuhi lebih kurang 65% tahap sara diri.

Dengan keluasan fizikal untuk tanaman padi di seluruh negara seluas lebih kurang 600,000 hektar dan hasil purata sebanyak 4 tan sehektar, tentunya keupayaan tahap sara diri negara tidak akan dapat dicapai dengan pertambahan penduduk menjelang 10 tahun akan datang ini. Apakah Kementerian Pertanian menyedari hakikat ini?

Pergantungan kita terhadap import beras daripada negara luar hendaklah dikurangkan. Saya faham dan saya yakin bahawa kementerian sedar bahawa Sabah dan Sarawak mempunyai tanah yang luas untuk dibangunkan sebagai jelapang padi, namun sebahagian besar daripada kawasan ini terpaksa beroperasi ala kadar kerana perparitan dan bekalan air yang tidak mencukupi. Akibat daripada ini, hasil beras kedua-dua negeri ini adalah kurang dibandingkan dengan hasil yang didapati di Semenanjung Malaysia.

Saya akui sememangnya telah banyak yang disumbangkan oleh kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini, namun saya yakin masih ada ruang yang boleh dibaiki. Saya menyeru agar kementerian akan menumpu lebih usaha sepanjang tempoh Rancangan Malaysia ke-8 agar negara dapat mencapai matlamat sara diri dalam pengeluaran beras.

Dalam konteks ini, saya mencadangkan agar kementerian mengambil pendirian yang tegas dan kajian terhadap perkara-perkara yang melibatkan pengenalpastian kawasan-kawasan jelapang yang baru, penemuan benih yang bermutu, penggunaan jentera yang efisien dan penyediaan menyeluruh

kemudahan pengairan dan perparitan di seluruh kawasan yang dikenal pasti sesuai.

Kementerian juga harus tegas dalam tidak membenarkan kawasan-kawasan yang dikenal pasti sesuai untuk padi ditukar kegunaannya kepada penanaman tanaman yang lain-lain, lebih-lebih lagi untuk tujuan pembangunan.

Saya membuat seruan ini kerana saya yakin, negara dengan keluasan tanah yang ada mempunyai potensi untuk menyara diri dalam pengeluaran beras.

Saya melihat untuk industri padi dieksploit semaksimumnya, pihak swasta hendaklah dilibat samakan. Untuk tujuan ini saya menyeru agar kerajaan menyediakan insentif yang sebaiknya kepada semua pihak yang menerokai industri ini termasuk pihak swasta, baik dalam negeri ataupun luar dalam bentuk terus ataupun usaha sama. BERNAS walaupun ianya telah diswastakan hendaklah *taking the lead* dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelapa sawit merupakan komoditi penting yang telah menyumbang kepada ekonomi negara. Ketika negara dilanda krisis mata wang akhir tahun - dua tahun yang lalu, satu-satunya industri yang bisa senyum ketika itu adalah pengusaha-pengusaha kelapa sawit. Kehandalan industri ini mengharungi kegawatan ekonomi mendorong amat ramai pengusaha mencebur diri dalam penanaman komoditi ini. Pada maa yang sama lebih luas pula tanah dibuka untuk menampung perkembangannya.

Dalam ketika kita merai kenakan harga komoditi ini, saya menyeru agar kementerian melihat perkembangan ini dengan hati-hati. Pengalaman kita yang lalu di mana harga minyak kelapa sawit pernah jatuh hingga kurang daripada RM160 per tan FFB ataupun lebih kurang RM800 per tan CPO hendaklah dijadikan pengajaran. Kemungkinan seperti ini daripada berlaku tidak harus dipandang remeh apatah lagi ketika perniagaan dunia dilihat dari perspektif globalisasi dan liberalisasi.

Indonesia dan beberapa negara jiran lain juga sedang giat menerokai penanaman kelapa sawit ini dan akan mula mengeluarkan hasil dalam jangka masa yang singkat. Dalam hukum ekonomi apabila pengeluaran mengatasi permintaan, nilai bahan tersebut akan berkurangan. Justeru itu, saya menyeru

agar usaha kerajaan untuk mempromosi minyak di luar negara termasuk negara-negara Eropah dan Asia Tengah harus diperhebatkan. Penyelidikan dan pembangunan produk baru daripada kelapa sawit harus juga dipergiatkan.

Dalam konteks ini, saya ingin tahu daripada kerajaan sampai mana tahap penggunaan minyak sawit sebagai bahan bakar untuk kenderaan dalam negara ketika ini. Saya yakin setelah sekian lama mencuba dan menyelidiki, penggunaannya tentulah telah sedia untuk diketengahkan. Jika ini berjaya dilakukan tentu sekali permintaan terhadap minyak sawit akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik usaha kerajaan untuk mengutip ses daripada pengeluaran minyak sawit ini, iaitu sebanyak RM11 untuk setiap tan CPO. Saya ingin tahu daripada kementerian berkenaan berapa banyakkah wang telah dikutip setakat ini?

Apakah wang ses ini yang disalur kepada PORIM dan PORLA telah dimanfaatkan sepenuhnya kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit seluruh negara?

Saya mengemukakan pertanyaan ini kerana menyedari hakikat bahawa jumlah mereka yang tergolong dalam kategori pekebun kecil merupakan jumlah yang substantial atau lebih kurang 30-40% daripada jumlah pengusaha kelapa sawit seluruh negara. Dan sebahagian besar daripada mereka ini adalah merupakan terdiri daripada bumiputera yang memiliki tanah kurang daripada 20 ekar. Secara kebetulan sebahagian besar daripada mereka ini juga menghadapi kesukaran untuk menanam semula pokok-pokok kelapa sawit yang telah tua dan kurang produktif walaupun ketika harga kelapa sawit ketika ini adalah agak stabil.

Saya mohon mencadangkan agar sebahagian besar daripada wang ses ini disalur kepada agensi kerajaan yang lain khas untuk membantu pekebun-pekebun kecil kelapa sawit untuk menanam semula ladang-ladang mereka. Saya yakin usaha murni ini akan dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, perikanan merupakan industri penting dalam sektor pertanian, begitu juga ekonomi negara keseluruhannya. Sektor perikanan menyumbang lebih kurang 4.76% daripada KDNK atau bernilai lebih kurang RM3.15 bilion tahun 1995. Pengeluaran ikan negara secara

ringkasnya terbahagi kepada Perikanan Marin, Akuakultur dan *Public Water Bodies*. Perikanan marin pula dibahagi kepada perikanan laut (deep-sea) dan perikanan pantai (inshore). Untuk perbahasan ini saya hanya menyentuh perikanan laut dalam dan Akuakultur sahaja kerana kedua-dua sektor ini perlukan penumpuan yang lebih oleh kementerian.

Memang ada kebenarannya jika ada yang mengatakan ikan-ikan laut dalam negara kita mati kerana umur yang tua. Ini kerana industri ini masih pada *infant stage* dan terutama ianya di Sabah dan Sarawak.

Jumlah pendaratan ikan laut seluruh negara pada tahun 1996, yang hanya mencatat lebih kurang 132,000 metrik tan menunjukkan industri ini berpotensi luas untuk dibangunkan.

Dalam usaha meningkatkan penglibatan pengusaha-pengusaha swasta dalam industri ini, saya ingin mencadangkan agar kementerian mengambil strategi menyatukan pengusaha-pengusaha individu kepada satu kumpulan atau konsortium agar pelaburan secara besar-besaran termasuk industri perikanan hiliran dapat dijalankan. Ini akan melibatkan perolehan vesel-vesel yang besar dan penggunaan alat penangkapan yang canggih.

Untuk merangsang pertumbuhan industri ini saya menyeru agar kementerian memastikan prasarana seperti pelabuhan, jeti pendaratan limbungan kapal dan fasiliti sokongan lain seperti bekalan ais, minyak dan docking di seluruh negara berada dalam keadaan yang mencukupi.

Bagi negeri Sabah, untuk merangsang perkembangan industri ini yang agaknya jauh ketinggalan, saya ingin mencadangkan agar konsep menyewa bot (charter) daripada negara asing seperti yang berkuatkuasa sekarang dikaji dan diperluaskan kepada konsep usaha sama (joint venture). Sehubungan dengan itu, dasar kementerian yang menghendaki 100% pemilikan saham dalam syarikat perikanan laut dalam untuk tujuan perlesenan hendaklah dikaji semula.

Usaha ini tentu sekali akan mampu membawa pelaburan wang asing, pemindahan teknologi, pendedahan kepada industri hiliran seperti *canning* dan *packaging* dan akses kepada rangkaian pemasaran luar negara.

Untuk mengurangkan kerenah pentadbiran, saya juga ingin mencadangkan agar kerajaan negeri melalui Jabatan Perikanan Sabah diberi

kuasa melulus lesen peralatan perikanan untuk kapal-kapal yang lebih daripada 70 GRT (Gross Registered Tonnage).

Bagi akuakultur, sama ada ternakan dalam kolam ataupun dalam sangkar, penglibatan pihak swasta hendaklah dipergiatkan. Kementerian bolehlah menimbang saranan dan meyakinkan syarikat-syarikat besar seperti Sime Darby ataupun Hicom yang terbukti kejayaan mereka dalam sektor lain dan mempunyai modal yang cukup untuk membuka perniagaan dalam bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, telah diketahui umum bahawa hasil kerajaan negeri Sabah amat bergantung dengan hasil kayu-kayan terutama dengan royalti yang dikenakan ke atas pengeksporan kayu balak. Di masa yang lalu royalti kayu balak ini menyumbang lebih kurang 40% hingga 50% daripada revenue kerajaan negeri. Namun keadaannya tidaklah sebaik sekarang ini. Hasil kayu kayan telah berkurangan lebih-lebih lagi apabila dasar industri hiliran dititikberatkan melalui National Industri Master Plan ataupun State Industrial Master Plan. Royalti yang dikutip semakin sedikit dan berkurangan sehingga kepada 20% daripada revenue kerajaan negeri ketika ini. Keadaan yang sedemikian telah memberikan kesan secara langsung kepada kepesatan pembangunan negeri disebabkan oleh sumber kewangan yang berkurangan. Ketika ini kerajaan negeri memerlukan lebih kurang RM400 juta untuk membayar gaji kakitangan, RM350 juta untuk belanja pengurusan dan RM600 juta untuk pembangunan. Daripada keperluan-keperluan di atas nyata sekali kerajaan negeri pada keseluruhannya memerlukan lebih kurang RM1.3 billion setahun.

Dilihat daripada pendapatan, revenue negeri daripada royalti minyak iaitu sebanyak pada kadar 5% nilai eksport bahan tersebut menyumbang lebih kurang RM100 juta setahun atau lebih kurang 7% daripada perbelanjaan yang diperlukan oleh kerajaan negeri. Kemerosotan lebih kurang RM300 juta daripada royalti dan bayaran kayu kayan diganti dengan cukai CPO terhadap crude palm oil yang menyumbang lebih kurang 120 juta dan cukai penjualan tiket loteri sebanyak RM45 juta. Ini bererti kerajaan negeri masih memerlukan lebih kurang RM135 juta setahun untuk menampung defisit daripada royalti minyak dan kayu balak.

Namun demikian kerajaan negeri telah berusaha sebaiknya untuk menambahkan revenue dan pada masa yang sama mengurangkan perbelanjaan pengurusan. Disebabkan oleh konstrain peruntukan, secara tidak langsung memberi kesan yang besar kepada pembangunan negeri. Untuk tujuan pembangunan dan hakikat bahawa Sabah merupakan negeri ketiga termiskin seperti yang dilaporkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-7, saya ingin bertanya daripada kerajaan sekiranya ada rancangan di pihak kerajaan untuk menaikkan royalti minyak untuk negeri Sabah dalam masa lima atau sepuluh tahun akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyambut baik usaha kerajaan menguntukkan peruntukan sebanyak RM1.218 bilion untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar sepanjang tempoh belanjawan 2000 ini. Sebagai seorang wakil rakyat yang datang dari luar bandar saya amat mengharapkan agar kawasan Beluran juga mendapat tempias yang semungkin banyaknya daripada peruntukan ini. Untuk makluman Menteri Pembangunan Luar Bandar, kawasan Parlimen Beluran merangkumi keseluruhan daerah Beluran iaitu kawasan DUN Labuk dan Dewan Undangan Negeri Sugut dengan keluasan lebih kurang 3,222 batu persegi atau lebih kurang tiga kali ganda dengan negeri Melaka. Penduduknya seramai 67,000 orang dan terdiri sebahagian besarnya daripada petani dan nelayan. Walaupun telah banyak pembangunan yang telah dibawa oleh BN sejak berkuasa di Sabah, namun masih terdapat lebih kurang 30% daripada penduduk luar bandar Beluran yang hidup di bawah paras kemiskinan. Ini berpunca kerana sistem perhubungan yang tidak sempurna, dan kurangnya kemudahan asas seperti klinik kesihatan, sekolah dan sumber pendapatan yang tidak tetap.

Untuk merangsang ekonomi penduduk Beluran dan menjana pembangunan dan kemajuan yang berterusan saya merayu agar Beluran diletakkan sebagai kawasan penting untuk program kementerian seperti PPRT, bekalan elektrik luar bandar, klinik desa dan sekolah. Namun semua ini tidak akan dapat dinikmati oleh rakyat dengan baiknya tanpa sistem perhubungan yang baik. Justeru itu, saya ingin mencadangkan agar Kementerian menyegerakan pembinaan jalan raya Nangoh ke Paitan dan Pitas dalam daerah Sugut yang akan menghubungkan daerah kecil Paitan dengan daerah kecil

Beluran dan daerah kecil Pitas. Saya mendapat tahu bahawa reka bentuk cadangan jalan berkenaan telah disediakan. Saya juga ingin mencadangkan agar kementerian mengambil usaha untuk membina jalan Sabang ke Sungai sungai sejauh 25 km, Paitan ke Pantai Buring sejauh 42 km dan Paitan ke Tangkarason sejauh 20 km.

Dalam bidang pendidikan saya merayu agar pembinaan Sekolah Menengah Ulu Sapi, Sekolah Menengah Balaban Jaya dan Sekolah Menengah Simpangan Paitan disegerakan memandangkan sekolah-sekolah tersebut telah mula beroperasi dengan menumpang bangunan-bangunan sekolah rendah yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin jika semua cadangan-cadangan ini menjadi kenyataan, Beluran akan berubah wajah. Setidak-tidaknya dapatlah menikmati erti kemerdekaan yang sebenar. Dengan kata sedemikian saya ingin mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nibong Tebal.

Tuan Chow Kon Yeow: Aturan, Tuan Yang di-Pertua. 35(2), untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua saya sudah berdiri sejak pagi hari Rabu. Saya tidak nampak apa logiknya saya masih belum diberi kesempatan untuk berucap. Ada orang yang sudah berucap dua kali semasa membahas titah ucapan diraja dan juga belanjawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sila duduk. Ini terpulang kepada ini..

Tuan Chow Kon Yeow: Saya tahu terpulang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya ingin maklumkan kita akan cuba memberikan peluang kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya bukan bantah saudara saya dari Nibong Tebal bahawa dia baru pagi ini dia mula berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dari tadi saya masuk beliau pun berdiri juga.

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi saya ingin menarik perhatian datuk supaya memberikan pertimbangan yang selanjutnyalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi Nibong Tebal teruskan.

12.26 tgh.

Tuan Goh Kheng Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang membahaskan tentang Belanjawan 2000. Seperti yang kita ketahui Menteri Kewangan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM908 juta untuk kesihatan. Peruntukan tersebut tertumpu kepada menyediakan pembinaan klinik-klinik desa, rumah-rumah bidan dan lain-lain. Apakah pihak kerajaan sedar bahawa banyak pesakit-pesakit buah pinggang yang dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan dan kekurangan mesin dialisis di hospital-hospital kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi pandangan dari sudut secara menyeluruh dalam konsep terbuka kerajaan. Sebagai mana yang kita perhatikan hari ini kerajaan yang di bawah kepimpinan Barisan Nasional hari ini dapat kita lihat secara jelas mengamalkan konsep kepimpinan yang tersusun dan canggih. Ini jelas dengan penghebahan dan pendedahan terbuka kepada masyarakat umum khususnya rakyat mengenai kecanggihan dan anjakan modenisasi khususnya dalam era perubatan. Pelbagai kemudahan hospital kerajaan yang dijelaskan oleh menteri yang berkenaan tanpa rasa segan silu dan rasa kekurangan dalam topik yang dijelaskan terutamanya melalui media massa dan media elektronik dan sebagainya. Ada menyentuh mengenai tele-perubatan, hospital yang terbaik dan temoden yang kita dapati pendedahan ini berunsur tidak tepat dan masih ada kekurangan. Apa yang diketahui hospital kerajaan kita masih mempunyai kekurangan terutamanya dalam bentuk mentadbir pusat hemodialisis secara terang dan jelas kita dapat membayangkan berapa banyakkah hospital-hospital kerajaan yang mempunyai ataupun menyediakan kemudahan hemodialisis.

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan mampu dan benar-benar mengambil berat terhadap masalah kronik hemodialisis ini sudah pasti tidak timbul pelbagai masalah terhadap penyakit berkenaan. Rakyat menghadapi maut dan bergelut dengan kesakitan penyakit ini di mana kita sepatutnya memberi perhatian yang serius. Peranan dalam kementerian berkenaan haruslah lebih mengutamakan keadaan kerana dari

analisis kementerian itu sendiri menjelaskan penyakit ini bertambah dalam setiap tahun lebih kurang 2,000 penghidap. Di negeri Pulau Pinang sahaja Tuan Yang di-Pertua kini terkesan lebih kurang 1,000 orang pesakit buah pinggang. Mereka ini terpaksa meneruskan hidup dengan menggunakan peralatan menerusi mesin dialisis di mana proses mencuci buah pinggang dilakukan. Apa yang dikesalkan setakat ini hanya terdapat 24 mesin dialisis di Hospital Pulau Pinang dan 12 mesin dialisis di Hospital Daerah Bukit Mertajam. Ini menunjukkan hanya 5% sahaja pesakit buah pinggang di Pulau Pinang mendapat rawatan dialisis sementara 95% lagi dianggap berdepan dengan maut dan bergelut dengan kesakitan. Penekanan ini harus dipandang serius kerana kita berkhidmat untuk rakyat di mana usaha menyelamatkan mereka adalah satu tanggungjawab bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini mencadangkan agar di setiap hospital daerah di seluruh negara mewujudkan pusat hemodialisis dengan serta merta. Ini adalah untuk memberi kemudahan kepada rakyat tanpa perlu berulang-alik ke hospital besar di mana ianya membazirkan masa, tenaga dan wang. Sekiranya perkara ini tidak mampu untuk diadakan oleh pihak kerajaan saya mencadangkan agar pihak kerajaan memberikan peruntukan kepada pertubuhan amal bagi membolehkan pertubuhan-pertubuhan amal hemodialisis ini memberikan perkhidmatan yang secukupnya kepada pesakit buah pinggang yang mana kerajaan kini tidak berupaya mengadakannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukannya bermaksud untuk memberi komen tentang kepincangan dan kementerian dalam hal ini, tetapi sebagai wakil rakyat saya rasa menjadi tanggungjawab untuk membawa isu di dalam persidangan agar semua pihak dapat merenung dengan lebih jauh tentang penyakit berkenaan. Jangan apabila kaum keluarga kita menghadapi masalah ini, baru mengambil sikap kelam-kabut dan meminta pelbagai peruntukan serta mencorakkan pelbagai simpati bagi tujuan mendapatkan perhatian umum. Sebagaimana yang diketahui penyakit buah pinggang ini tidak boleh diubati melalui suntikan ataupun makan ubat sahaja. Sebaliknya perubatan mesti dilalui dengan cara penukaran buah pinggang dan sebagai langkah untuk mempertahankan agar pesakit terus hidup, jika menjalani penukaran

buah pinggang mereka juga harus membuat penukaran dan pembersihan darah dengan menggunakan mesin dialisis.

Lazimnya rawatan sebanyak tiga kali seminggu ataupun 13 kali sebulan dimana setiap kali rawatan mengambil masa empat hingga lima jam. Sementara kos perbelanjaan yang dikenakan pula tinggi iaitu rawatan swasta sebanyak RM200.00 pada satu rawatan. Jika pesakit memerlukan rawatan sebanyak tiga belas kali sebulan sudah pasti membelanjakan RM3,000.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Parlimen Nibong Tebal sahaja terdapat puluhan pesakit buah pinggang dimana majoriti mengidapnya adalah golongan Melayu termasuk kakitangan kerajaan sendiri menunggu ajal kerana tidak mampu untuk menanggung kos rawatan yang tinggi, terutamanya di hospital swasta. Ini berlaku kerana kesan kekurangan mesin dialysis di hospital kerajaan yang dianggap tidak penting.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan amalan pil yang digelar pil ecstasy iaitu pil 'goyang kepala' dan beberapa pil lagi pil kuda, di mana ianya menjadi amalan dan tabiat kepada golongan remaja di dalam negara kita ini. Pil ini tidak dikawal dengan rapi di mana ianya menjadi satu trend, dengan izin, dari golongan muda yang sering berkunjung ke kelab-kelab malam dan juga pusat hiburan. Walaupun Kementerian Dalam Negeri membuat perancangan-perancangan khusus untuk membendung amalan ini tetapi nampaknya ianya tidak berkesan kerana pil-pil ini bukan sahaja dijual di kelab-kelab malam, bahkan juga mudah didapati di pusat premis hiburan haram, iaitu yang tidak berlesen.

Pil-pil ini juga seperti pil kuda, mudah didapati di mana-mana sahaja. Jika kita lihat pada muka depan akhbar Metro keluaran 21 Februari 2000 Edisi Utara, Cawangan Marin Kedah, di Kuala Kedah percaya bahawa begitu ramai sekali nelayan-nelayan yang menggunakan pil-pil tersebut. Saya juga berasa amat terkejut dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Parlimen Kuala Kedah yang mengatakan penyalahgunaan ini amat berleluasa terutamanya di Chow Kit dan Kuala Kedah. Ini bermakna segala perancangan yang dilakukan oleh pihak kementerian adalah gagal kerana

sepatutnya perancangan pembasmian dilakukan hanya untuk mengurangkan penyalahgunaan dadah. Tetapi nampaknya keadaan berlaku sebaliknya

Tindakan mengawal dan menyekat penggunaan pil ini haruslah diberi perhatian yang serius kerana ianya bukan sahaja membahayakan kesihatan pengguna tetapi merosakkan akhlak dan para generasi muda yang menjadi pelapis masyarakat masa depan. Gejala ini harus dibendung dengan mengadakan banyak pemeriksaan di tempat-tempat hiburan yang menjadi tumpuan ke arah keruntuhan akhlak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mewujudkan golongan masyarakat yang mematuhi arahan dan kehendak kerajaan dengan ikhlas dan bertanggungjawab, saya menyeru agar di dalam pelaksanaan dalam bidang kesihatan, kementerian menubuhkan pusat haemodialysis di seluruh hospital kerajaan dan menumpukan perhatian yang serius daripada mendabik dada dalam menagih pengaruh rakyat dengan pembinaan KLCC, KLIA, Formula Satu, Sepang sedangkan masalah rakyat sebenarnya tidak diutamakan. Begitu juga dengan remaja yang semakin hari semakin hilang rasa hormat dan sopan kerana mereka telah diajar satu trend, dengan izin untuk keseronokan sehingga terjebak dengan penyalahgunaan dadah dan pil-pil seperti yang dinyatakan tadi. Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena.

12.35 tgh.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000 pada sidang pada hari ini, dan saya juga merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentang Belanjawan 2000 pada 25 Februari, 2000 yang lalu. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna kita menganggap apa yang dibentangkan itu terbaik dan sudah tentu kami mempunyai beberapa perkara untuk turut dipertimbangkan di dalam meluluskan Belanjawan 2000 di dalam Dewan yang mulia ini. Yang agak besar tentang - setelah beberapa tahun kita mengalami kegawatan

ekonomi yang telah menjejaskan dengan begitu teruk hampir keseluruhan struktur ekonomi kita, kita merasai lega apabila diumumkan bahawa KDNK kita telah mencatatkan pertumbuhan 10.6% pada suku keempat tahun lepas.

Nilai tukaran asing bagi Ringgit juga turut memperlihatkan perkembangan positif berbanding Pound Sterling, Deutchmark, Dollar Singapura, Yen Jepun dan lain-lain. Namun begitu, saya masih mempunyai kesangsian yang agak besar tentang pemulihan ekonomi yang didakwa oleh kerajaan pada hari ini. Mungkin terlalu awal untuk kita membuat rumusan bahawa ekonomi kita telah pulih sepenuhnya kerana pengalaman kita yang mencatat pertumbuhan lebih 8% setahun selama sepuluh tahun berturut-turut pun boleh diruntuhkan dengan sekelip mata sahaja. Tempoh kritikal tiga minggu telah meruntuhkan segala-galanya. Kerana itu keangkuhan kita mendabik dada tentang pemulihan ekonomi keluar daripada krisis ekonomi mungkin akan menjadi seperti mengejar fata morgana sahaja.

Pertama, yang ingin saya tekankan dalam perbincangan ini ialah tentang pertumbuhan KDNK yang didakwa oleh kerajaan sebenarnya hampir langsung tidak menggambarkan kemakmuran sebenar yang dinikmati oleh rakyat teramai negara ini. Kerajaan masih tidak boleh mengubah struktur ekonomi negara ini yang hampir sepenuhnya dikuasai oleh para kapitalis yang menindas rakyat. Sebahagian besar pendapatan negara masih lagi dikuasai oleh sebahagian kecil elit ekonomi yang bersama-sama dengan pemimpin Kerajaan Barisan Nasional yang turut bertanggungjawab sebagai faktor penting yang menyumbang kepada keruntuhan ekonomi negara beberapa tahun yang telah lalu. Rakyat teramai pula hanya menikmati sebahagian kecil pendapatan negara. Rakyat terus dieksploitasi sebagai pasaran paksa kepada para kapitalis.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nanti sat, baru dok masuk line. Nanti sat, tak dan hak ini lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sat lagi saya terlupa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak pa, ingat aih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak ada lagi.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, dasar penswastaaan yang dilaksanakan oleh kerajaan semenjak 15 tahun terakhir alaf yang lalu, terbukti telah banyak menjerat kepentingan rakyat teramai. Kuasa monopoli yang diberikan kepada sebahagian besar pemilik syarikat-syarikat kerajaan terbukti telah menyasarkan matlamat asal penubuhan beberapa agensi kerajaan seperti mana LLN, Jabatan Telekom, Jabatan Pos, MAS, universiti dan sebagainya. Tidak ada lagi motif sosial yang dipikul oleh mereka setelah bergelar syarikat swasta dan badan korporat, kerana kepentingan keuntungan mereka telah menindas rakyat melalui penguasaan kuantiti dan harga secara paksa ke atas rakyat. Inilah akibatnya jika jabatan kerajaan diberikan kepada individu kapitalis untuk menguruskan kepentingan awam. Kerana itu saya suka mencadangkan agar penswastaaan dikaji semula dan penswastaaan ini sepatutnya diberikan kepada badan-badan koperasi awam yang akan memulangkan keuntungan kepada rakyat.

Saya yakin jika koperasi-koperasi milik, umpamanya seperti milik pekerja sama ada melalui MTUC atau CEUPACS dan juga koperasi-koperasi yang lain diberikan peluang untuk mendapat hak penswastaaan ini, saya percaya mereka mampu untuk berperanan dengan secara yang lebih baik. Kita pernah berpengalaman bagaimana beberapa syarikat pengangkutan satu ketika dahulu tidak berdaya maju telah dimilikkerajaan, dengan izin nationalization di bawah MARA Holding Tetapi setelah berjuta-juta wang rakyat dibelanjakan untuk memulihkan beberapa syarikat tersebut, tiba-tiba ia dikorporat kepada satu syarikat, walaupun ia adalah milik bumiputera, pengkorporatan ini telah menyebabkan kenaikan kos yang secara tidak langsung memberi kesan negatif kepada rakyat sedangkan mutu perkhidmatan masih di takuk lama. Universiti-universiti juga turut dikorporatkan sehingga menjejaskan dengan teruk kepentingan rakyat bawahan. Sedangkan di kebanyakan negara, universiti swasta pun tidak pernah bermatlamatkan keuntungan walaupun memisahkan diri daripada kerajaan. Sebagai contoh, Universiti Al-Azhar di Mesir, Darul Ulum di India mampu menyediakan kemudahan pembelajaran yang tidak membebankan para pelajar, sebaliknya

mereka mementingkan pembinaan insan sebagai aset negara bukannya untuk mencipta keuntungan. Kita bimbang satu hari nanti jika ada universiti di negara kita akan menjadi seperti IWK yang akhirnya sekali lagi akan meragut wang rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pertumbuhan ekonomi yang digambarkan oleh Menteri Kewangan beberapa hari yang lalu juga sekali lagi tidak menggambarkan kemakmuran sebenar rakyat apabila ia langsung tidak berimbang dengan keadilan dan kebebasan serta hak asasi kepada rakyat. Rakyat sendiri masih sangsi dengan pemulihan ini. Kerana itu saya mencadangkan supaya Menteri Kewangan mengadakan satu perdebatan terbuka secara akademik dengan pakar-pakar ekonomi yang lebih terbuka, dengan ahli sosiologi dan ahli-ahli sains politik tentang pemulihan ekonomi, keadilan sosial dan juga keadilan politik yang langsung tidak seimbang di negara ini.

Ini adalah penting untuk meyakinkan rakyat bahawa ekonomi telah pulih bukannya satu manipulasi angka yang dilakukan oleh kerajaan. Kita bimbang jika sindrom 'Kutub Selatan' berulang, terjun tempat lain report tempat lain. Kerajaan juga perlu menyedari bahawa punca dan sebab keruntuhan sebenar ekonomi yang lalu sebagai cermin kepada pembinaan semula ekonomi kita. Sebelum ini kerajaan membangkitkan soal peranan Soros dalam meruntuhkan ekonomi kita.

Saya tidak tahu sama ada kerajaan sedar atau tidak bahawa boros yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional juga menjadi punca penting keruntuhan tersebut. Kerajaan telah berbelanja besar sehingga melebihi pendapatan sendiri. Projek-projek mega megah yang tidak perlu disegerakan dipaksa untuk dilaksanakan demi kepentingan pihak-pihak tertentu. Untuk apa projek-projek ini dilaksanakan sedangkan ia langsung tidak boleh memberi manfaat ketika kita dilanda kegawatan.

Satu perkara yang sangat penting perlu diberikan perhatian yang serius oleh Dewan yang mulia ini ialah suasana politik, undang-undang dan pentadbiran negara yang telah memberikan kesan langsung kepada para pelabur asing dalam membuat pelaburan di negara ini. Sebahagian besar pelabur-pelabur telah mula hilang keyakinan terhadap negara ini apabila

dilihat undang-undang yang dikuatkuasakan ternyata menyekat hak rakyat, demokrasi disempitkan, rakyat bawahan didakwa dalam setiap kesalahan, pemimpin terlepas daripada belunggu undang-undang, rasuah menjadi-jadi, menteri sendiri dituduh terlibat dengan rasuah, melarikan wang berkilo-kilo, ada yang didakwa membawa keluar masuk pelacur dengan jet peribadi, wang rakyat diguna 'membail out' syarikat anak dan kroni seperti mana Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar. Kegagalan kita untuk membina keyakinan pelabur asing inilah telah memberikan kesan negatif yang besar kepada sektor ekonomi makro kita.

Di manakah demokrasi dan kebebasan hak asasi untuk rakyat di negara ini? Dalam UMNO sendiri pun demokrasi telah dikurus-keringkan. Gua Musang terpaksa menyembunyikan hasrat, dulu dia lawan Perdana Menteri sebab hendak jadi Perdana Menteri. Bila kalah dia tubuh PM S46.

Tuan Yang di-Pertua, kini Yang Berhormat bagi Gua Musang kembali kepada UMNO dan di waktu Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam proses dijatuhkan satu ketika dahulu. Kini, bila ada cita-cita hendak jadi Perdana Menteri semula, maka ada pula nasihat-nasihat yang tidak demokratik supaya Presiden dan Timbalan Presiden tidak ditandingi tetapi semua orang tahu bahawa Gua Musang memang ada hasrat hendak lawan, sebab itulah Kepala Batas kata tidak boleh lawan, Gua Musang hendak juga, Kubang Pasu sakit kepala.

Yang menariknya, Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Perdana Menteri pernah menyebut bahawa ramai rakyat negara ini telah berjaya melabur di luar negara dan mereka pula mendapat projek secara telus tanpa terlibat dengan sebarang kegiatan rasuah. Tahniah saya ucapkan kepada pelabur-pelabur dan pedagang-pedagang, usahawan daripada negara kita. Ini semua berlaku kerana pemerintah di negara-negara tersebut menganggap rasuah adalah najis, pemberian saham dan projek berdasarkan kepada merit tetapi sayang di negara kita indeks rasuah sangat tinggi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dahulu bekas Ketua Pembangkang pernah menggelarkan BPR sebagai Accept Corruption Agency dengan izin, Badan Penerima Rasuah kerana BPR pun gagal menyelesaikan

masalah rasuah akibat campur tangan politik. Di negara ini rasuah tidak dianggap najis tetapi dijadikan makanan harian oleh sesetengah pemimpin-pemimpin negara.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Boleh beri laluan, Yang Berhormat?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sila, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, ini kali kedua saya bangun. Saya amat tertarik dengan ucapan Yang Berhormat tadi, sebenarnya Yang Berhormat banyak menyentuh soal UMNO yang Yang Berhormat melihat daripada luar. Kami berada dalam UMNO.

Saya selalu dengar Yang Berhormat menyebut soal rasuah seolah-olah negara kita ini rasuah berlaku begitu berleluasa. Satu kebaikan jugalah walaupun dalam keadaan anggapan Yang Berhormat begitu tetapi negara kita terus maju dan pencapaian kita terus tinggi. Kita boleh membuat projek projek mega yang besar sedangkan rakyat masih lagi hidup dalam keadaan yang mewah.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat apabila Yang Berhormat menyebut indeks rasuah tadi. Adakah Yang Berhormat membuat kajian, berapa indeks rasuah negara kita? Adakah negara kita mengamalkan rasuah yang begitu hebat lebih daripada negara Thailand – yang dekat, saya sebut, negara-negara yang berhampiran Filipina, negara Russia dan juga negara-negara yang lain. Saya ada, saya ada ini [*Menunjukkan Lampiran Angka Indeks Rasuah*] daripada Transparency dan saya melihat negara kita bukanlah berada di dalam keadaan yang begitu teruk sebagaimana Yang Berhormat sebutkan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: [*Bangun*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Negara-negara di sekitar negara kita semua berada

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Lama dia ambil masa saya ini, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Arau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:dalam keadaan yang lebih teruk kecuali Singapura. Jadi, saya hendak tahu adakah Yang Berhormat membuat kajian mengikut perangkaan dan adakah Yang Berhormat menyebutkan ini sebagai satu tanggapan sahaja. Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Baik, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau dan terima kasih kerana mengaku bahawa memang Malaysia berlaku rasuah. Itu terima kasih pengakuan secara terbuka, cumanya Yang Berhormat dari Arau tadi

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat jangan buat silap, saya tidak buat pengakuan bahawa Malaysia

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak apa duduk, duduk, duduklah.....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:ini saya ada angka. Kalau Yang Berhormat – saya boleh baca angka ini. Sebab saya tidak baca angka ini Yang Berhormat ambil kesempatan.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Saya pun boleh bangun. Tuan Yang di-Pertua, saya pun boleh bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ini, ini floor saya. Duduklah. Betul Yang Berhormat tidak mengaku tetapi Yang Berhormat secara tidak langsungnya mengaku bahawa rasuah tidak tinggi. Cuma Yang Berhormat cuba membandingkan bahawa antara Malaysia dan Thailand dan Filipina, itu sahaja perbandingan tetapi secara tidak langsung kenyataan itu membayangkan bahawa memang berlaku rasuah, gejala rasuah berlaku dalam kepimpinan negara.

Cuma masalah yang kita hadapi hari ini Yang Berhormat bagi Arau bahawa rasuah-rasuah yang berlaku dan melibatkan pemimpin-pemimpin negara kita ini tidak didakwa dan tidak dibawa ke muka pengadilan dan inilah sukar untuk kita melihat satu kajian terperinci bahawa [*Tepuk*] indeks rasuah yang begitu besar berlaku dalam negara kita.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Minggu lepas Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut soal k-ekonomi atau ekonomi berteraskan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena, Timbalan Menteri.....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:kepada pengetahuan sebagai asas pembinaan ekonomi pada alaf baru ini. Kita menyedari bahawa ilmu pengetahuan maklumat kemahiran dan kebolehan akan menjadi faktor ekonomi yang baru selain tanah, modal, buruh dan usahawan.

Kemampuan kita menguasai maklumat bukan sahaja akan membantu pertumbuhan ekonomi baru tetapi turut memulakan era perniagaan elektronik e-dagang. Harus diberikan perhatian bahawa Dewan yang mulia ini bahawa untuk menguasai

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, minta izin.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: minta jalan pasal saya bimbang nanti terlanjur sangat. Minta jalan boleh?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Boleh, boleh, boleh.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Pokok Sena. Terima kasih atas beri ruang untuk sedikit sebanyak memberi penjelasan. Sepanjang mukadimmah tadi, Yang Berhormat bagi Pokok Sena menyebut tentang kroni yang berlaku yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Saya ingin minta penjelasan seakan-akan bahawa kerajaan ini keterlaluhan sangat mengamalkan dan pihak pembangkang tidak mengamalkan langsung keadaan ini berlaku seakan-akan gambaran yang saya terima. Bila mana berlaku di Terengganu, kerajaan yang di bawah pemerintahan, Kerajaan Terengganu pada hari ini juga berlaku amalan-amalan Yang Berhormat sebutkan. Bila mana Kerajaan PAS mengambil alih daripada Barisan Nasional, dahulu kita memerintah, di antara keutamaan yang kita bagi jawatan ialah pegawai kerajaan. La ni, bila mana Kerajaan PAS memerintah sehingga Pengerusi Badan Agensi Kerajaan, Haron Taib menjadi pengerusi, Lembaga

Pengarah isteri dia pun ada. Di antara agensi-agensi kerajaan, keluarga di situ juga berlaku. Adakah ini satu amalan yang sub standard di antara amalan-amalan PAS?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa perbandingan itu sangat berbeza apa yang berlaku dalam negara kita. Apa yang berlaku di Terengganu, saya difahamkan bahawa jawatan-jawatan itu diberikan tidak ada kepentingan-kepentingan dari sudut ekonomi dan kewangan tetapi apa yang diamalkan oleh kerajaan pada hari ini ialah memberikan kemudahan-kemudahan, peruntukan projek dan sebagainya kepada anak beranak, anak menantu seperti mana Yang Berhormat bagi Kuala Kangsar.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Ini suami dan isteri, tidakkan dia ada keluarga rapat sangat. Minta penjelasan, ya dan

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bagi

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:dalam konteks kayu balak di Kelantan juga sedemikian rupa.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, soal yang berkaitan dengan soal balak dan sebagainya. Kalau Yang Berhormat ada isu boleh report kepada BPR. Silakan. *[Disampuk]*

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak minta pendapat Yang Berhormat Pokok Sena, adakah masalah dengan pemimpin Barisan Nasional bahawa mereka tak nampak masalah itu, tetapi ia kata kalau orang lain buat lebih teruk, kita buat pun boleh, itulah masalah yang terukkan?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Memang perangai pemimpin UMNO lagu itu, memang cukup teruk.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Timbalan Menteri bangun lagi.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Minta penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Biar saya hendak habiskan ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak payah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Memang saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam bahawa pemimpin UMNO memang suka tuding jari kepada orang, semua orang salah dia tidak salah, sedangkan apa yang harus diingat bahawa satu jari yang kita tuding kepada orang, fitrahnya Allah S.W.T mengaturnya tiga jari menuding kepada diri kita sendiri.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Minta sedikit penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat berikan laluan untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya banyak lagi Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, saya hendak ingatkan juga Yang Berhormat tentang masa

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Boleh minta laluan, sekali sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pokok Sena tidak beri laluan. Dia kata ucapannya panjang lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Harus diberi perhatian oleh Dewan yang mulia ini, bahawa untuk menguasai maklumat, pemilikan komputer peribadi oleh rakyat terbanyak akan menjadi tindakan sokongan kepada k-ekonomi. Sebagai permulaan, rakyat perlu memiliki komputer peribadi kemudian terdedah dengan Internet di pejabat dan di rumah, dengan itu, e-dagang akan berkembang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta sedikit penjelasan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ada perkara penting yang saya hendak sentuh.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Janganlah baling batu sembunyi tangan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dak, dak, saya berani. Kalau tidak sempat di sini, sila susun meja di luar, kita berdebat di luar. *[Ketawa]*

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha Parlimen minta laluan juga.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Bolehkah minta laluan sedikit?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Sebagai permulaan rakyat perlu memiliki komputer peribadi kemudian terdedah dengan Internet di pejabat dan di rumah. Dengan itu, e-dagang akan berkembang.

Saya bersetuju jika kerajaan mengadakan kerjasama yang rapat dengan sektor swasta untuk menggerakkan e-dagang ini tanpa menjejaskan kepentingan rakyat sama ada pengguna ataupun peniaga-peniaga kecil. Undang-undang perlu diwujudkan terlebih dahulu. Adalah tidak bermakna jika kita menjadi pedagang elektronik sedangkan kepentingan pengguna dan peniaga kecil dikorbankan. Kerajaan perlu merancang bagaimana mengembangkan penggunaan komputer tanpa perlu melibatkan tabungan-tabungan awam, tetapi strategi lain harus dikemukakan. Rakyat perlu digalakkan untuk memiliki PC, seterusnya mendedahkan rakyat kepada Internet dan e-perniagaan iaitu satu sektor yang akan mempengaruhi semua sektor perniagaan pada masa yang akan datang.

Menjelang 2020, sudah tidak ada lagi syarikat yang dipanggil syarikat Internet kerana semua syarikat adalah telah menjadi syarikat Internet. Saya bagaimanapun kurang bersetuju dengan strategi kerajaan yang membenarkan rakyat mengeluarkan caruman KWSP untuk membeli komputer. Ini bukan sahaja menyusutkan tabungan rakyat pada masa hadapan tetapi juga menjadi strategi untuk menghidupkan syarikat komputer milik kroni pemimpin tertentu. Jika baru-baru ini kerajaan mengumumkan wang KWSP boleh digunakan untuk membiayai anak-anak di IPTS, maka siapakah para pemilik IPTS-IPTS yang akan mendapat untung tersebut. Kementerian Pendidikan perlu menyenaraikan IPTS yang mungkin dimiliki oleh kaum kerabat menteri dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional.

Rata-rata orang mengatakan bahawa IPTS yang diluluskan adalah kerana ada kaitan dengan pemimpin-pemimpin kerajaan. Program-program francais dengan IPTS juga dilulus secara paksa oleh universiti awam kerana faktor yang sama. Yang tertindas ialah rakyat terbanyak. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh kerajaan dalam Titah Diraja bahawa pendidikan sebagai sektor berpotensi untuk diperkembangkan sebagai sumber pendapatan ekonomi pada masa hadapan selain sektor kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita fahami, k-ekonomi sangat bergantung kepada sumber maklumat. Selain komputer, media massa adalah medium utama. Hak bersuara dan kebebasan media sekali lagi menjadi persoalan pokok dalam membina knowledge ini, dengan izin. Tetapi bila rakyat disekat daripada berfikir rasional, membuat pertimbangan tidak berdasarkan maklumat yang tepat dan benar maka ia menjadi counter productive, dengan izin, terhadap k-ekonomi. *Harakah* yang menjadi lidah rasmi PAS dihalang daripada terus berfungsi sebagai sumber maklumat kepada rakyat. Jika BN takut *Harakah* akan mendedahkan keburukan pemimpin kerajaan, maka menyekat *Harakah* adalah bukan caranya, tetapi pemimpin-pemimpin BN lah yang perlu ditarbiyah. Mereka tidak boleh lagi merasuah dan dirasuah, tidak boleh terlibat dengan skandal seks, mengagihkan kekayaan negara kepada kroni dan kaum keluarga serta anak menantu. Mereka perlu ditarbiyah tetapi sekarang mereka terbiar.

Kita bimbang kalau tindakan terhadap *Harakah* sebenarnya batu loncatan untuk meraih sokongan untuk jawatan Timbalan Presiden. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri perlu sedar spesis UMNO yang ada ini adalah spesis terakhir. Jadi, tidak perlu berebut lagi untuk menjadi Timbalan Presiden UMNO yang terakhir.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Larut bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Minta penjelasan, sedikit sahaja.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bukan tidak mahu beri laluan, Larut ini kadang-kadang banya soalan merapu, standard JKK.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Bukan, saya hendak bertanya, adakah Yang Berhormat mendahului Allah S.W.T?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fitnah dan hasutan dijadikan modal dan alasan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menyekat dan mengambil tindakan terhadap *Harakah*.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Peraturan dikemukakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Duduklah dahulu!

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tolong khaba', Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: 36(6). "*Seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.*" Tadi Yang Berhormat mengatakan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri mengharamkan ataupun mengurangkan pengeluaran *Harakah* kerana ada kaitan dengan pertandingan dalam UMNO. Ini satu sangkaan jahat, ia kena tarik balik. Urusan kerajaan dengan urusan parti jangan dikaitkan.

Jadi, saya minta Yang Berhormat tarik balik kenyataan yang mengaitkan tentang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini secara umumnya, jadi Yang Berhormat sila teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Umum...[*Tepuk*]

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Tidak, ini sebab dia buat sangkaan jahat ini kepada Timbalan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Fikiran itu, saya yakin dia bukan hendak tuju kepada Yang Amat Berhormat dengan cara itu.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Sebab dia sebut, dia kaitkan dengan pertandingan di dalam UMNO, jadi sangkaan jahat seolah-olah, Timbalan Perdana Menteri mengambil publisiti dengan mengurangkan penerbitan *Harakah* ini untuk menang jawatan UMNO.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak apalah Yang Berhormat. Teruskanlah ucapan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Fitnah dan hasutan dijadikan modal dan alasan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menyekat dan mengambil tindakan terhadap *Harakah*. Tetapi berita ‘hairan’, ‘utusan meloya’ dan ‘tv tiga suku’ yang selalu memutarbelitkan kenyataan pemimpin Barisan Alternatif (BA) tidak pernah diambil tindakan oleh kerajaan kerana ia menguntungkan BN. Iklan-iklan pilihan raya mereka yang penuh dengan hasutan dan propaganda jahat terkeluar daripada norma dan etika kewartawanan. Majalah-majalah artis yang separuh bogel seperti *Mangga, Bintang, Hai, Media, URTV* bebas tanpa sekatan. Novel-novel kisah benar yang lucu berleluasa di pasaran, bukan ahli pun boleh baca. Para muda mudi cukup minat dengan novel ini. Harga pun berpatutan. Tulisan-tulisan seperti Kassim Ahmad dan Nora Marzuki yang disiarkan oleh *The New Straits Times* secara terang terang menghina Islam, Pusat Islam diam membatu, sebab itu ada orang kampung saya kata, ”Memang pusat sahaja Islam.”

KDN tidak mengambil apa-apa tindakan. Apakah tindakan kepada *Harakah* kerana *Harakah* adalah akhbar yang mempunyai visi untuk menyuntik kesedaran berpolitik menurut lunas-lunas agama sedangkan pada masa yang sama membiarkan akhbar dan media perdana yang dilacurkan oleh golongan tertentu yang membantai dan menghina Islam serta mencabul kedaulatan rakyat.

Apakah salah dan dosa *Harakah* yang diperlakukan sedemikian rupa. Apakah salah dan dosa *Harakah* yang menyiarkan penyelewengan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Berdosakan *Harakah* kerana memaparkan berita-berita tentang salah guna kuasa dan amalan kronisme, nepotisme serta rasuah. Saya hendak mempertikaikan kenyataan Menteri Dalam Negeri bahawa tindakan terhadap *Harakah* adalah mengikut undang-undang, undang-undang mana? Tidak ada undang-undang yang menyebut akhbar parti mesti dikeluarkan hanya dua kali sebulan. Yang ada semua itu di bawah budi bicara menteri. Ini bermakna tindakan kepada *Harakah* adalah tindakan politik bagi menyekat pengaruh Barisan Alternatif. Beberapa hari yang lalu media melaporkan Menteri Dalam Negeri berkata ”*I am no Habibie!*” *The Sun*.

Memang betul dia bukan Habibie. Kerana Habibie telah memulakan era reformasi di Indonesia dengan membebaskan media daripada cengkaman dan penjara yang dilakukan oleh Presiden Suharto. Apakah penafian Menteri Dalam Negeri bahawa dia bukan Habibie, apakah ini bermakna dia adalah Suharto?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Minta laluan sedikit. Boleh Yang Berhormat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Tebrau bangun.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Masa hendak habis ini.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Terima kasih. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya begitu baik Kerajaan Barisan Nasional membenarkan keluaran *Harakah* itu sebulan dua kali daripada kita haramkan terus *Harakah* ini, kalau Kerajaan Barisan Nasional buat, bermakna tidak payah diterbitkan, jadi tidak timbul fitnah, tidak timbul apa-apa, jadi diam sahaja semua. Yang Berhormat pun faham dalam perkara ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Saya tidak perlu jawablah soalan itu, saya rasa semua yang ada Dewan ini boleh

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tidak, saya bertanya pasal Yang Berhormat tidak berterima kasih kepada kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak berterima kasih kepada kerajaan

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Kalau PAS memerintah, kalau surat khabar UMNO sedemikian rupa, Yang Berhormat sudah haramkan dah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak berterima kasih kepada kerajaan yang hanya membenarkan, ini bukan soal, sebab itu saya hendak sebut bahawa

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, ini yang susah, berdasarkan agama tetapi tidak hendak berterima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Duduklah dahulu. Apa ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tebrau.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat bercakap macam 'gangster'. *[Ketawa]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya bukan gangster.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: 36(6). Point of order. Minta tarik balik!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Dia pun tadi tidak tarik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia bukan kata dia gangster, dia tidak bermaksud begitu.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak apa, tidak apa. Saya gentleman. Bukan macam Perdana Menteri dengan Timbalan Perdana Menteri tidak gentleman, tidak berani mai berdepan dengan pemimpin-pemimpin Barisan Alternatif. *[Tepuk]*

Apakah penafian Menteri Dalam Negeri bahawa dia bukan Habibie bermakna dia adalah Suharto. Saya percaya bahawa tindakan yang dilakukan oleh Menteri Dalam Negeri itu adalah atas arahan Perdana Menteri yang berselindung di sebalik tindakan orang lain. Saya mencabar Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri untuk datang sendiri ke Parlimen untuk berhadapan dengan hali-ahli Parlimen Barisan Alternatif serta menjawab segala persoalan bukannya menghantar budak-budak suruhan yang terdiri daripada spesis terakhir UMNO.

Ketika media-media yang tidak berfaedah dan merosakkan ini berleluasa di pasaran, tidak perlu jual di markas, kerajaan bercakap tentang konspirasi media asing terhadap negara ini. Media-media asing ini dituduh membuat laporan salah tentang negara kita. Kenyataan pemimpin kerajaan kononnya diputarbelit, pembangkang mendapat tempat yang baik di media asing sehingga dicap sebagai agen asing.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat panjang lagikah?

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Ya, ada sedikit lagi. Boleh sambung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, masa Yang Berhormat ada lima minit lagi, boleh sambung petang ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Pokok Sena, diminta sambung ucapan.

2.32 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ketika media-media yang tidak berfaedah dan merosakkan ini berleluasa di pasaran, tak perlu jual di markas, kerajaan bercakap tentang konspirasi media asing terhadap negara ini. Media-media asing ini dituduh membuat laporan salah tentang negara kita. Kenyataan-kenyataan pemimpin kerajaan kononnya diputar-belitkan, pembangkang kononnya mendapat tempat yang baik di media asing sehingga dicap sebagai ejen asing tetapi mungkin kita terlupa apakah yang sedang dilakukan oleh media perdana terhadap PAS di Kelantan dan di Terengganu. Putar-belit, fitnah, melaga-laga memberikan gambaran negatif terhadap hukum Islam yang hendak dipraktikkan. BN patut malu dan bertaubat untuk bercakap soal peranan media asing ini kerana mereka juga turut menodai media tempatan untuk kepentingan politik sempit.

Tuan Yang di-Pertua, kita sangat bimbang jika keadaan ini tidak dapat diselesaikan secara demokratik oleh kerajaan, maka k-ekonomi yang dicanang-canangkan tidak akan mencapai matlamat. Saya bimbang bahawa k-ekonomi dan sudah pun berlaku bahawa k-ekonomi sebenarnya bukan ekonomi yang berasaskan kepada pengetahuan tetapi k-ekonomi ialah 'kroni-ekonomi, korupsi-ekonomi, kolusi-ekonomi,' akhirnya menjadi 'kacau-ekonomi dan kehancuran-ekonomi' seperti mana yang telah pun berlaku di dalam negara kita baru-baru ini.

Selain k-ekonomi kerajaan juga mesti telus atau transparent, dengan izin, untuk mewujudkan k-politik dan k-sosial. Rakyat dihalang daripada membina pengetahuan dalam politik, mereka diperbodohkan, elit politik

dibiarkan terus menguasai politik yang semakin kompleks. Rakyat disembunyi daripada isu-isu semasa, akhbar digam, Harakah dipersempitkan pengeluarannya, majalah yang tidak pro-kerajaan dibatalkan permit. Pembangkang tidak boleh mendapat lesen TV dan tidak mendapat tempat di TV dan radio. Apakah kerajaan sudah mula meniru dasar diktator Nikolai Lenin yang mengharamkan percambahan minda rakyat melalui media. Lenin pernah berkata, antara lain bermaksud bahawa untuk apa kebebasan berucap dan kebebasan akhbar dibenarkan, untuk apa sebuah kerajaan yang mendapat undi terbanyak dan percaya apa yang dilakukannya betul membenarkan kritikan terhadapnya. Ia tidak akan membenarkan penentangan dengan cara menggunakan senjata merbahaya. Idea-idea adalah lebih berbahaya dari senjata api, kata Lenin, untuk apakah seseorang dibenarkan memiliki syarikat surat khabar kemudian menyebarkan pemikiran yang boleh menggugat kedudukan kerajaan yang memerintah.

Tuan Yang di-Pertua, ketika Belanjawan yang tidak memberikan perhatian terhadap kaum nelayan, petani, pekebun kecil, pendidikan tinggi, kemudahan dan pengangkutan awam dan kesihatan ini dibahaskan, adalah amat penting untuk dibincang sama nilai-nilai kemanusiaan dalam merancang bina semula ekonomi kita. Saya telah melihat bagaimana hasil daripada dasar kerajaan yang agak meminggirkan bidang pengajian sosial dan memberikan penekanan yang tidak seimbang dengan bidang-bidang sains dan teknologi, maka lahirlah rakyat khususnya pemimpin-pemimpin negara yang terdiri daripada pemimpin BN yang terlibat dengan pelbagai skandal yang amat memalukan. Kita sebagai pembangkang pun turut merasa malu dengan apa yang berlaku terutama di kalangan pemimpin-pemimpin negara. Menteri-menteri dan ahli-ahli Exco kerajaan negeri disyaki dan dilihat oleh rakyat terlibat dengan berbagai-bagai skandal sama ada rasuah, seks, pecah amanah dan sebagainya. Dengan negara haram Israel pun mereka ingin berkawan.

Kita perlu memberikan penekanan yang serius terhadap pendidikan agama yang mula terpinggir di IPT dan sekolah-sekolah. Pendidikan akhlak dan moral yang sedang dilaksanakan sekarang mesti dikaji dan distrukturkan semula.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:.....prinsip ‘good behaviour and morality’ mesti digemblengkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pokok Sena...

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menunjuk isyarat tangan supaya tunggu dahulu]* Hal ini juga penting

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:sila gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:....bukan sahaja untuk kestabilan politik tetapi juga untuk menstabilkan pertumbuhan ekonomi negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Moral seharusnya dilihat sebagai satu produk yang sangat penting dalam pembinaan kemajuan masa depan negara kita.

Saya juga berminat untuk menyentuh beberapa perkara dalam Kementerian Belia dan Sukan. Harap Menterinya sendiri akan datang memberikan penjelasan dalam penggulungan nanti. Satu perkara yang saya ingin sentuh ialah tentang program-program sukan dilaksanakan sepanjang tahun. Kita tidak pasti sama ada perbelanjaan yang besar dikeluarkan sepanjang tahun digunakan untuk sekelompok elit ahli-ahli sukan sahaja atau rakyat teramai. Pada tahun 1998 misalnya, Majlis Sukan Negara berbelanja sebanyak RM93,165,246 termasuklah untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan tetapi saya perhatikan hanya RM1,795,155 sahaja untuk Rakan Sukan yang sebahagian besarnya melibatkan rakyat bawahan. Dalam Program Rakan Sukan peringkat negeri misalnya, hanya 14,414 orang sahaja anak-anak muda yang terlibat dalam pertandingan Sepak Takraw di seluruh negara, 53,511 orang sahaja yang terlibat dalam tiga sukan yang dianjurkan di peringkat daerah iaitu Bola Tampar, Bola Jaring dan Bola Sepak.

Apa yang saya hendak gambarkan di sini ialah peratusan rakyat yang terlibat dengan Rakan Sukan terlalu sedikit berbanding peruntukan yang besar untuk Majlis Sukan Negara. Saya minta pihak kementerian akan menjelaskan apakah falsafah sebenar kementerian dalam membina pemuda belia negara

melalui program sukan ini. Perbelanjaan yang besar untuk program sukan juga mungkin berpunca daripada pengambilan terlalu ramai jurulatih asing, mereka dibayar dengan elaun yang tinggi. Kadang-kadang tidak memberikan sebarang pulangan kepada pembangunan sukan negara ini, tidak berbaloi dengan peruntukan yang kita sediakan. Pada tahun 1998, 44 orang jurulatih asing berkhidmat di negara ini, tidak termasuk 11 orang tenaga sokongan asing yang melibatkan jurupulih, masseur dan terapis, psikologis, training coordinator, pegawai teknikal dan trainer...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:....minta kementerian jelaskan, berapakah elaun....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Nak habis, sikit saja. Minta kementerian jelaskan berapakah elaun keseluruhan mereka dan apakah prestasi pencapaian mereka. Kita perlu memperbandingkan elaun mereka dengan pencapaian atlet negara. Kita bimbang bahawa kadang-kadang perbelanjaan kita kepada jurulatih-jurulatih asing ini lebih mahal dan lebih tinggi daripada tok-tok imam yang ada di kampung seperti mana Tok Imam di Rompin yang mungkin hanya dibayar RM250 sebulan, bermakna bahawa 9 kupang sehari.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya masih ada banyak – beberapa perkara yang perlu saya sentuh tetapi saya mengharapkan bahawa proses pembinaan dan pembangunan semula ekonomi negara kita dan pembangunan negara secara keseluruhannya haruslah mengambil kira perkara-perkara yang mesti diasaskan kepada, disandarkan kepada perkara-perkara yang benar. Umpamanya, seperti mana menyandarkan pembinaan masyarakat belia negara kita ini yang mesti disandarkan kepada pembinaan agama, moral dan sebagainya supaya kita dapat membina masyarakat belia yang mampu mengambil alih kepimpinan negara kita pada masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sandakan.

2.38 ptg.

Datuk Lau Ngan Siew [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang ini untuk berucap tentang Belanjawan 2000 di Dewan yang mulia ini. Pertama, saya ucapkan tahniah kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tun Dato' Daim bin Zainuddin yang dapat menyampaikan Belanjawan negara yang prihatin dan berwawasan untuk memanfaatkan rakyat jelata di Malaysia.

Belanjawan tahun ini adalah berpandangan jauh dan mempunyai ciri-ciri pengukuhan, memandangkan krisis kewangan telah pun berakhir. Saya amat berkeyakinan bahawa Belanjawan ini akan mampu membawa negara kita ke alaf baru dengan daya tahan dan daya saing yang lebih dinamik.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan terkini, pemulihan ekonomi negara adalah semakin pesat dan kukuh dengan kadar pertumbuhan tahunan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar meningkat dari 4.1% pada suku kedua tahun 1999 kepada 8.2% pada suku ketiga dan 10.6% pada suku keenam. Kadar pertumbuhan KDNK benar bagi tahun 1999 adalah 5.4% berbanding dengan 4.3% seperti yang dijangkakan.

Di samping itu, penjimatan indeks komposit pasaran Bursa Saham Kuala Lumpur telah melonjak kepada 1009.53 mata pada 24 Februari 2000. Namun demikian, para pelabur tetap harus bersikap berhati-hati dalam soal jual-beli saham setelah pernah mengalami pengalaman ngeri semasa krisis kewangan dahulu. Jadi, sikap yang terlalu spekulatif haruslah dikikis di samping tidak terlalu bergantung pada negara-negara barat untuk petunjuk. Kini telah tiba masanya, kita bergantung kepada diri kita sendiri dalam menentukan keputusan. Ini telah pun terbukti, ketika negara ini menggunakan acuan penyelesaian sendiri dalam menangani krisis kewangan kita.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pemulihan ekonomi negara kita telah menunjukkan kesan positif malahan adalah lebih cepat berbanding dengan negara-negara jiran kita seperti negara Thailand dan Indonesia. Cuma negara Korea sahaja yang sedikit lebih pesat daripada negara kita. Akan tetapi, kita tidak haruslah terlalu leka dengan pencapaian ini. Kita sepatutnya berusaha dengan lebih giat lagi bagi mencapai pengukuhan ekonomi yang lebih stabil pada tahun ini. Dalam konteks ini, saya berasa adalah perlu bagi negara kita memiliki sebuah kerajaan yang stabil dan berkebolehan serta mendapat

mandat daripada rakyatnya seperti kerajaan Barisan Nasional bagi memainkan peranan yang penting ini. Kini pilihan raya telah pun berakhir, maka kita semua haruslah menumpukan perhatian kita dalam soal pembangunan bersama dengan kerajaan pimpinan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama adalah tepat pada masanya bagi menubuhkan satu kumpulan pemikir '*think tank*' bagi membolehkan kita merancang dalam menghadapi cabaran globalisasi dan liberalisasi bagi membolehkan negara kita menjadi peserta pasaran bertaraf antarabangsa. Para pengeluar tempatan, haruslah berusaha dengan lebih gigih lagi dalam mempertingkatkan produktiviti mereka. Rakyat secara keseluruhannya haruslah bangun dan berganding bahu bagi menyediakan diri menghadapi cabaran baru semasa perubahan paradigma daripada ekonomi yang berteraskan pengeluaran, p-ekonomi kepada ekonomi berteraskan pengetahuan, k-ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam mesyuarat UNCTAD di Bangkok baru-baru ini, di antara negara-negara sedang membangun dan negara-negara maju adalah didapati bahawa negara-negara maju keberatan mengubah status perdagangan liberalisasi. Jadi, kita haruslah sedar pada setiap masa yang masih banyak masalah yang belum ada jalan penyelesaiannya dalam pasaran modal dunia. Walau bagaimanapun, kita haruslah berbangga dengan ucapan Ketua Dasar Makro Ekonomi dan Pembangunan UNCTAD, Dr. Yilmac Akyuz, yang memaklumkan bahawa Malaysia pada tahap tertentu negara China telah menghulurkan bantuan ketika krisis kewangan melanggar Asia dalam kawalan modalnya yang selektif dan dasar kadar pertukaran tetap bagi mencegah keadaan menjadi lebih mudarat. Beliau juga berpendapat, dasar Malaysia telah membekalkan kesan externality yang positif. Adalah telah terbukti, yang dasar-dasar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) gagal dalam menangani krisis kewangan malah memudaratkan lagi keadaan. Dasar-dasarnya hanya menjadi lebih longgar, lantaran daripada model alternatif yang diaplikasikan oleh Malaysia. Dr. Yilmac juga berpendapat bahawa keputusan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad adalah paling berkesan dan bersesuaian dalam mengatasi krisis

kewangan memandangkan sistem antarabangsa adalah sememangnya kurang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, rancangan kerajaan memperbanyak bilangan sekolah di negara ini khasnya di kawasan luar bandar, haruslah diberi sokongan padu. Sistem persekolahan satu sesi juga menjanjikan kualiti pelajar yang lebih berkualiti dalam membekalkan sumber manusia bagi alaf baru ini terutamanya dalam usaha menjayakan Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) dan Cyberjaya, IPTA, IPTS dan Institusi-institusi Swasta yang lain juga seharusnya tidak hanya mengutamakan keuntungan tetapi haruslah bertindak menyediakan tenaga pengajar yang berkelulusan dan berpengalaman. Pada masa kini, masih terdapat institusi swasta yang mengambil tenaga pengajar sambilan yang pada sesetengah keadaan lewat atau langsung tidak hadir disebabkan penglibatan mereka di tempat-tempat lain.

Selain itu, masalah juga wujud dengan ada juga sesetengah tenaga pengajar yang berkelulusan tinggi tetapi kurang berpengalaman dan gagal menyampaikan pengajaran mereka. Jadi, adalah munasabah bagi Kementerian Pendidikan mengenakan syarat yang lebih ketat terhadap pembentukan institut-institut swasta.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Laporan Kualiti Hidup Malaysia 1999, indeks kualiti hidup di negara ini bagi tempoh 1980 sehingga 1998 telah meningkat dari 86.2 mata kepada 105.7 mata. Peningkatan kualiti hidup ini adalah petunjuk bahawa telah tiba masanya kita melangkah setapak lagi ke hadapan bagi merealisasikan impian kerajaan membentuk masyarakat berpengetahuan agar kualiti hidup rakyat akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan telah mencadangkan agar cukai import terhadap barangan berjenama, branded goods, dengan izin, dimansuhkan bagi membantu peniaga-peniaga tempatan memajukan perniagaan mereka. Berita ini adalah sangat dialu-alukan oleh peniaga-peniaga tempatan. Dengan pemansuhan ini, peniaga-peniaga tempatan haruslah terus mempromosikan barangan buatan Malaysia kerana memang pada hakikatnya sesetengah barangan kita adalah lebih berdaya saing berbanding dengan barangan import. Dalam konteks ini,

mungkin kerajaan akan kehilangan sedikit hasil tetapi tiak dapat dinafikan bahawa cadangan ini dapat menarik lebih banyak aktiviti membeli-belah bagi menjadikan Malaysia sebagai 'syurga membeli-belah' yang ternama di dunia. Para pengeluar tempatan pula, perlulah berusaha mempertingkatkan mutu produk mereka sama ada melalui penyelidikan mahupun penemuan baru agar produk mereka lebih berdaya saing dan relatif lebih murah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membanteras kemiskinan di Sabah, kerajaan negeri telah pun mencapai kejayaan yang setimpal dengan usahanya. Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Osu Sukam telah menyenaraikan penghapusan kemiskinan sebagai salah satu agenda utama kerajaan negeri bagi lima tahun yang akan datang. Minggu lepas beliau telah pun mendapat maklum balas daripada 20 daerah termiskin di Sabah untuk mengetahui keberkesanan perlaksanaan program pembangunan kerajaan. Laporan telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan telah pun menurun menjadi 16.5% pada tahun 1997 berbanding dengan 28.5% pada tahun 1995.

Semua ini telah membuktikan keikhlasan Kerajaan Negeri Sabah di bawah pucuk pimpinan Barisan Nasional dalam usaha membanteras kemiskinan. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa kemiskinan masih lagi wujud terutamanya di daerah-daerah yang sangat terpencil.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat bagi Bandau bangun.

Datuk Lau Ngan Siew: Tidak beri jalan, saya tidak ada masa lagi. Memandangkan Belanjawan tahun 2000 ini kerajaan telah memperuntukkan RM129 juta untuk bekalan air di luar bandar, RM153.84 juta untuk perkhidmatan kesihatan, RM21.1 juta untuk bekalan air bersih, RM201 juta untuk pembinaan jalan-jalan kampung. Maka saya di sini, ingin menggesa supaya Kerajaan Pusat dapat mengagihkan peruntukan yang lebih besar dan memadai bagi negeri Sabah yang masih menghadapi masalah kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain masalah kemiskinan, Sabah masih lagi dibelenggu dengan masalah setinggan tempatan. Majoriti daripada setinggan tempatan adalah dibina di atas tanah kerajaan mahupun tanah milik

persendirian. Dalam mengatasi masalah ini, lebih banyak rumah berkos rendah perlu dibina. Rumah-rumah berkos rendah ini sama ada dijual kepada mereka pada harga murah ataupun disewakan kepada mereka pada sewa yang rendah. Maka dengan ini, saya ingin menggesa supaya Kerajaan Pusat mengagihkan sejumlah peruntukan kepada Kerajaan Negeri Sabah bagi menyediakan Projek Perumahan Awan Kos Rendah dan Projek Perumahan Rakyat Bersepadu yang begitu mendapat sambutan di Semenanjung Malaysia pada umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi Sabah ada satu lagi berita baik yang diumumkan oleh Menteri Pembangunan Alam Sekitar, Pelancongan, Sains dan Teknologi, Yang Berhormat Datuk Chong Kah Kiat bahawa Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) akan memperkenalkan pakej percutian baru dari Semenanjung Malaysia ke Sabah dengan harga potongan separuh daripada tambang biasa. Pakej itu meliputi tiket penerbangan, penginapan dan makan. Kadar pada masa kini bagi penerbangan dari Kota Kinabalu adalah di antara RM612 dan RM874. Bayaran tiket penerbangan yang tinggi ini telah mengurangkan minat pelancong dari luar negeri mahupun tempatan melawat Sabah.

Sekiranya cadangan ini menjadi kenyataan saya percaya kadar kemasukan pelancong ke Sabah akan bertambah lagipun tahun ini adalah Tahun Melawat Sabah. Pakej baru ini akan dapat memajukan industri pelancongan di Sabah pada masa depan juga. Saya juga ingin menggesa supaya Kerajaan Pusat memberikan sokongan dan melaksanakan lebih banyak strategi baru bagi membantu perkembangan industri pelancongan di Sabah. Dalam usaha menarik lebih ramai pelancong saya berpendapat bahawa sela in keindahan semulajadi yang unik, Sabah juga berpotensi dijadikan pusat sukan kereta pacuan empat roda dan sukan memancing yang bertaraf antarabangsa kerana Sabah memiliki asetnya yang sangat bernilai yakni sungai-sungai, jeram-jeram, paya-paya bakau dan hutan desa yang sesuai untuk aktiviti sukan sebegini.

Dengan kejayaan Formula I di Sepang yang menghasilkan pulangan tukaran wang asing melebihi RM500 juta kita tidak perlu lagi mempertikai keupayaan negara kita dalam menceburi bidang ini. Cara ini bukan sahaja

dapat memajukan industri pelancongan negara kita malah dapat menjadikan Malaysia dikenali di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya berkeyakinan bahawa Belanjawan Tahun 2000 ini berkemampuan memberikan impak positif kepada ekonomi negara Malaysia dalam menyambut cabaran alaf baru. Yang penting sekali, perpaduan rakyat haruslah dikekalkan dengan memberikan sokongan dan mandat penuh kepada Kerajaan Barisan Nasional. Dengan dasar dan langkah-langkah kerajaan yang ikhlas ini sudah tentu akan menampakkan hasil positif agar semua rakyat Malaysia dapat hidup aman damai dan berwawasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Belanjawan Tahun 2000 ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Setiu.

2.58 ptg.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak [Setiu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Belanjawan 2000 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini pada 25 Februari yang lalu. Syukur kehadiran Allah S.W.T yang telah memberikan segala pemeliharaannya dan rezeki yang tidak putus-putus kepada rakyat di bumi bertuah ini.

Tuan Yang di-Pertua, memetik kata-kata Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, "*Apa yang jelas atas semangat jati diri dan jiwa merdeka ini kita telah berjaya mengharungi kegawatan ekonomi yang paling perit pernah dialami dalam sejarah tanah air*". Kegawatan ekonomi yang telah melanda negara sepatutnya memberi kepada kita pengajaran yang cukup berharga dan cukup mahal dan tidak patut untuk kita terjerumus dan mengulanginya lagi. Keadaan yang terjadi pada masa ketika kita berada di puncak kejayaan apabila kita menjadi begitu bangga dengan kejayaan fizikal yang kita perolehi seolah-olah kitalah penentu dan pencetus kejayaan.

Kita berjaya membina pelbagai projek mega dan super mega, pasaran saham penyenaaran, syarikat-syarikat di pasaran saham menjadi kilang mencetak wang segera maka lahirlah jutawan-jutawan segera. Gaya hidup yang luar biasa, super mewah dan sudah lupa jati diri, budaya meminjam dan

tawaran untuk pinjaman dan berbelanja menjadi terlalu mudah. Suburnya budaya berpoya-poya, karaoke, dangdut, kelab malam dan Malaysia menjadi destinasi pelancong, pelacur, pusat judi kasino.

Tuan Yang di-Pertua, ketika ekonomi negara berkembang lebih daripada lapan peratus melebihi lapan tahun berturut-turut, pasaran saham cukup tinggi dan pemimpin-pemimpin negara sibuk berterbangan seantero dunia diikuti oleh korporat-korporat MoU, dengan izin. Kita dikejutkan dengan ekonomi negara yang jatuh merudum, pasaran saham ranap sehingga harga saham kita menjadi nilainya 'tissue paper', dengan izin. Usahawan kecil dan sederhana ramai yang gulung tikar, korporat-korporat besar, kroni diselamatkan, diburukkan lagi dengan gegaran....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bagan Datoh bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Kawan saya, saya berilah.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, memang kawan dahulu. Nilai tissue paper untuk pasaran saham, apa maksud Yang Berhormat Setiu, adakah kerana ia boleh buat lap hingus, buang ataupun untuk cuci selepas 'membuang' di tandas, macam manakah?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bagan Datoh. Saham pada ketika nilai Komposit Indeks mencapai berada pada paras sekitar dua ratus lebih ada saham-saham yang dahulunya nilai mungkin RM10-15 sudah sampai kepada peringkat harganya di bawah RM1, itu maksud saya.

....ketika mana negara diburukkan lagi dengan gegaran pergeseran pimpinan utama negara sehingga terpecatnya pemimpin harapan rakyat pada ketika itu iaitu Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Yang di-Pertua, jiwa merdeka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tun Daim.....

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Boleh saya habiskan sedikit lagi, saya beri injury time. Jiwa merdeka yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Tun Daim pernah digambarkan dalam peristiwa Rabiul bin Amir....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen....

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:yang menjadi utusan pemerintah Islam ketika....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Setiu tidak beri laluan.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: bertemu dengan panglima tertinggi empayar Parsi yang merupakan kuasa besar dunia pada masa itu. Rabiul bin Amir yang berpakaian sederhana menyatakan, *[Membaca ucapan dalam bahasa Arab], "Allah telah membangkitkan kami untuk mengajak sesiapa yang mahu di antara kamu daripada mengabdikan diri sesama makhluk kepada mengabdikan diri kepada Allah daripada sistem hidup yang zalim kepada keadilan Islam dan daripada kesempitan hidup dunia kepada keluasan hidup dunia dan akhirat"*.

Ucapan yang disampaikan oleh Rabiul bin Amir ini penting untuk kita jadikan panduan di alaf baru ini iaitu ajaran yang meletakkan diri kita supaya tidak tunduk kepada mana-mana kuasa sesat sama ada dari luar atau dari kalangan kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, budaya rendah diri yakni inferiority complex dan jiwa kerdil yang terkongkong telah sebatu dengan orang Melayu. Walaupun telah diajar dari dahulu lagi oleh nenek moyang kita bahawa ketaatan kita punya batasan sempadan. 'Raja adil raya disembah, raja zalim raja disanggah'. Bagaimana jiwa kita mampu untuk merdeka apabila budaya berhutang berlebihan di luar keupayaan kita, hutang negara melebihi RM372 bilion iaitu 6.2% daripada KNK. Walaupun kita cuba membayarnya 1997-1998 sekarang RM16.5 bilion sahaja iaitu terlalu kecil bayarannya, sebab itu kita bertanya apakah langkah-langkah konkrit dan perancangan kerajaan untuk menguruskan kewangan negara supaya rakyat tidak terbeban dan tergadai. Kita bimbang budaya 'biar papa asal bergaya' menjadi cara hidup kita.

Tuan Yang di-Pertua, program melahirkan Masyarakat Perdagangan, Perindustrian Bumiputera (BCIC) melalui pembangunan IKS menerusi pelbagai kaedah vendor, mento-mentee, francais nampaknya kurang berjaya terutama ketika negara dilanda krisis ekonomi. Ramai usahawan IKS terutamanya di bawah PUNB, MARA, Bank Pembangunan yang telah gulung tikar. Sebahagiannya bukan sahaja kerana salah mereka tetapi mereka terpuak dengan kegawatan ekonomi. Bayangkan sebuah syarikat vendor umpamanya, pemiliknya adalah bekas pegawai tinggi bank, memasuki perniagaan kerana menahuti cabaran BCIC, meletakkan seluruh simpanan diri dan keluarganya sebagai syarat 30% ekuiti daripada usahawan dan sebahagiannya dibiayai oleh PUNB, MARA ataupun Bank Pembangunan dan membuat pinjaman Bank Perdagangan untuk membiayai, membeli mesin dan jentera untuk produk syarikat multi-nasional, tiba-tiba negara dilanda kegawatan, syarikat multi-nasional tidak membuat tempahan lebih daripada setahun. Bagaimana usahawan ini boleh bertahan sedangkan setiap bulan gaji pekerja, bayaran mesin perlu dibuat kepada bank-bank yang berkenaan dan jenis mesin berkenaan tidak mampu untuk mengeluarkan produk selain daripada ditentukan.

Walaupun pegawai-pegawai daripada PUNB, MARA, bank-bank tadi begitu bersungguh untuk membantu tetapi mereka terbatas dengan peraturan yang ada. Apabila ekonomi mulai pulih, syarikat multinational diselamatkan, tempahan mula dibuat, syarikat IKS tadi telah pengsan sebenarnya kerana surat saman keliling pinggang mereka. Kedudukan kewangan syarikat berada dalam keadaan negatif. Mereka pergi ke bank, sukar untuk mendapatkan pinjaman kerana akaun mereka dikategorikan sebagai non performing loan dan baki bank dahulu belum diselesaikan. Syarikat dianggap over gearing.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu serius dalam masalah ini kiranya kita ingin melihat usahawan IKS terutama bumiputera berjaya. Kerajaan perlu tegas dan perlu ada political will, dengan izin untuk menjayakan BCIC dan program yang lebih strategik, sistematik perlu dilaksanakan. Kerajaan perlu adil kalaulah syarikat-syarikat besar yang ada hubungan dengan pemimpin utama negara diselamatkan dengan pelbagai jenama dan istilah, syarikat kecil dan sederhana perlu dibantu tanpa mengira siapa mereka itu. Kegagalan

pertama bukanlah terus gagal dan saya yakin Yang Berhormat Tun Daim merupakan orang yang pernah dikategorikan sebagai pernah gagal dan jatuh dalam dunia perniagaan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan semula negara telah menarik perhatian pekerja asing terutama dari negara-negara umat Islam seperti Bangladesh, Indonesia, Selatan Thailand. Mereka bekerja di pelbagai sektor terutamanya dalam perkilangan di Malaysia ini dan Malaysia merupakan negara yang dianggap melaksanakan pembangunan seimbang. Pekerja-pekerja ini perlulah diberi layanan kepada mereka sebagai seorang Islam. Mereka hendaklah diberi kemudahan untuk mengerjakan sembahyang terutama pada hari Jumaat. Mereka hendaklah dibekalkan dengan guru-guru fardhu ain bagi kilang-kilang yang mempunyai pekerja lebih daripada 10 orang. Ini penting kerana sebahagian daripada zaman remaja mereka, mereka habiskan di negara kita ini dan kita perlu membantu untuk membina sahsiah dan peribadi mereka kerana pekerja-pekerja ini dikenali dan dianggap sebagai pencetus pelbagai aktiviti yang kurang sihat di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita begitu sibuk dengan pembinaan lebuhraya bertol dengan tumpuan yang kurang kepada penyediaan rangkaian pengangkutan awam yang baik terutama untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Apabila kita serahkan pembinaan pengangkutan awam kepada pihak swasta seperti LRT, PUTRA dan pelbagai pengangkutan lain, semuanya menumpu ke arah untuk maximize keuntungan dan rakyat bawahan terpinggir kerana tidak mampu. Bayangkan negara yang jauh lebih maju daripada kita seperti Hong Kong, Singapura, pengangkutan awam adalah milik kerajaan dan harganya berpatutan. Rakyat bawahan mendapat manfaat.

Juga kurangnya bilangan kenderaan persendirian dan ini boleh mengurangkan kadar kemalangan. Saya mencadangkan supaya penyelesaian sistem pengangkutan secara bersepadu terutama pengangkutan awam seperti bas, kereta api, LRT, kapal terbang dan perlunya perhentian bas dan kereta api dilengkapi dengan kemudahan tandas, bilik rehat, tempat sembahyang, tempat makan yang selesa. Sekarang kelengkapan seumpama itu terutama di stesen-stesen bas, di Puduraya, Hentian Putra, kita dapati kedudukan tandasnya cukup memalu dan memilukan.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan dasar integrasi nasional antara Pantai Barat dan Timur Semenanjung, sistem lebuhraya ke Pantai Timur terutamanya daripada Kuantan ke Terengganu hendaklah disegerakan. Bagaimanapun kadar tol yang dikenakan sekarang ini 11.24 sen per kilometer adalah tinggi kerana kos pembinaan lebuhraya adalah sekitar RM10 hingga RM15 juta sahaja per kilometer. Ini bermakna kerajaan boleh mengurangkan kadar bayaran tol sehingga 25% atau kurang daripada 10 sen per kilometer dengan memanjangkan tempoh konsesi lebih daripada 35 tahun.

Adalah dicadangkan dalam semua projek penswastaan, kerajaan perlu memastikan tidak berlaku apa yang disebut bahawa kerajaan terikat dengan perjanjian yang merugikan pihak kerajaan sendiri akibat tiadanya report yakni public opinion yang dibuat secara bebas. Kita bimbang projek-projek yang tidak menguntungkan akan diserahkan kepada kerajaan sedangkan hanya projek-projek yang untung sahaja menjadi milik swasta dan bukan mustahil LRT-PUTRA akan mengikuti jejak ini. Kita pohon supaya jalan-jalan bertol yang telah balik modal dibatalkan tolnya seperti Jalan Kuching, umpamanya.

Tuan Yang di-Pertua, Semenanjung Tanah Melayu adalah sebuah negara yang muda usianya dalam istilah sains bumi. Di bawah perut bumi kita ini, terdapat pelbagai aktiviti yang kalau kita faham, kita tidak lena tidur kerana bukanlah bumi Malaysia ini bebas daripada aktiviti gunung berapi. Sebenarnya gunung berapi di Tanah Melayu kita ini bukannya tidak ada tetapi tidak aktif dan pernah keaktifan gunung berapi ini berlaku terutama di Kuantan dan di Segamat. Kalau pergi Kuantan, ada batu hitam di Kuantan dan di Segamat, Johor merupakan di Tanah Melayu ini pernah berlaku letupan gunung berapi. Jadi, sekarang maknanya bukan ianya tidak ada gunung berapi tetapi hanya sekadar sedang tidur sahaja sekarang, tidak aktif.

Dan muka bumi kita ini penuh dengan gunung-ganang dan bukit bukau yang di dalamnya terdapat pelbagai khazanah tersembunyi menunggu untuk diterokai. Isunya, Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang dibuat oleh pihak kerajaan tidak mendapat pandangan secara menyeluruh dan kepakaran tertentu umpamanya daripada Institut Geologi Malaysia dan Jabatan Kaji Bumi dan Galian. Akibatnya terdapat pembangunan yang membazir sumber asli seperti betapa banyaknya khazanah negara, mineral dan galian berharga yang

sekarang ini 'terendap' ratusan kaki di bawah paras air yang terdapat di Tasik Kenyir umpamanya dan empangan-empangan yang dibina sedangkan sumber tersebut sudah dianggap membazir sekarang, sukar untuk diterokai kembali.

Begitu juga dengan pembinaan lebuhraya, terowong, bangunan di lereng bukit, bangunan tinggi di Kuala Lumpur yang daripada kaca mata geologi amat mencemaskan kerana sebahagian daripada bangunan tinggi di Kuala Lumpur ini berada di atas batuan dasar, batuan batu kapur, minta maaf, di atas batu kapur ataupun kalau dari istilah geologinya ialah di bawahnya ialah terdapat gua-gua, stalaktit dan stalagmit. Maknanya, terdapatnya batu kapur.

Dalam keadaan begini juga, kita dikejutkan dengan kekurangan air di Pantai Barat terutama di Lembah Kelang dan kehairahan untuk mendapatkan sumber air bawah tanah menjadi begitu ketara dan usaha-usaha mengambil air di bawah tanah ini sekiranya tidak dikawal akan berlaku kejatuhan paras air tanah secara mengejut dan mengakibatkan keruntuhan dan musnah harta benda. Kita mohon supaya tenaga pakar kita ini dipanggil bukan setelah berlaku kejadian ataupun berlakunya kecelakaan tetapi hendaklah diminta pandangan mereka daripada awal lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya berdiri di bahagian Barisan Alternatif. Beberapa bulan yang lalu, saya merupakan bekas AJK UMNO bahagian. Sebab itu sahabat saya tadi, saya kata kawan lama. Kenapa saya tinggalkan UMNO? Ini merupakan pernyataan generasi muda yang ingin melihat perubahan dalam negara kita. Timbulnya keinginan dan kerinduan politik yang religious, bermoral dan berprinsip. Kedewasaan berpolitik penentunya bukan lagi pembangunan kebendaan semata-mata, bukan piti sahaja, minta maaf dengan izin dan putar belit bukan lagi sentimen nostalgia kegemilangan masa lalu. Bukan lagi kuasa media massa memfitnah dan memperbodohkan rakyat.

Pilihan raya 1999 sangat berkait dengan rentetan peristiwa yang bermula pada 2 September 1998 semenjak pemecatan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Isu ini mencetuskan krisis kepercayaan dan krisis kewibawaan kepada insituti keadilan di Malaysia. Ada anggapan mengatakan bahawa isu Dato' Seri Anwar ini adalah gejala emosi dan sementara....

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Orang tidak akan mengundi dengan emosi tetapi dengan rationality.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Arau bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Hakikatnya, persoalannya tidak semudah itu. Isu ini pada hakikatnya melibatkan soal prinsip dan nilai-nilai teras dalam agama dan budaya umat yakni isu keadilan dan kemanusiaan. Isu yang mengaibkan secara melampau-lampau. Deraan fizikal yang mengerikan, menyumbat lawan ke dalam penjara lalu terus mempergunakan media massa untuk mereka cerita-cerita dan tuduhan palsu.

Sekarang rakyat telah membuat keputusan, walaupun lebih 668,000 pengundi baru tidak diiktirafkan hak mengundi mereka dan di samping ratusan ribu nama-nama pengundi hantu dan seumpamanya tetapi rakyat di Semenanjung telah menunjukkan bahawa BN hanya menang sekadar 53% dan Barisan Alternatif 48%.

Majoriti pengundi-pengundi BN ialah 294,529 orang, Barisan Alternatif memerlukan 146,000 orang sahaja untuk mendapat majoriti di Semenanjung. Justeru itu, kami Barisan Alternatif berkeyakinan kiranya pilihan raya diadakan secara telus dan adil, landskap politik negara pada pilihan raya akan datang, insya-Allah akan berubah wajah. Justeru itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat.

3.16 ptg.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum dan salam sejahtera. Bismillahir rahman nirrahim.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas keizinan yang diberikan oleh Tuan Yang di-Pertua untuk saya berucap sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini oleh Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia pada 25 Februari 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebagai Ahli Parlimen bagi Batu Pahat mewakili seluruh pengundi-pengundi di Parlimen Batu Pahat mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia dan Kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Belanjawan tersebut. Tahniah juga kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang dapat membentuk semula kerajaan pada pilihan raya yang ke sepuluh yang lalu.

Walaupun Barisan Nasional gagal mempertahankan negeri Terengganu dan gagal merampas Kelantan daripada PAS tetapi saya yakin untuk masa-masa yang akan datang Barisan Nasional khasnya seluruh pimpinan di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan pusat akan lebih giat menjalankan usaha-usaha untuk memperkukuhkan lagi kekuatan parti supaya ianya akan lebih mempunyai daya juang, daya tahan bagi menentukan survival agama, bangsa, negara akan terus dapat dipertahankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat pilihan raya yang ke sepuluh yang lalu adalah pilihan raya yang bebas di mana barisan pembangkang memperolehi lebih kerusi daripada pilihan raya yang lalu. Saya katakan barisan pembangkang kerana ianya meniru Barisan Nasional dan ia juga sebenarnya wujud untuk gerak kerja pilihan raya sahaja dan Barisan Alternatif seperti yang dikatakan juga tidak mempunyai lambang atau bendera yang boleh menyatukan mereka seperti yang kita ketahui, dalam pilihan raya yang lalu, mereka menggunakan lambang daripada parti masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim pada 25 Februari 2000 adalah merupakan Belanjawan

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Pahat, Yang Berhormat Yan bangun.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin : ...Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak bagi jalan.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:adalah merupakan Belanjawan yang memberi faedah menyeluruh kepada rakyat khususnya pelajar,

kakitangan awam, pesara dan petani. Beberapa peruntukan yang diumumkan dapat membantu kakitangan awam merancang pelaburan masa depan keluarga. Bagaimanapun saya berharap kenaikan gaji dan pencen kakitangan awam bukanlah lampu hijau bagi peniaga-peniaga menaikkan harga barangan keperluan.

Langkah-langkah kerajaan membenarkan pencarum KWSP mengeluarkan wang caruman bagi membeli komputer, meluluskan kenaikan pencen sebanyak 10%, kenaikan 10% hingga 60% pinjaman kepada pelajar di luar negara, peruntukan RM100 juta untuk menjalankan projek-projek pertanian, makanan dan ternakan bagi pekebun-pekebun kecil yang diharapkan dapat meningkatkan taraf hidup pekebun-pekebun kecil sekaligus dapat mengurangkan import makanan adalah di antara beberapa usaha Kerajaan Barisan Nasional mempertingkatkan sosio-ekonomi rakyat di samping membangun sahsiah diri masyarakat yang diperuntukkan sebanyak RM236.9 juta melalui berbagai-bagai agensi kerajaan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional juga mengambil beberapa langkah untuk mencergas semula sektor swasta seperti yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin. Beberapa langkah dibuat untuk menjana semula sektor swasta. Di antaranya dengan menyediakan persekitaran yang bersesuaian. Ini termasuk mengekalkan semua langkah-langkah percukaian yang lalu di samping beberapa langkah yang belum dapat dikuatkuasakan sehingga pindaan yang terkandung dalam rang undang-undang Kewangan 2000 diluluskan. Langkah-langkah tersebut ialah:

- i mengurangkan kadar cukai pendapatan individu, koperasi dan individu bukan bermastautin sebanyak 1 mata peratus;
- ii meningkatkan kadar pelepasan diri daripada RM5,000 kepada RM8,000;
- iii menyamakan kadar bayaran duti setem di atas surat cara pinjaman bertema al-Ijarah dengan kadar bayaran duti setem produk perbankan konvensional;

- iv memberi pengecualian cukai sepenuhnya ke atas semua sumber pendapatan syarikat modal teroka selama sepuluh tahun;
- v menaikkan pelepasan premium insurans pendidikan dan perubatan daripada RM2,000 kepada RM3,000;
- vi memberi pelepasan ke atas premium annuity sehingga RM1,000 kepada pembayar cukai yang membeli annuity di bawah skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- vii meningkatkan pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diterima bagi pengubahsuaian lagu daripada RM12,000 kepada RM20,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sewaktu pembentangan Belanjawan 2000 pada 25 Februari 2000, adalah dijangkakan kutipan hasil negara sebanyak RM61.8 billion bagi tahun 2000. Ini berbanding dengan kutipan hasil negara sebanyak RM58.8 billion. Oleh itu defisit keseluruhan kerajaan persekutuan pada tahun 2000 dijangka berkurangan kepada 4.5% daripada keluaran negara kasar. Pencapaian ini mencerminkan pengurusan dasar fizikal kerajaan yang penuh bertanggungjawab, berwawasan serta sentiasa mengamalkan belanjawan yang berhemah dan tidak boros.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita maklum bahawa Kementerian Pengangkutan, Bahagian Darat telah diperuntukkan sebanyak RM125,124,600 bagi tujuan mengurus tahun 2000. Ini tidak termasuk pengurusan Jabatan Keretapi. Ini bermakna kenaikan sebanyak RM5,086,200 yakni 4.2% daripada perbelanjaan mengurus bagi tahun 1999 sebanyak RM120,038,400 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita dapati berbagai-bagai usaha dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya khususnya kemalangan maut tetapi keadaan ini masih terus berlaku. Kebanyakan pengguna jalan raya tidak begitu sensitif dengan tanggungjawab terhadap pengguna-pengguna jalan raya yang lain. Apa yang membimbangkan, kadar

kemalangan masih terus meningkat walaupun usaha-usaha oleh berbagai-bagai kementerian menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih baik disediakan dari masa ke semasa seperti daripada Jabatan Kerja Raya dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar sendiri.

Angka tunjuk bagi data menunjukkan kadar kemalangan meningkat dari tahun ke tahun, begitu juga dengan kadar kemalangan maut. Bagi kenderaan yang terlibat dalam kemalangan bagi tahun 1990 ialah 146,747, tahun 1991 - 161,823, tahun 1992 - 193,421, tahun 1993 - 220,939, tahun 1994 - 251,761, tahun 1995 - 275,430, tahun 1996 - 325,915, tahun 1997 - 373,373. Bagi jumlah kemalangan bagi tahun 1990 - 87,999, tahun 1991 - 96,513, tahun 1992 - 118,554, tahun 1993 - 135,995, tahun 1994 - 148,801, tahun 1995 - 162,491, tahun 1996 - 159,109, tahun 1997 - 215,632. Dan kematian bagi tahun 1990 - 4,044, tahun 1991 - 4,331, tahun 1992 - 4,557, tahun 1993 - 4,666, tahun 1994 - 5,159, tahun 1995 - 5,712, tahun 1996 - 6,304, tahun 1997 - 6,302.

Alhamdulillah, apabila negara mengalami kegawatan ekonomi yang setengah pihak anggap suatu musibah berlaku tetapi di sebalik kegawatan ada hikmahnya. Penurunan kadar kemalangan dapat kita lihat daripada angka tunjuk berikut. Bagi tahun 1998, kenderaan yang terlibat dalam kemalangan sebanyak 366,932 jumlah kemalangan 211,037 dan jumlah kematian 5,744 dan kembali meningkat apabila negara mula beredar ke arah pemulihan ekonomi yang mana pada tahun 1999 kenderaan yang terlibat dalam kemalangan ialah 331,860, jumlah kemalangan 223,116 dan jumlah kematian ialah 5,791.

Oleh yang demikian, satu langkah lebih proaktif hendaklah dilakukan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan untuk menangani masalah keselamatan jalan raya. Sebelum sesuatu langkah dipraktikkan secara lebih berkesan, Jabatan Pengangkutan Jalan hendaklah menyusun secara terancang program-program yang berkaitan dengan pengguna-pengguna jalan raya. Saya ingin menarik perhatian Jabatan Pengangkutan Jalan kepada program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan yang tidak ada langsung gerak pemantauan dibuat seperti yang saya akan sebut di bawah ini.

Yang pertama, semenjak pemeriksaan kenderaan perdagangan diswastakan kepada PUSPAKOM, saya lihat Bahagian Teknik, Jabatan Pengangkutan Jalan langsung tidak mengambil perhatian tentang syarikat swasta berkenaan. Memang tidak dinafikan bahawa PUSPAKOM mempunyai mesin-mesin canggih yang berharga ratusan ribu ringgit yang dapat meyakini masyarakat. Bagaimana sekiranya ada kakitangan PUSPAKOM yang menyalahgunakan kuasa. Di hari pemeriksaan, kad pendaftaran yang dikemukakan berlainan dengan kenderaan yang sebenar. Kebimbangan saya ini berasas di samping keadaan di pusat pemeriksaan PUSPAKOM tidak boleh sesiapa pun memasukinya.

Yang kedua, kewujudan institut memandu di awal tahun 90-an menggantikan sekolah latihan memandu mengikut pengalaman saya, tidak banyak perubahan dari segi kurikulum yang boleh mengubah minda masyarakat terhadap tanggungjawab keselamatan jalan raya. Apa yang dilihat kesan daripada kewujudan institut memandu pada hari ini lebih merumitkan kepada calon-calon khasnya kepada mereka yang berpendapatan rendah. Calon-calon terpaksa membayar lebih kepada institut, sedangkan proses pembelajaran tidak berubah mutunya dari konsep sekolah memandu dahulu. Kebanyakan institut memandu terutama di pekan-pekan kecil yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan Sekolah Memandu tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selain ianya terletak di lokasi jauh daripada kesibukan lalu lintas yang mana saya kira dengan kesibukan seperti ini boleh memberi pengalaman yang lebih luas kepada calon-calon, ianya juga diluluskan walaupun keluasan tapak institut tidak mencukupi. Apa yang lebih membimbangkan konsep kursus dan pembelajaran yang dijalankan oleh institut tidak dipantau sepenuhnya oleh Bahagian Pelesenan Memandu, Jabatan Pengangkutan Jalan.

Saya pernah lihat seorang calon yang menghadiri kursus KBSM - Kursus Baru Sekolah Memandu, selama enam jam calon berkenaan lebih banyak tidur dari mendengar ceramah. Ada juga di antara calon yang merokok di dalam kelas tetapi mereka ini tetap mendapat sijil menghadiri kursus KBSM untuk membolehkan mereka menjalani ujian oleh pegawai-pegawai Jabatan Pengangkutan Jalan. Pihak Jabatan Pengangkutan Jalan juga

masih membenarkan tenaga pengajar yang kurang inovatif atau kurang berdaya maju, ada di antara mereka berumur lebih daripada 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang membimbangkan saya keadaan-keadaan seperti inilah di antara penyebab atau penyumbang kepada penambahan jumlah kemalangan jalan raya di negara kita untuk masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyarankan kepada Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai beberapa perkara. Yang pertama, supaya dapat mengkaji semula beberapa arahan kepada pengguna-pengguna jalan raya yang banyak tidak dapat dipraktikkan secara berterusan sehingga ke hari ini. Arahan-arahan ini saya lihat akan berlaku apabila ada munculnya ketua-ketua pengarah yang baru di Jabatan Pengangkutan Jalan. Ini tidak pula berlaku semasa Ketua Pengarah yang terkini.

Yang kedua, penguatkuasaan sepenuhnya ke atas lori-lori sayur di Cameron Highlands iaitu di Tanah Rata dan Ringlet, Pahang yang kebanyakannya berada di jalan raya tanpa didaftarkan sebagai kenderaan perdagangan, tidak mempunyai cukai jalan dan tidak mempunyai perlindungan insurans.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Yang ketiga, saya berharap pegawai-pegawai penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dapat diberi saguhati di antara 2% hingga 5% daripada denda yang dikenakan terhadap pesalah-pesalah jalan raya seperti yang dilaksanakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti Bahagian Penguatkuasa dan prasangka buruk masyarakat, prasangka buruk orang ramai terhadap Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri.

Yang keempat, Jabatan Pengangkutan Jalan diminta mengkaji semula penswastan Bahagian Pelesenan kerana dibimbangkan akan lebih banyak penyelewengan akan berlaku yang mana sekiranya ada penyelewengan akan menyebabkan pengurangan pendapatan kerajaan dan menyukarkan juga pihak Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri untuk mengesan penyelewengan yang akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mohon menyarankan kepada Jabatan Sukat dan Timbang supaya tidak membenarkan mana-mana individu atau syarikat yang ingin membina mesin timbang di jalan-jalan luar bandar khususnya untuk tujuan penimbangan kelapa sawit. Kewujudan pusat-pusat timbang seperti ini kerap menimbulkan masalah kepada penduduk di luar bandar. Jalan-jalan yang dibina oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerap rosak apabila dilalui oleh lori-lori berat yang membawa muatan sawit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Arau

3.30 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk turut membahaskan Belanjawan negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 25 Februari yang lalu. Belanjawan 2000 adalah merupakan belanjawan dua abad di mana telah dibentangkan pada 29 Oktober 1999 bagi mengakhiri abad ke-20 dan dibawa melangkah ke abad 21 dengan pembentangan kali kedua pada 24 Februari yang lalu.

Sebelum meneruskan ucapan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada parti Barisan Nasional kerana telah memberi kepercayaan kepada saya untuk bertanding di Parlimen Arau bagi mengembalikan kerusi tersebut ke pangkuan Barisan Nasional. *[Tepuk]* Saya juga berterima kasih kepada semua pengundi di Parlimen Arau yang telah mengundi saya sekaligus memperlihatkan penilaian terhadap pembangkang setelah setahun lebih Parlimen Arau berada di dalam cengkaman PAS.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan oleh mana-mana pihak sesungguhnya kejayaan Barisan Nasional dalam pilihan raya ke-10 baru-baru ini menjadi kenyataan kerana kewibawaan kerajaan memerintah dan keupayaan memandu negara keluar dari perangkap kemelesetan ekonomi yang amat dahsyat yang telah kita lalui. Ketajaman dan ketangkasan pemikiran serta tindakan berani Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyelamatkan negara dan masa depan jenerasi kita.

Keputusan pilihan raya baru-baru ini yang memberi kemenangan tiga per empat kepada Barisan Nasional jelas menunjukkan bahawa majoriti rakyat mampu membuat keputusan secara rasional berpandukan kepada kenyataan, tidak terpengaruh dengan nyanyian sumbang parti pembangkang. Atas kesedaran itu amatlah lalai saya jika tidak merakamkan penghargaan yang tinggi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Jawatankuasa MAPEN serta KSU Kementerian Kewangan dan pakar-pakar kewangan negara yang taat dengan Kerajaan Barisan Nasional yang telah berjaya mengatasi kegawatan ekonomi dengan cemerlang.

Kejayaan kita melalui detik yang amat getir itu akan menjadi catatan sejarah. Kegawatan ekonomi yang melanda sejak 1997 diikuti dengan kegawatan politik adalah merupakan satu ujian kepada kerajaan dan terbukti Barisan Nasional berjaya mengatasinya. Ia juga merupakan ujian kepada perpaduan kaum namun ternyata tidak berupaya meleraikan ikatan muhibah warisan daripada kerajaan Perikatan yang dilangsungkan kepada Kerajaan Barisan Nasional. Ia juga merupakan ujian kepada rakyat, terbukti majoriti rakyat bersama kerajaan. Tiada mogok, tiada tunjuk perasaan kecuali gerakan reformasi yang memberi sedikit ruang untuk pembangkang mengambil kesempatan untuk meriah sedikit kemenangan – kemenangan yang lebih pada pilihan raya yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, melalui petunjuk-petunjuk ekonomi yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri, saya yakin dan percaya masa depan Malaysia akan terus cemerlang dan gemilang di bawah kepimpinan pemimpin-pemimpin yang berwibawa dan jentera-jentera kerajaan yang bertanggungjawab, sektor swasta yang prihatin dan tidak kurang pentingnya rakyat yang setia, berwibawa dan bermaklumat.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengupas isi pati Belanjawan, izinkan saya mengupas kejayaan dan pencapaian negara agar penilaian kepada sejarah negara dalam mengharungi kemerdekaan selama 42 tahun dapat dinilai dengan ikhlas dan saksama. Saya ingin menumpukan ucapan saya kepada kualiti hidup rakyat Malaysia kerana kajian kepada kualiti hidup rakyat dapat mencerminkan impak kepada Belanjawan yang telah dirancang dan juga kesannya kepada masyarakat. Ia adalah sebagai audit dalam sektor sosial yang

menjadi petunjuk dan juga dapat menjadikan sebagai satu pernyataan yang tegas untuk menyatakan apa yang dihuraikan dan juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh pihak pembangkang sebenarnya tidak benar.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, hendak penjelasan ya, Yang Berhormat Kubang Kerian?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Okay.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya pohon penjelasan tentang mutu hidup. Apa yang terkandung dalam mutu hidup ini? Semua orang cakap tentang mutu hidup. Saya hendak rujuk kepada Yang Berhormat bagi Arau kepada suhu negara kita. Untuk 30 tahun yang lepas ini, adakah suhu negara kita meningkat, menurun, dok sama macam dulu? Kerana saya rasa suhu ini salah satu perkara yang mempengaruhi mutu hidup kita.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasihlah di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kubang Kerian.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kubang Kerian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya harap Yang Berhormat dapat mendengar penjelasan saya ini dan saya akan menghuraikan kualiti hidup rakyat di negara kita satu persatu dengan angka-angka kajian yang telah saya buat. Sebenarnya pernyataan dan juga maklumat-maklumat yang akan saya sampaikan ini akan dapat memperlihatkan gambaran yang jelas di mana kita mendengar pihak pembangkang selalu mengatakan bahawa kerajaan terlalu mengutamakan projek mega seolah-olah kerajaan telah pun menyetepikan soal kesejahteraan dan juga soal kepentingan rakyat. Mari sama-sama kita melihat angka-angka pencapaian negara di dalam kualiti hidup.

Yang pertamanya, yang sering diperkatakan dari segi pendapatan dan pengagihan per kapita bagi rakyat Malaysia. Pendapatan dan pengagihan

KNK per kapita sebenar bagi tempoh 1990 berbanding 1998, telah meningkat kecuali pada tahun 1998 kerana kemelesetan ekonomi. Peningkatannya adalah sebanyak dua kali ganda, iaitu kalau kita lihat angka yang tertera ataupun pencapaian negara kita pada tahun 1980, pendapatan KNK per kapita adalah sebanyak RM3,120.

Pada tahun 1980, angka RM3,120 pada tahun 1980 dan angka ini telah meningkat kepada RM12,051 pada tahun 1997. Ini adalah merupakan angka yang tertinggi yang pernah kita capai. Namun malang tidak berbau kerana kita menghadapi kemelesetan ekonomi. Pada tahun 1998 angka ini telah menurun kepada RM6,130 dan kita tidak harus meletakkan kesalahan dan juga tohmahan kepada kemelesetan ekonomi yang kita sama-sama lalui ini kepada pihak kerajaan kerana kita tahu bahawa ini berlaku oleh kerana tindak-tanduk pihak-pihak yang mengendalikan mata wang yang mengambil kesempatan untuk mereka mengaut keuntungan daripada membuat spekulasi saham dan sebagainya. Jurang pengagihan kekayaan - ini juga merupakan perkara yang sering diperkatakan di dalam Dewan ini. Jika kita lihat pencapaian dalam negara kita, jurang pengagihan kekayaan telah berkurangan di mana angka ini menunjukkan pada tahun 1980 ialah 0.52 telah pun menurun kepada 0.47 pada tahun 1997.

Pendapatan purata isi rumah bagi 40% golongan terendah dalam negara kita telah meningkat. Pada tahun 1980 pendapatan isi rumah adalah sebanyak RM2,005 tetapi telah meningkat kepada RM840 pada tahun 1997. Dan peningkatan ini sebenarnya telah mencapai angka 309% daripada tahun 1980 ke 1997.

Begitu juga pendapatan bulanan bagi 40% isi rumah sederhana telah pun meningkat daripada RM561 ke RM2,202, iaitu peningkatan sebanyak 292%.

Pendapatan bagi 20% isi rumah golongan tertinggi meningkat daripada RM1,930 pada tahun 1980 kepada RM7,006 pada tahun 1997 dan peningkatan ini menunjukkan bahawa pencapaian peningkatan sebanyak 263%. Ini menunjukkan bahawa pencapaian 40% isi rumah terendah dalam negara kita mempunyai pencapaian tertinggi di kalangan tiga kategori yang saya sebutkan tadi dan juga pendapatan bandar.

Kalau kita bandingkan antara pendapatan bandar dan luar bandar, pendapatan penduduk-penduduk bandar telah meningkat, iaitu pada tahun 1980 daripada RM1,045 telah meningkat kepada RM3,406 pada 1997 dan peningkatan ini telah mencapai sebanyak 69.31%. Begitu juga pendapatan di luar bandar telah pun meningkat daripada RM523.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bangkit lagi, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tunggu sekejap.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya dapat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, tunggu sekejap.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: RM523 pada tahun 1980 dan telah meningkat kepada RM1,669 pada tahun 1997. Dan ini, angka-angka yang saya sebutkan tadi ini dari segi kualiti hidup adalah merupakan angka pendapatan dalam negara kita.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Arau. Saya hendak rujuk kepada Buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, muka surat 73. Biar saya bacakan, *"Pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan di kalangan isi rumah bumiputera menyebabkan ketidakseimbangan pendapatan di antara bumiputera dengan Cina meningkat seperti yang ditunjukkan oleh peningkatan nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera-Cina. Nisbah ketidaksamaan pendapatan bumiputera-India juga meningkat. Pertumbuhan perlahan pendapatan isi rumah luar bandar menyebabkan nisbah ketidaksamaan pendapatan luar bandar juga meningkat"*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Panjang lagikah?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Minta persoalan, soalnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia bacakah kajian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat, saya juga membaca sebenarnya laporan Yang Berhormat sebutkan tadi. Apa yang saya sebutkan sini adalah pendapatan keseluruhan rakyat di Malaysia. Apa Yang Berhormat cuba utarakan di sini pada pandangan saya adalah perbezaan pendapatan di kalangan bumiputera di kalangan kaum-kaum yang ada di negara kita terutama etnik yang besar, iaitu Cina, Melayu dan India. Saya memang bersetuju. Dan itu Yang Berhormat, angka Yang Berhormat sebutkan tadi ialah angka yang memang nyata bahawa pendapatan kaum Cina lebih tinggi dan pendapatan bumiputera terutamanya Melayulah merupakan pendapatan yang terendah. Sebab itu kalau kita menyedari keadaan ini, saya rasa sama ada kita berada dalam parti manapun, alternatif kah, ataupun Barisan Nasional ke, kita mempunyai satu tanggungjawab untuk melihat bagaimana orang-orang Melayu tidak sahaja dijuruskan pemikiran mereka kepada soal perbalahan, kepada fitnah yang tidak berhabisan, kepada soal menyokong kepada individu yang tidak ada keterbatasan, kepada bagaimana kita boleh mengangkat martabat bumiputera supaya pengangkatan martabat bumiputera dalam penguasaan ekonomi sebenarnya adalah menentukan kestabilan dalam negara kita kerana kita harus mengingati 13 Mei berlaku kerana pengagihan kekayaan yang tidak adil.....*[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh sedikit lagi?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:Saya rasa kerajaan telah membuat dasar untuk menentukan supaya *[Disampuk]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya terlupa baca tadi, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, ya. Itu tunggu dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tunggu dulu, saya habiskan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Habiskan dulu, jangan tergantung sahaja.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dasar yang dibuat oleh kerajaan setelah kita melalui sejarah dalam negara kita sebagaimana yang saya

sebutkan tadi, dasar kerajaan kita untuk menentukan supaya[*Bercakap jauh daripada pembesar suara*] dalam ekonomi wujud perpaduan yang kukuh di antara kaum untuk menentukan masa depan negara kita.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih sekali lagi, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Saya rujuk pada rencana pengarang *New Straits Times* hari Jumaat lepas, “*Kenaikan dalam kadar gaji harian pekerja-pekerja ladang daripada tahun 1976 hingga 1979 ialah 19%, sedangkan kadar kenaikan kos hidup ialah 21.5% - ini orang India*”. Jadi, saya rasa kena baca habislah data-data sebelum kita buat kesimpulan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya rasa Yang Berhormat ada kekeliruan, saya pun tidak boleh hendak bagi peluang panjang nanti masa saya habis.

Apa yang saya sebutkan tadi adalah angka-tunjuk bagi keseluruhan di negara kita. Apa Yang Berhormat cuba fokuskan adalah melihat kepada sektor-sektor dalam angka- tunjuk yang besar. Memanglah angka ini akan berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi persekitaran kerja yang mengandungi[*Disampuk*]

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ini ada yang berdiri lagi ini Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, minta maaf. Saya nanti tidak cukup masa, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dari segi persekitaran kerja, [*Disampuk*]

Dr. Maximus Johnity Ongkili: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Yang Berhormat Bandau.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang mengandungi angka-tunjuk pengangguran[Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Kalau saya ada masa, saya akan bagi. Pertikaian perusahaan

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak bagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf. Kalau ada masa saya akan bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Sila duduk.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Hilang hari bekerja kerana tindakan perusahaan dan kadar kemalangan telah menunjukkan bertambah baik, iaitu daripada 106.1 mata pada tahun 1980 kepada 118.9 mata kepada tahun 1998. Trend kehilangan hari bekerja sebanyak 19,800 pada tahun 1980 - ini semasa kita baru masuk dalam sektor pembuatan telah menurun kepada 2,685 hari pada tahun 1998.

Kadar pengangguran telah berkurangan daripada 5.7% tahun 1980 kepada 2.6% pada tahun 1997.

Dari segi pengangkutan dan komunikasi, indeks negara menunjukkan peningkatan daripada 87.4 mata pada tahun 1980 kepada 112.8 mata pada tahun 1998.

Kadar pemilikan motokar dan motosikal sendiri telah meningkat daripada 165 setiap seribu penduduk pada tahun 1980 kepada 346 kepada setiap seribu penduduk pada tahun 1998.

Kenderaan awam telah meningkat daripada 22 bagi seribu penduduk pada tahun 1980 ke 42 bagi seribu penduduk pada tahun 1998.

Dan jalan raya, ukuran jalan raya telah bertambah daripada 28.6%, iaitu telah pun bertambah daripada 67,627 kilometer pada tahun 1980 kepada 21,914 kilometer.

Penggunaan telefon telah meningkat daripada 44 bagi seribu penduduk dalam tahun 1980 kepada 262 bagi seribu penduduk dan ditambah dengan penggunaan telefon selular 95.7 bagi seribu penduduk. Dan trend ini memperlihatkan penggunaan telefon di Malaysia telah meningkat daripada 78,000 pengguna kepada 2.1 juta pengguna.

Dari segi perkhidmatan kesihatan, taraf kesihatan rakyat diukur melalui indeks kesihatan telah menunjukkan peningkatan daripada 83.2 mata pada tahun 1980 kepada 109.6 mata pada tahun 1998.

Jangka hayat lelaki dan wanita meningkat daripada 66.4 dan 70.5 masing-masing pada tahun 1980 kepada 69.7 dan 74.1 pada tahun 1998.

Kadar kematian bayi menurun daripada 23.9 bagi seribu kelahiran pada tahun 1990 kepada 8.3 kematian bagi seribu penduduk pada tahun 1998.

Dan nisbah doktor bagi seribu penduduk menurun daripada 3,598 bagi seorang doktor kepada 1,477 bagi seorang doktor, perbandingan daripada 1980 ke 1998.

Peningkatan sepanjang 16 tahun menyaksikan kejayaan yang besar daripada peningkatan indeks dalam pendidikan iaitu daripada 86 mata pada tahun 1980 kepada 117.3 mata pada tahun 1998. Ada enam kriteria kalau kita hendak mengkaji dari segi peningkatan dan juga pencapaian kualiti hidup di dalam pendidikan. Di peringkat prasekolah anak-anak kita telah diberi pendidikan pra-sekolah telah meningkat kepada 62.5% pada tahun 1980 kepada 92.5% pada tahun 1998 dan 80% daripada sekolah-sekolah prasekolah ini adalah sekolah-sekolah yang di bawah kawalan pihak kerajaan. Penyertaan di peringkat sekolah menengah telah meningkat sehingga 86.8% dan juga penyertaan peringkat sekolah rendah telah pun meningkat kepada 67.7%.

Di peringkat universiti pula kita dapati pada tahun 1980 pelajar-pelajar yang berpeluang masuk dalam universiti sebanyak 36,106 orang berbanding dengan 1998, 200,000 pelajar-pelajar telah pun berpeluang untuk menuntut ke universiti. Dan pendidikan jarak jauh juga memperlihatkan angka peningkatan yang begitu ketara daripada 757 pada tahun 1980 kepada 24,987 pada tahun 1997. Kadar celik huruf rakyat Malaysia naik daripada 72.2% pada tahun 1980 ke 93.7% pada tahun 1998. Nisbah guru sekolah rendah telah naik

daripada 22 pelajar bagi satu guru kepada 27 pelajar kepada satu guru. Di sekolah menengah pun meningkat daripada 22 pelajar kepada 18 pelajar.

Dari segi perumahan - ini isu yang sering kita bincangkan, peratus rumah kos rendah berbanding dengan isi rumah berpendapatan rendah telah meningkat daripada 22.9% pada tahun 1980 kepada 52.5% pada tahun 1998. Dan pagi tadi kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri telah pun menjelaskan pencapaian-pencapaian bagi tahun yang terakhir dalam urusan urusan kerajaan untuk membekalkan rumah bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah. Pembekalan air bagi rumah telah meningkat daripada 61.5% kepada 89.4%. Bekalan elektrik meningkat daripada 64% pada tahun 1980 kepada 93.8% pada tahun 1998.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit-sebanyak angka yang dapat saya sebutkan, yang dapat saya paparkan di Dewan ini untuk kita menilai pencapaian kita dalam kualiti hidup rakyat Malaysia.

Tuan Haji Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, ini dua-dua bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Banyak sangat hendak tanya. Dato' boleh bagi saya masa lebihkah ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Tidakada.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Kalau tidak ada saya benarkan Bandau, sila

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Bandau, dia bagi Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Yang Berhormat bagi Arau, data-data yang telah pun disentuh tadi memanglah amat menarik dari segi sebutan. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar dan setuju bahawa data-data ini adalah dengan izin macro data, ataupun aggregate data, ia tidak mencerminkan sebenarnya keadaan di peringkat bawah selagi kita tidak mendapatkan data antara desa dan bandar, negeri di Pantai Timur dan negeri Pantai Barat, antara kaum maka data-data itu tidak

mencerminkan keadaan yang sebenar bahkan mencerminkan bahawa jurang barangkali lebih luas daripada yang dipaparkan oleh data. Adakah Yang Berhormat setuju?

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Terima kasih. Saya sebenarnya tidak setuju dengan pandangan itu. Oleh kerana data-data yang saya sebutkan tadi bergantung kepada di mana Yang Berhormat berada. Kalau sekiranya Yang Berhormat sebagai penggubal dasar di peringkat negara, dasar-dasar ini relevan untuk membuatkan keputusan-keputusan dasar. Tetapi bagi kawasan-kawasan yang tertentu sudah tentu kita harus membuat kajian fokus kepada negeri ataupun daerah-daerah yang tertentu. Itu saya bersetuju tetapi angka ini adalah angka yang tepat untuk negara. Saya tidak bersetuju kalau dikatakan angka ini angka yang tidak tepat. Sebenarnya ini angka yang tepat untuk negara. Tetapi kalau Yang Berhormat memberi fokus memberi fokus kepada Yang Berhormat di kawasan..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Bandau.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: ...Bandau, sudah tentu Yang Berhormat harus menjalankan kajian yang lain untuk keperluan Yang Berhormat dalam membuat keputusan.

Tuan Yang di-Pertua, segala angka tunjuk yang saya sebutkan tadi membuktikan kejayaan dan keupayaan Kerajaan Barisan Nasional. Ini menolak sama sekali dakwaan bahawa kerajaan cuma mementingkan projek mega dengan mengenyepikan kepentingan rakyat. Kita harus berbangga kerana semasa negara dapat melaksanakan projek mega yang besar ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Kubang Kerian bangun.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Minta maaf, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, tunggu dulu.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Projek yang besar untuk generasi akan datang, kita juga terus dapat meningkatkan kualiti hidup rakyat Malaysia, mengekalkan perpaduan kaum, meningkatkan pemupukan budaya sihat, pengamalan agama masing-masing kaum secara harmoni. Malah jika

dirujuk kepada angka tunjuk penguasaan ekonomi dunia, Malaysia tidak ketinggalan menempa kedudukan sama ada dalam keluaran komoditi dan juga di dalam meletakkan negara Malaysia sebagai negara yang ke-17 dalam pengeluaran industri. Apa yang saya ingin nyatakan di sini walaupun Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya mewujudkan projek yang besar-besar, sebenarnya projek yang besar-besar itu telah dapat mengangkat martabat negara Malaysia dan juga rakyat Malaysia di mana kita mampu kerana kebijaksanaan kita dalam menguruskan ekonomi dalam masa yang sama kesejahteraan dan juga kepentingan rakyat tidak diabaikan. Ini saya nyatakan dengan angka-angka yang saya sebutkan sebentar tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat yang cintakan negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Kubang Kerian bangun...

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: ..sudah tentu kita ingin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Saya hendak...minta maaf. Sekejap biar saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: ...sudah tentu kita ingin pencapaian yang lebih baik. Walaupun kita telah melihat angka perubahan yang memberangsangkan, namun saya mengakui kita masih banyak ruang lagi untuk memperbaiki kualiti hidup rakyat Malaysia.

Saya berharap pihak penggubal dasar sentiasa prihatin dan berusaha agar kualiti hidup rakyat negara kita akan terus diperbaiki dan dapat mempamerkan angka yang terbaik di antara yang baik. Kita boleh merujuk kepada negara-negara lain yang mempunyai speciality dalam bidang-bidang tertentu. Bagi saya setiap angka yang tertera dalam belanjawan akan dapat diterjemahkan hasilnya melalui kesan dan impak kepada kesejahteraan rakyat yang boleh digunakan sebagai kayu ukur iaitu kualiti hidup sebagai kayu pengukur kepada kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua bidang dalam kualiti hidup negara kita yang berada di tahap yang sederhana iaitu alam sekitar dan juga kesejahteraan keluarga. Kita ini daripada Barisan Nasional, kita tidak menyembunyikan angka, kita telus (transparent), di mana yang kita rasa kita mempunyai kekurangan harus kita nyatakan terutamanya dalam Dewan ini, lebih-lebih lagi Dewan yang mulia ini. Saya ingin memberikan pandangan-pandangan dan juga pendapat-pendapat mengenai alam sekitar dan juga kesejahteraan keluarga. Kalau mungkin ini dapat digunakan untuk memperbaiki lagi dua item, dengan izin atau dua kategori di mana kita dapati kita masih lagi tidak dapat mencapai ke tahap yang memuaskan walaupun kita telah dapat mencapai tahap yang baik tetapi tidak sampai ke tahap yang kita benar-benar memuaskan hati kita.

Tuan Yang di-Pertua, indeks alam sekitar menunjukkan kemajuan sejak tahun 1985 angka tunjuk yang dicatatkan adalah 103.9 pada tahun 1980 kepada 100.9 pada tahun 1985. Ini menunjukkan angka tunjuk yang menurun. Keadaan ini berlaku kerana kurangnya kepekaan berbagai pihak kepada alam sekitar. Peningkatan pertumbuhan industri, penambahan penduduk, kekurangan hutan dari perbuatan yang berbagai, sistem pengurusan dan pelupusan sampah, pencemaran udara adalah di antara perkara-perkara yang menyumbang kepada kualiti alam sekitar yang merunsingkan. Sikap rakyat terhadap menghargai alam sekitar juga penting untuk masa depan generasi kita. Malaysia mempunyai undang-undang yang cukup banyak mengenai alam sekitar. Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar juga diberi peruntukan dalam mengurus B.45 [*Pembesar suara dimatikan*] 39,409,000 dan peruntukan pembangunan P.46 sebanyak RM1,273, 827,800.

Saya mencadangkan kepada kerajaan agar satu, penguatkuasaan kepada undang-undang yang sedia ada perlu diperkembangkan. Kerajaan harus mempunyai pegawai-pegawai penguatkuasa yang cukup untuk menentukan pelaksanaan undang-undang yang telah diluluskan di bawah Akta Alam Sekitar ini dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Yang kedua, kesedaran sivik kepada orang ramai perlu dirancang dengan lebih teratur dan bersungguh-sungguh. Oleh kerana kesedaran alam sekitar adalah merupakan satu perkara baru dalam masyarakat membangun

seperti masyarakat dalam negara kita, usaha-usaha berlipat ganda perlu diadakan. Contohnya, soal-soal kebersihan hendaklah ditanamkan daripada peringkat kanak-kanak lagi. Semasa di bangku sekolah dan juga kepada pelajar-pelajar Tadika lagi harus ditanamkan sikap supaya mereka benar-benar mengamalkan kebersihan dan juga bersikap menghargai kebersihan.

Saya mencadangkan Kementerian Kesihatan mengambil inisiatif agar soal kebersihan ini ditangani dengan lebih berwibawa. Kita ingin menanamkan sikap dan semangat kepada semua rakyat agar mempunyai iltizam yang tinggi untuk melahirkan negara yang bersih. Kementerian Kesihatan harus mengadakan satu unit khas yang mempunyai peruntukan yang mencukupi dan human resource, dengan izin yang komited dengan program-program latihan, kesedaran, penguatkuasaan mengenai isu-isu kebersihan.

Yang ketiga, saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil inisiatif supaya publisiti mengenai alam sekitar hendaklah diperluaskan agar kesedaran seluruh rakyat kepada isu alam sekitar ini dapat dipertingkatkan walaupun kita sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua kita telah luluskan bil di mana rakyat di negara kita tidak dibenarkan menebang pokok sewenang-wenangnya, kita juga telah pun luluskan bil supaya pembakaran-pembakaran secara terbuka dapat dikawal, tetapi nampaknya keadaan ini terus berlaku. Juga walaupun kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk membuat penguatkuasaan tetapi saya percaya bahawa kesedaran di kalangan rakyat juga harus diberi keutamaan supaya dengan adanya kesedaran di kalangan rakyat dan juga penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh kerajaan kita akan dapat menikmati kehidupan dan juga keadaan alam sekitar yang lebih baik.

Yang keempat, kerajaan harus mengadakan kajian R&D kepada isu-isu alam sekitar. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Setiu tadi di mana harus diadakan satu kajian dengan menggunakan kepakaran-kepakaran yang ada di negara kita untuk kita mengadakan sesuatu report ataupun panduan kepada pihak-pihak yang ingin menjalankan kegiatan-kegiatan pembangunan dan sebagainya supaya mereka dapat mengetahui apakah kawasan-kawasan tersebut, bagaimanakah soil structure, dengan izin dan juga soil stackture bagi kawasan-kawasan yang berkenaan kerana ini

penting untuk menentukan kekukuhan bangunan contohnya dan juga kekuatan jambatan yang dibuat.

Oleh yang demikian, saya merasakan kita masih lagi mempunyai kekurangan di dalam kajian-kajian yang penting ini dan saya mencadangkan supaya kerajaan mengambil perhatian kepada soal-soal keruntuhan tanah yang melibatkan alam sekitar supaya R&D dijalankan oleh pihak kementerian. Begitu juga dengan pelupusan sampah, pengurusan yang terancang dan teknologi harus diperkenalkan. Buat masa sekarang ini kita melihat bahawa pelupusan sampah di negara kita dibuat dengan cara yang begitu tidak berteknologi. Pada hal sampah sarap ini sebenarnya boleh digunakan sebagai bahan untuk kitar semula dan juga sampah sarap ini boleh digunakan sebagai baja, banyak kegunaan-kegunaan yang boleh digunakan dengan kita mempunyai teknologi. Jadi, kita berharap supaya kerajaan kita dapat memberi perhatian dalam soal ini.

Yang kelima, kerajaan perlu mengadakan akta kawalan kebersihan sungai. Kita juga melihat bahawa sungai di negara kita amat menyedihkan. Dan saya menghargai tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di mana mereka telah mengambil usaha-usaha untuk membersihkan dan juga mencantikkan persekitaran sungai. Tetapi itu tidak mencukupi. Kita masih lagi melihat keadaan-keadaan sungai sebagai tong sampah besar dalam negara kita. Jadi kita berharap supaya pihak kerajaan memberi perhatian kepada pemberian Allah S.W.T. sungai yang begitu indah dan cantik supaya dijaga kebersihannya.

Yang keenam, saya mencadangkan diadakan jawatankuasa khas di antara swasta dan kerajaan untuk mengatasi isu-isu yang berbangkit mengenai alam sekitar.

Dan yang ketujuh, saya juga mengalu-alukan cadangan pihak Kementerian pelancongan untuk mewujudkan kelab-kelab pelancongan di sekolah-sekolah kerana ini akan dapat memberikan impak ataupun akan dapat memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar mencintai alam sekitar.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah isu kesejateraan keluarga. Keluarga adalah asas dalam sebuah masyarakat. Institusi kekeluargaan di Malaysia masih kukuh hasil daripada dasar kerajaan. Namun, kebelakangan

ini atas desakan dan tekanan pembangunan dan berbagai cabaran baru yang timbul kepada institusi kekeluargaan ini berbagai-bagai masalah telah kita lihat. Ditambah pula dengan berbagai-bagai krisis nilai ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Masa Yang Berhormat dah....

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Boleh bagi saya sikit lagi Yang Berhormat Dato'?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Gulung-gulung.

Puan Hajah Mastika Junaidah bin Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya amat bimbang dengan krisis yang menimpa bangsa Melayu hari ini. Orang Melayu seolah-olah menolak kejayaan dan pencapaian yang telah berjaya dibuat oleh mereka sendiri. Malah yang lebih parah lagi sehingga hari ini agama dijadikan bahan permainan politik. Dua keadaan ini iaitu krisis keyakinan diri dan kekeliruan mengenai agama Islam jika dibiarkan berterusan akan menghancurkan masa depan orang-orang Melayu.

Syahdan saya merasa sedih kerana apa juga pencapaian yang telah pun kita dapat laksanakan hari ini, kita dapati dalam Dewan ini juga kita mendengar berbagai-bagai tohmahan dan berbagai-bagai perangkaan yang tidak tepat yang boleh mengelirukan rakyat.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya usaha-usaha dapat dijalankan oleh kerajaan supaya dapat meningkatkan penyampaian maklumat kepada rakyat supaya kita dapat melahirkan rakyat yang bersatu padu, yang berwibawa. Kerana sebe narnya negara kita dalam keadaan yang begitu harmoni, yang begitu baik dan kita mampu untuk menjadi negara maju dengan syarat kita rakyat Malaysia dapat bersatu di bawah kepimpinan yang sedia ada. Apa juga tindakan yang dibuat oleh mana-mana pihak harus mengutamakan kepentingan negara daripada kepentingan diri dan juga kepentingan puak atau kumpulan sendiri.

Dengan itu saya turut menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Tanjong.

4.08 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sukacita saya berdiri mengambil bahagian perbahasan Belanjawan 2000 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan tempoh hari.

Mesej politik utama yang telah disampaikan oleh kepimpinan negara melalui Belanjawan 2000 adalah bahawa Malaysia telah dapat memulihkan ekonomi dengan berjayanya dengan mempertahankan kemerdekaan ekonomi dan politik tanpa bergantung kepada bantuan asing. Kepimpinan pemerintah enggan menerima pandangan bahawa negara-negara Asia yang juga mengalami kegawatan ekonomi dan krisis kewangan berjaya memulihkan ekonomi mereka dengan mengadakan reformasi struktural kepada sistem politik dan ekonomi mereka. Secara kebetulan di negara-negara Asia ini kegawatan dan krisis ekonomi telah melihatkan penukaran dalam kepimpinan pemerintah iaitu di Korea Selatan negara Thailand dan Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, kepimpinan negara enggan menerima kesempatan krisis ekonomi untuk melancarkan reformasi struktur dalam sistem ekonomi dan kewangan kerana kepentingan kewangan dan ekonomi mereka akan terjerumus dalam langkah-langkah yang ketat. Mereka paling tidak mahu lihat kepimpinan negara terpaksa undur seperti mana berlaku di negara-negara Asia yang saya sebutkan tadi. Nasib baiknya parti pemerintah Barisan Nasional masih mendapat mandat baru daripada rakyat untuk membentuk semula kerajaan. Malahan mencapai majoriti melebihi 2/3. Sungguhpun begitu, parti pemerintah tidak harus 'meriakan' seperti tadi, kemenangan mereka kerana keputusan pilihan raya telah memberi isyarat dan mesej yang begitu jelasnya kepada Barisan Nasional khususnya UMNO sehingga keputusan pilihan raya ini secara langsung akan menentukan sama ada timbulnya penukaran kepimpinan negara melalui pemilihan parti UMNO pada bulan Mei ini.

Kemenangan dalam pilihan raya umum mungkin tidak boleh 'diraikan' oleh UMNO yang menjadi tulang belakang parti pemerintahan, kerana mereka sedar bahawa buat kali pertamanya kerelevannya atau relevansinya sebagai pelindung kepada orang Melayu dipertikaikan dan

mereka perlu bergantung kepada pengundi-pengundi lain untuk survival politiknya.

Tuan Yang di-Pertua, krisis ekonomi di Malaysia tidak dapat membawa perubahan dalam kepemimpinan negara. Dan juga Pilihanraya Umum Kesepuluh pun begitu. Mungkin cuma melalui pemilihan parti UMNO bolehlah membawa perubahan kepemimpinan negara. Apakah dengan kemenangan mandat baru daripada rakyat Kerajaan Barisan Nasional akan melihatkannya sebagai satu kesempatan untuk mengkaji semula dan membawa perubahan-perubahan yang bermakna supaya negara kita tidak perlu mengalami kegawatan ekonomi dan krisis kewangan satu kali lagi.

Belanjawan 2000 disifatkan sebagai Belanjawan rakyat tetapi adakah ia benar-benar memenuhi kehendak rakyat dan adakah rakyat dapat menikmati segala keuntungan daripada pembangunan yang mahu dibawakan. Sama ada keadilan sosial dapat ditegakkan dalam proses ini. Rakyat mungkin menerima sedikit kebaikan misalnya mendapat jalan luar bandar dinaikkan taraf, klinik desa yang dijanjikan pada Rancangan Malaysia Keempat pada akhirnya dibina semasa Rancangan Malaysia Kelapan Tetapi setelah mendengar masalah-masalah yang dibangkitkan khususnya oleh wakil-wakil Barisan Nasional dari luar bandar, kita tahu ada sesuatu yang tidak kena pada tempatnya.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan sumber semula jadi dan sumber manusia tetapi apabila rakyat negeri-negeri yang mengeluarkan petroleum, dgas dan kayu balak seperti Terengganu, Sabah, Sarawak masih digelar negeri miskin dan kemudahan asas seperti air, api, sekolah klinik dan pekerjaan masih menjadi masalah dalam tanah air yang subur ini. Kita tahu bahawa ada sesuatu yang tidak kena pada tempatnya. Apakah keadilan sosial ditegakkan apabila sumber-sumber negeri ini diagihkan.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara dalam negeri ini adalah tidak kena pada tempatnya, dan janganlah Kerajaan Barisan Nasional menganggap tidak perlunya perubahan, tidak perlunya membenters masalah korupsi, kerana sudah mencengkam politik negara ini selama 42 tahun. Tetapi juga jangan lupa bahawa masalah korupsi dan penyelewengan kuasalah yang

menjatuhkan parti pemerintah yang mencengkam kuasa buat beberapa dekad seperti LDP di Jepun, Parti Kongres di India dan Parti Golkar di Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Kewangan apabila membentangkan Belanjawan 2000 yang tidak diluluskan itu pada 29 Oktober tahun lalu berkata, kerajaan juga sentiasa berpegang kepada prinsip pentadbiran bersih. Dalam hal ini penyelewengan yang boleh membawa kepada kehancuran nilai-nilai kemasyarakatan dan maruah negara akan sentiasa dibendung sama ada dalam pentadbiran awam atau swasta. Beliau menambah, kerajaan tidak menafikan yang amalan rasuah bukan hanya wujud di kalangan kerajaan namun pihak swasta juga terlibat. Walaupun kerajaan sentiasa menekankan kepada pengurusan yang lebih bertanggungjawab oleh kerana ini undang-undang mencegah rasuah diperketatkan, kata beliau. Kerajaan terus membanteraskan penyelewengan, penyalahgunaan kuasa di segenap peringkat supaya dapat meningkatkan keyakinan rakyat dan masyarakat niaga sama ada tempatan atau antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi dalam ucapan semasa membentangkan Belanjawan buat kali kedua minggu lepas, Menteri Kewangan telah menyentuh kepada perkara yang sama tetapi beliau telah menggugurkan ayat yang cukup penting iaitu kerajaan tidak menafikan amalan rasuah bukan hanya wujud di kalangan kakitangan kerajaan namun pihak swasta juga terlibat walau pun kerajaan sentiasa menekankan pengurusan yang lebih bertanggungjawab. Dia juga meninggalkan ayat ini, oleh itu undang-undang mencegah rasuah diperketatkan. Mengapa perkara mengenai amalan rasuah sengaja dikeluarkan Tuan Yang di-Pertua.

Adakah kerajaan sekarang menafikan amalan rasuah wujud ataupun Menteri Kewangan tahu bahawa beliau sendiri paling tidak layak untuk bercakap tentang usaha mencegah rasuah. Manalah Menteri Kewangan berwibawa bercakap tentang mencegah rasuah, apabila beliau tidak dapat menentukan integritinya untuk menjawab tuduhan-tuduhan serius mengenai penyelewengan kuasa dan rasuah yang dibuat ke atasnya oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar Ibrahim di dalam laporan polis dan juga semasa memberi pengakuan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Sehingga sekarang Menteri Kewangan masih belum dapat menjawab tuduhan-tuduhan yang dibuat di mahkamah yang terbuka iaitu bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim mendakwa tokoh-tokoh korporat Tan Sri Halim Saad, Tan Sri Wan Azmi Hamzah dan juga Tan Sri Tajuddin Ramli telah memberi saham dan wang tunai berjumlah RM600 juta semasa Yang Berhormat Merbok menjadi Menteri Kewangan.

Kedua, Dato' Seri Anwar Ibrahim juga mendakwa semasa beliau dilantik sebagai Menteri Kewangan, Yang Berhormat Merbok meminta fail-fail Kementerian Kewangan dipindah ke pejabat beliau di mana ini dilakukan oleh Timbalan Menteri Kewangan pada masa itu iaitu Dato' Mustafa Mohamad.

Ketiga, Dato' Seri Anwar Ibrahim juga mendakwa keputusan awalnya sebagai Menteri Kewangan menolak pengambilalihan Hock Hua Bank Sabah Bhd. oleh Yang Berhormat Merbok atas nasihat Bank Negara kerana Yang Berhormat Merbok pada masa itu adalah penasihat ekonomi kepada kerajaan telah di *over rule* oleh Perdana Menteri dan diluluskan atas arahan.

Tuan Yang di Pertua, Menteri Kewangan harus sedar bahawa integritinya telah dipersoalkan dan tuduhan serius sudah dibuat terhadapnya, bukan oleh sebarang orang tetapi oleh seorang lagi bekas Menteri Kewangan yang tahu selok belok Kementerian Kewangan dan tahu bila satu penyelewengan kuasa dan amalan rasuah sudah berlaku.

Manakah komitmen Kerajaan Barisan Nasional untuk mencegah amalan rasuah di kalangan pemimpin politik atasan dan mengetatkan undang-undang mencegah rasuah. Apakah Badan Pencegah Rasuah boleh bertindak secara bebas, adil dan berani untuk membawa pemimpin politik atasan ke mahkamah sedangkan BPR perlu menerima arahan daripada pemimpin politik atasan yang sama.

BPR tidak dapat keyakinan rakyat bahawa ia boleh menegak keadilan kerana ia telah menjadi suatu lagi alat parti pemerintah untuk mengekalkan kuasa elit politik mereka. Lihatlah bagaimana bezanya BPR bertindak atas dakwaan oleh bekas Penolong Gabenor Bank Negara Dato' Abdul Murad Khalid terhadap Dato' Seri Anwar Ibrahim. Bezanya adalah, satu pihak tuan politiknya dan satu pihak lagi musuh politik kepada tuannya.

Kita merasa begitu kagum apabila Ketua Pengarah BPR Dato' Ahmad Zaki Husin sedia menerima pengakuan berkanun yang dibuat oleh Dato' Abdul Murad Khalid sebagai *prima-facie evidence* untuk melancarkan siasatan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim akan tetapi BPR tidak sedia menerima laporan polis yang dibuat oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim mengenai rasuah dan penyelewengan kuasa di peringkat pemimpin kerajaan tertinggi dengan menamakan Perdana Menteri, Menteri Kewangan, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Peguam Negara Tan Sri Mokhtar Abdullah, Penolong Pendakwaraya Dato' Ghani Patail dan bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Tamby Chik. Walaupun Dato' Seri Anwar Ibrahim telah membekalkan *documentary evidence* dengan izin, untuk menyokong dakwaan beliau.

BPR bukanlah ditubuhkan untuk menjadi alat kepada pemimpin atau kepimpinan Barisan Nasional untuk melancarkan balas dendam ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim atau sesiapa pun tetapi diberi mandat oleh rakyat Malaysia untuk mencegah amalan rasuah yang dilakukan oleh sesiapa pun. Kalau BPR mempunyai *prima-facie evidence* untuk memulakan siasatan ke atas Dato' Seri Anwar Ibrahim kita akan sokong penuh tindakan BPR. Tetapi ia juga harus bertindak dengan berani dan tanpa ketakutan menyiasat tokoh politik atasan yang dinamakan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dalam laporan polisnya. Sudahkah BPR menyelesaikan siasatannya, Tuan Yang di-Pertua, atas dakwaan yang dibuat oleh Dato' Abdul Murad yang mendakwa Dato' Seri Anwar Ibrahim membolot kekayaan sejumlah RM3 bilion semasa dalam kerajaan. Menurut *Corruption Perception Index* tahun lepas yang dibentangkan oleh *Transparency International* yang juga dirujuk oleh Yang Berhormat Arau dan Kuala Terengganu, bahawa dari 99 negara, Malaysia didapati di tangga 32. Ini satu masalah yang serius kepada negara.

Penyelewengan kuasa dan amalan rasuah telah mengalir keluar sumber kewangan negara. Wang untuk pembangunan rakyat telah disalurkan bukan untuk pembangunan negara, tetapi untuk tujuan penyelewengan dan memberi rasuah. Dari jumlah kalau katakan, andai dari jumlah RM24 bilion yang diperuntukan untuk perbelanjaan pembangunan, 10% 'ditelankan' dalam proses pengambilan rasuah dan penyelewengan kuasa .

Ini bermakna rakyat telah hilang RM2 bilion untuk maksud pembangunan dan bayangkanlah betapa banyak kemudahan sosial ekonomi, kesihatan, perumahan dan pembangunan masyarakat dan desa boleh disediakan jika tidak ada rasuah.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Satu isu yang menimbulkan kebimbangan rakyat, Tuan Yang di-Pertua, adalah hutang negara yang berjumlah RM161.3 bilion ataupun 57.4% dalam KNK Malaysia.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Ya, Arau berdiri Yang Berhormat, minta penjelasan. Sila, sila.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Minta maaf, terima kasih Yang Berhormat. Saya minta laluan. Sebenarnya saya di luar tadi, saya dengar Yang Berhormat menyebut bahawa melalui kajian international transparency ya, Malaysia berada da lam

Tuan Chow Kon Yeow: Tangga.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tangga, ya dalam tangga 32. Saya rasa Yang Berhormat itu adalah tahun sebelum itu, sekarang ini kita berada di 26..... *[Disampuk] [Ketawa]*

Seorang Ahli: Lagi teruk.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin:ya, tahun 1990. Saya ingin mendapat penjelasan Yang Berhormat di tangga yang tahun bila itu?

Tuan Chow Kon Yeow: Mengikut nota saya tahun 1999.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih.....

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi, boleh saya teruskan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya. Saya hendak dapat penjelasan daripada Yang Berhormat pada tahun 1996, kita berada di tangga 26. Sekarang kita berada di tangga 32, tidakkah itu menunjukkan satu peningkatan yang baik, yang telah pun dicapai.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa sekiranya berada dalam senarai – sungguhpun dalam tangga 26, 30 atau 32 masih menunjukkan masalah rasuah sungguh genting di negara Malaysia dan harus diberi perhatian oleh kerajaan, oleh rakyat dan bukan untuk sweep under the carpet. *[Ketawa]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Jadi, saya teruskan Tuan Yang di-Pertua,

.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia berdiri Yang Berhormat. Arau berdiri.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Dia hendak teruskan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Satu isu iaitu hutang negara yang berjumlah RM161.3 bilion ataupun 57.4% dari Keluaran Negara Kasar.

Jadi, Malaysia akan kekal dalam kategori negara yang sederhana berhutang selaras dengan pinjaman Kerajaan Persekutuan yang tinggi pada tahun 1999, jumlah hutang Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat 8.9% kepada RM112.3 bilion ataupun 40% dari KNK. Hutang Kerajaan Persekutuan dalam erti kata sebenar, Tuan Yang di-Pertua, adalah hutang seluruh rakyat kerana rakyat yang membayar cukai dan hasil untuk membayar khidmat hutang.

Wang yang seharusnya digunakan untuk membiayai kos pembangunan negara telah pun disalurkan untuk membayar khidmat hutang. Ini bermakna jumlah wang sudah berkurang untuk menyediakan perkhidmatan sosial bagi memenuhi permintaan daripada rakyat.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: *[Bangun]*

Tuan Chow Kon Yeow: Angka-angka ini tidak membayangkan kedudukan hutang pada keseluruhannya. Jika kita mengambil kira tanggungan pihak kerajaan ke atas guarantee yang diberikan kepada syarikat

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:

Temerloh berdiri, Yang Berhormat minta penjelasan.

Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat menyebut soal hutang. Seolah-olah negara kita ini berhutang dan tidak boleh bayar langsung hutang-hutang.

Saya hendak mendapat penje lasan daripada Yang Berhormat, tidak ada negara boleh membangun kalau tidak berhutang. Negara yang tidak berhutang ini hanya negara yang pernah digambarkan oleh Thomas More "Utopia",

negara 'Imagination Island' yang tidak payah berhutang, tidak payah apa-apa. Everything is perfect, semuanya perfect. Negara dalam abad ini, dalam dunia ini realitinya kita kena berhutang dan kita bayar hutang. Yang Berhormat sedar atau tidak bahawa Malaysia adalah di antara negara pembayar hutang yang terbaik. Saya minta penjelasan.

Tuan Chow Kon Yeow: Saya rasa saya akan sampai ke hujah ini – saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bahawa susahlah untuk mendapat satu negara yang tidak perlu meminjam dari sumber-sumber luar untuk tujuan pembangunan.

Jadi, apa maksud saya ialah bahawa untuk mengingatkan bahawa kerajaan menggunakan pinjaman-pinjaman ini untuk melaksanakan projek-projek pembangunan yang begitu diperlukan oleh rakyat seperti di Temerloh dan bukan disalurkan untuk melaksanakan projek-projek mega mewah dan menyelamatkan syarikat-syarikat kepentingan politik daripada masalah kewangan mereka. Sumber kewangan adalah sumber kebangsaan dan tidaklah boleh dianggap sebagai aset peribadi kepimpinan negara untuk digunakan atas kepentingan peribadi. Itu maksud saya apabila memberi hujah mengenai hutang dan pinjaman.

Tuan Yang di-Pertua, negara ini perlu melihat satu penganalisa semula terhadap falsafah pembangunan yang mementingkan projek-projek raksasa dan mega dan memusatkan sebahagian besar sumber-sumber negara untuk mengejar pembangunan fizikal sedangkan sumber-sumber yang tinggal, yang perlu digunakan untuk pembangunan asas tidak mencukupi.

Jadi, kita sentiasa mendengar walaupun kerajaan sering melaung-laungkan negara kita sudah mencapai tahap pembangunan yang begitu memuaskan tetapi pada hakikatnya Dewan yang mulia ini masih dimaklumkan bahawa beratus-ratus sekolah rendah di Sarawak, di Sabah dan lain-lain kawasan luar bandar masih belum dapat menikmati bekalan air, elektrik ataupun generator. Ada sekolah dibekalkan komputer tetapi tidak dapat digunakan kerana tidak ada bekalan elektrik.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kerajaan haruslah insaf bahawa ia harus menangani masalah rasuah, penyelewengan kuasa, pembangunan yang tidak seimbang dan penggunaan sumber-sumber negara yang tidak optima kerana

perkara-perkara ini akan mempengaruhi pencapaian matlamat negara menjadi negara membangun dan rakyat kaya dalam kebendaan dan kerohanian.

Apakah kita telah mempelajari pengajaran yang bermakna daripada pengalaman kegawatan ekonomi dan krisis kewangan ini? Pernahkah kita soalkan mengapa kegawatan ekonomi dan krisis kewangan boleh mengancam negara kita? Apakah terdapat kelemahan-kelemahan dalam pengurusan makro ekonomi dan sistem kewangan kita?

Tuan Yang di-Pertua, dalam suasana politik yang mencabar kepimpinan negara pada masa itu apabila berlaku kegawatan memang berkesan menjadikan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sebagai sasaran kritikan yang juga secara tidak langsung menimbulkan soal kredibiliti musuh politik yang terlalu mengikut pendekatan IMF. Memang IMF yang dikawal oleh Barat dikecam sebagai menekan negara-negara membangun dan memaksa mereka menerima dominasi Barat sebelum bantuan dapat dihulurkan.

Walau bagaimanapun, IMF tidak boleh dipersalahkan kerana memberi pandangan mengenai perkembangan ekonomi yang mungkin berlaku dan kesan-kesannya sekiranya langkah-langkah tidak diambil untuk mengatasinya. Bukankah IMF telah banyak melihat kegawatan ekonomi dan krisis kewangan berlaku di lain-lain negara? Tidakkah IMF pada akhir tahun 1996 menggesa Malaysia menyejukkan ekonomi yang terlalu panas 'over heated economy', dengan izin, dan juga memberi amaran kepada Thailand dan Indonesia tentang 'vulnerability' ekonomi mereka. IMF telah menggesa Malaysia mengambil langkah untuk menyejukkan ekonominya dan mengurangkan defisit akaun semasa. IMF juga memberitahu Malaysia defisit akaun semasa dan bergantung kepada aliran yang menambah hutang akan membawa risiko kepada negara.

Untuk beberapa tahun, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kegawatan ekonomi, pertumbuhan ekonomi terlalu dibantu oleh projek-projek mega. Rakyat Malaysia dapat menikmati hidup yang baik sehingga terlalu lupa atau tidak menghiraukan tanda-tanda ekonomi kita terlalu panas.

Kita jangan asyik menyalahkan orang lain, kita juga perlu mengkaji diri sendiri, kalau kita mengambil langkah-langkah awalan, mungkin kita tidak perlu mengalami krisis ekonomi ini.

Kerajaan kita harus melancarkan reform yang menyeluruh terhadap sistem ekonomi dan politik demi memulih dari krisis ekonomi dan tindakan sebaliknya akan menjejaskan keyakinan pasaran. Kita perlu memberi perhatian kepada sistem politik kita untuk mengembangkan perkhidmatan awam yang lebih profesional. Bank Negara yang lebih cekap dan berwibawa dan menggalakkan corporate governance yang sihat, perhubungan antara sektor korporat dengan perkhidmatan tidak harus menggalakkan kronisme. Unsur penting dalam pemulihan ekonomi adalah faktor politik, pucuk pimpinan negara harus dapat meyakinkan pasaran untuk mengatasi krisis keyakinan terhadap negara dan sistem ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tidak rasa parti pemerintah akan insaf akan perlunya melaksanakan reformasi, namun kita berharap Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan Kewangan Kerajaan yang ditubuhkan untuk memantapkan lagi pentadbiran negara dapat menggunakan konsep pemerintah baik ataupun urus tadbir yang baik (good governance) untuk menjadikan negara ini sebuah kerajaan yang benar-benar pro rakyat.

Pemerintah baik atau good governance ini akan memastikan keutamaan politik, sosial dan ekonomi dilandaskan kepada konsensus menyeluruh dalam masyarakat dan di mana suara-suara rakyat yang peling

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, Kota Melaka berdiri.

Tuan Kerk Kim Hock: Minta jalan. Mengenai isu pro rakyat, adakah Ahli Yang Berhormat bagi Tanjong sedar bahawa selepas pilihan raya pemimpin-pemimpin kerajaan telah berkata bahawa ia tidak akan melakukan dendaman politik terhadap rakyat. Tetapi pada hari ini kita baca dalam surat khabar *The New Straits Times*, kalau saya boleh baca sedikit, "*The state governments has issued a circular to all its departments and agencies to*

terminate the contracts of their panel doctors and lawyers who are aligned with the opposition.”

Bukankah ini menunjukkan sikap munafik kerajaan dan bukankah ini satu dendaman politik kepada orang-orang yang telah menyokong pembangkang dan adakah Yang Berhormat dari Tanjong bersetuju dengan saya sekiranya tindakan-tindakan sedemikian berlaku, akhirnya UMNO akan jatuh sendiri tanpa lawanan daripada BA.

Tuan Chow Kon Yeow: Sebenarnya Yang Berhormat Kota Melaka telah menggunakan jawapan yang saya mahu jawab iaitu pada lazimnya tindakan-tindakan semacam itu akan dilaksanakan oleh pemerintahan yang akan melihatkan akhir hayat pemerintahan pada pilihan raya yang akan datang. Jadi, tidak hairanlah bahawa mereka telah menggunakan balas dendam terhadap rakyat dan juga parti-parti pembangkang yang menentang mereka.

Jadi, saya teruskan mengenai good governance

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Arau berdiri Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Berapa minit lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Satu minit lagi.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya telah dua kali bangun Yang Berhormat, bolehkah beri laluan?

Tuan Chow Kon Yeow: Biar saya gulunglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Dia tidak beri laluan Yang Berhormat.

Tuan Chow Kon Yeow: Beri saya gulung. Sebenarnya ada banyak topik lagi tetapi kita mematuhi Peraturan Mesyuarat dan arahan dari Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Ya, tak usah beri semualah. Sila teruskan.

Tuan Chow Kon Yeow: Tuan Yang di-Pertua, good governance menurut United Nations Development Programme (UNDP) telah

menggariskan elemen-elemen utama sebanyak sembilan, saya tidak sempat untuk menghuraikan satu persatu. Saya cuma menyenaraikan sembilan unsur-unsur yang penting untuk melihatkan good governance di Malaysia iaitu penyertaan dari semua rakyat sama ada secara langsung ataupun melalui institusi-institusi yang sah.

Kedua, kedaulatan undang-undang. Ketiga, transparency, yang satu tajuk yang suka disentuh oleh Ahli Yang Berhormat bagi Arau, transparency.

[Tuan Yang di-Pertua *memepengerusikan Mesyuarat*]

Responsiveness sama ada institusi pemerintah responsive kepada kehendak rakyat, misalnya dalam kes pekerja-pekerja estet ataupun dalam kes Akta Kawalan Sewa sama ada kerajaan ataupun institusi pemerintah dapat responsive kepada permintaan dan hasrat rakyat.

Kelima, berhaluan consensus iaitu pemerintahan baik akan dapat seimbangkan kepentingan-kepentingan yang berbeza dan bercanggah untuk mencapai consensus yang menyeluruh.

Keenam kesaksamaan sama ada di antara rakyat lelaki, wanita ataupun kaum, agama ataupun regional disparity.

Ketujuh, keberkesanan dan kecekapan sama ada institusi pemerintahan dapat menunjukkan keputusan yang dapat memenuhi permintaan rakyat dengan menggunakan sumber-sumber yang sebaik-baiknya.

Kelapan, pertanggungjawapan, ini saya rasa satu isu yang selalu diketengahkan di dalam Dewan ataupun di luar Dewan. Yang akhirnya wawasan strategik.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya berharap bahawa kerajaan akan menggunakan kesempatan ini dengan menggunakan mandat yang diberikan kepada rakyat untuk membawa reformasi dalam struktur sistem ekonomi dan politik supaya negara kita boleh mengelakkan dari melihat satu kegawatan ekonomi dan krisis kewangan melanda rakyat dan negara ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Bandau.

4.36 ptg.

Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada pihak kita untuk mengambil

bahagian dalam perbahasan Rang undang-undang Perbekalan 2000 yang disampaikan di Dewan yang mulia ini, pada 25 Februari yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa yang singkat dan apa yang terdapat di dalam belanjawan pun tidak ada yang baru daripada apa yang dibentangkan pada 29 Oktober tahun lalu, maka saya tumpukan kepada beberapa perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah menganggarkan kadar pertumbuhan ekonomi negara bagi tahun 1999 pada paras 5.4% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu lebih tinggi daripada angka 4.3% yang dianggarkan pada mulanya. Dan bagi tahun 2000 pula kadar pertumbuhan KDNK adalah dianggarkan pada 5.8% berbanding dengan kadar 5% yang dianggarkan pada mulanya.

Berdasarkan kepada angka-angka ini serta peningkatan indeks BSKL yang mencapai paras 1,000 pada minggu yang lalu, namun lima hari berturut-turut sampai kepada hari Jumaat lalu indeks terus merosot dan pada jam 4.00 petang tadi ia masih menurun 4 mata. Namun dengan apa yang dilihat pada 25 haribulan pada masa pembentangan belanjawan itu Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengisytiharkan dan saya petik: *“Ekonomi negara telah kembali pulih dan krisis ekonomi telah berakhir.”*

Tuan Yang di-Pertua, sememangnya kita merasa bangga bahawa ada tanda-tanda kukuh yang mencerminkan ekonomi negara telah mulai pulih. Kadar pertumbuhan KDNK yang melebihi 5% pada tahun 1999 itu menandakan bahawa ada keyakinan para pelabur dalam sektor pengeluaran dan dalam pasaran modal keyakinan ini telah pun mulai kembali. Permintaan, dengan izin, consumption juga mulai meningkat disebabkan kecairan dalam sektor kewangan serta juga kadar pinjaman di peringkat pasaran modal, pasaran kewangan yang cukup rendah.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, keadaan sebenarnya belum sampai ke tahap di mana krisis ekonomi telah berakhir dan saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, barangkali tahun lalu tidak kurang tiga kali menteri demi menteri mengatakan bahawa, dengan izin, *the worst is over, we have reached the bottom of the situation*, dengan izin, dan banyak-banyak kata-kata lagi yang hujahnya seperti begitu. Tanda-tanda

terjelas ialah kedudukan non performing loans (NPL) atau hutang tidak berbayar yang masih tinggi walaupun Danaharta telah mengambil alih NPL berjumlah RM45.5 bilion dan pada masa yang sama Danamodal menyuntik sejumlah RM7.59 bilion ke dalam 10 institusi perbankan.

Adalah dikenalpasti bahawa masih banyak dan anggaran kita yang tidak kurang 40% daripada syarikat-syarikat yang tersenarai di BSKL khasnya syarikat-syarikat dalam senarai Papan Kedua yang masih menghadapi masalah hutang-piutang disebabkan kemerosotan nilai modal susulan kepada krisis kewangan tersebut dan juga masalah penurunan nilai pertukaran wang negara berbanding dengan wang asing, khasnya wang Dolar Amerika dan ini khususnya bagi syarikat-syarikat yang telah mengambil pinjaman di luar negara.

Maka dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan kita ialah berapa sebenarnya NPL yang masih berkekalan di peringkat sektor kewangan ini. Sebab soal ini sangat-sangat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua. Sebab ia boleh memberi gambaran seperti mana yang telah kita tanya juga di Dewan yang mulia ini, kalau non-performing loans ini, dengan izin, tidak lagi masalah besar, kenapa misalnya jentera CDRC itu masih lagi diteruskan dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, perlu juga ditekankan bahawa kenaikan indeks BSKL dan yang mana sekadar dalam paras 944 kah begitu, kira-kira setengah jam yang lalu. Maka, indeks ini tidak sebenarnya memberi gambaran seperti mana yang digunakan dan dipakai dalam Belanjawan sebab perlu ditekankan, saya katakan tadi bahawa kenaikan indeks adalah disebabkan kenaikan nilai saham syarikat-syarikat dalam Indeks Emas yang mana banyak daripada syarikat-syarikat ini telah dibantu oleh kerajaan membeli NPL melalui Danaharta dan Danamodal. Pada masa yang sama perkembangan ataupun pemulihan ekonomi bagi beberapa sektor masih belum pulih termasuklah sektor perkhidmatan, khasnya pelancongan dan sektor jual-beli, ataupun dengan izin, whole selling dan retailing.

Di peringkat pekan-pekan kecil, khasnya di negeri Sabah dan negeri Sarawak dan saya percaya beberapa negeri juga di Semenanjung ini, ekonomi di peringkat daerah belum mulai pulih Tuan Yang di-Pertua. Seperti di Sabah,

di daerah seperti Keningau, daerah seperti Kota Belud, Kudat, Papar, Sandakan, belum merasai pemulihan ekonomi yang sebenar. Keadaan ekonomi masih, dengan izin, sluggish di mana sektor jual-beli iaitu retailing dan restaurant, dengan izin, amat lega sekali, dengan izin, no life at all.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang disentuh oleh beberapa ahli Yang Berhormat dari Sabah juga mengatakan di mana Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah sendiri mengakui bahawa masalah ekonomi negeri Sabah masih berterusan di mana hasil daripada kutipan hasil tahunan tidak mencukupi untuk menjalankan perancangan-perancangan kerajaan dengan begitu berkesan dan masalah ekonomi negeri Sabah sememangnya masalah diversification, dengan izin, iaitu masalah mempelbagaikan sumber ekonomi.

Pada masa yang sama masalah kemiskinan masih juga dalam paras yang tertinggi dan saya ingin memperingatkan ahli-ahli Barisan Nasional di Dewan yang mulia ini khusus daripada negeri Sabah ingat janji Barisan Nasional pada tahun 1994 iaitu mengosongkan kadar kemiskinan dan pada masa ini masih lagi tertinggi di negara kita dan ini tugas yang besar. Saya berharap bahawa, dengan izin, put action into our words, into the words of the kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada semua pemerhatian ini, amatlah awal bagi kerajaan mengatakan krisis ekonomi telah berakhir. Pihak kita mencadangkan supaya kerajaan terus mencari jalan untuk mengurus ekonomi dengan lebih cekap dan mengambil langkah-langkah yang berkesan secara jangka panjang. Menetapkan nilai pertukaran wang negara di paras RM3.8 setiap Dolar Amerika dan juga tindakan mengawal modal asing dan seterusnya pengambilan NPL oleh kerajaan melalui Danaharta dan tindakan seterusnya seperti penurunan kadar pinjaman di sektor kewangan dan modal, semuanya ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah strategi-strategi jangka pendek dan tidak berkesan dalam jangka panjang apabila keadaan dan senario ekonomi dan kewangan dunia terus berubah.

Dalam hal ini kerajaan harus belajar daripada pengalaman pahit yang dinikmati selama dua tahun yang lalu iaitu pada masa krisis kewangan serantau di dalam keadaan teruk sekali. Perlu diperingatkan bahawa pada

masa krisis tersebut bermula dan terus merebak, pemimpin-pemimpin negara terus mempertahankan bahawa, dengan izin, I quote; “*Our economic fundamental are strong,*” dengan izin, iaitu asas-asas ekonomi masih kukuh. Pada masa indeks BSKL merosot ke tahap 262.7 pada 1 September 1997, kerajaan masih mempertahankan bahawa asas-asas ekonomi masih kukuh dan pihak kitalah Tuan Yang di-Pertua, yang menegur, something must be wrong, dengan izin, with the fundamental because dalam setiap peringkat kita pertahankan fundamentals itu, dengan izin, mesti kukuh tetapi keadaan ekonomi sebenarnya masih teruk. Tuan Yang di-Pertua, kita bertanya kalau ini kukuh, kalau fundamentals kita kukuh kenapa daya tahan tidak ada untuk ‘menyungking’ ataupun menangkis serangan krisis ekonomi pada waktu itu. Di mana sebenarnya kelemahan strategi ekonomi pada waktu itu. Adalah tidak tepat dan tidak adil bagi kerajaan mempersalahkan Menteri Kewangan pada masa itu kerana strategi kewangan kerajaan bukan dirancang dan dilaksanakan oleh seorang sahaja.

Saya masih ingat, Tuan Yang di-Pertua, kita masih ingat, selepas masalah itu dan khususnya apabila Menteri Kewangan pada waktu itu dibuang kerja, mengatakan bahawa dia tidak pandai ekonomi, dia tidak tahu apa-apa ekonomi, dia pandai cakap-cakap sahaja. Dan kita merenungkan dalam dua penggal sebagai Menteri Kewangan negara, nama Malaysia begitu baik disebut kerana pentadbiran ekonomi dan satu orang dipersalahkan. Saya rasa sikap-sikap seperti ini tidak manis untuk anak-anak kita baca sejarah Malaysia pada suatu hari, Tuan Yang di-Pertua. Masalah pokok ialah daya tahan yang mempunyai, dengan izin, loop holes, lubang-lubang serangan.

Dalam hal ini di dalam usaha kerajaan mengurus ekonomi serta membentuk daya tahan ekonomi, kerajaan harus mempertingkatkan usaha-usaha seperti berikut dan ini bukan usaha baru tetapi standard formula, dengan izin, dalam pentadbiran yang cekap dan baik iaitu:

- (i) menggubal dasar kewangan yang tepat dan konsisten;
- (ii) memastikan supaya kerajaan bertindak telus (transparent) supaya pihak pelabur mendapat signal, dengan izin, yang tepat dan bertindak rasional dalam membuat keputusan pelaburan;

- (iii) memastikan kerajaan bertindak adil dan tidak pilih kasih, dengan izin, selective favouring, apabila memberi khidmat ataupun melaksanakan undang-undang mahupun kewangan mahupun pentadbiran awam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini saya ingin minta Menteri Kewangan menjelaskan apakah usaha-usaha baru yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengelakkan serangan krisis ekonomi berulang lagi dan khususnya dari segi strategi memperkukuhkan daya tahan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan Belanjawan, Yang Berhormat Menteri Kewangan beliau telah mengumumkan cadangan kerajaan menubuhkan satu 'think tank' baru di Kementerian Kewangan. Pihak kita bertanya, apakah sebenarnya rasional penubuhan badan tersebut dan siapa mereka yang terlibat dan berapa jumlah peruntukan yang akan digunakan nanti. Kerajaan telah dapat menangani sebahagiannyalah masalah krisis kewangan dengan menggunakan 'think tank-think tank' yang sedia ada dan pakar-pakar rujuk kerajaan dalam pentadbiran awam. Jadi, selepas krisis pula mulai dapat ditangani, 'think tank' baru pula mula ditubuhkan. Kita bertanya apa rasional semuanya ini.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang sudah banyak think tank-think tank ekonomi yang sedia wujud – Malaysian Institute of Economic Research (MIER); Institute of Strategic and International Studies (ISIS); Bank Negara pun satu badan, juga pemikir, EPU, Economy Planning Unit ataupun Unit Perancang Ekonomi, para pegawai Perbendaharaan, Malaysian Strategic Research Centre (MSRC) dan fakulti-fakulti ekonomi dalam semua universiti di negara ini terhimpun di situ. Tuan Yang di-Pertua, pakar-pakar ekonomi di negara kita. Kemahiran dan kebolehan oleh para pemikir Malaysia tidak kurang. Yang penting ialah menggunakan pakar dan sumber yang sedia ada. Dalam hal ini amat sukar bagi rakyat menyokong penubuhan satu lagi 'think tank' yang baru

Kita ragu-ragu Tuan Yang di-Pertua. ini sekadar memberi kerja kepada seorang bekas menteri, and I said it, dengan izin, dengan ikhlas dan rakyat tertanya-tanya, kenapakah ini diperlukan dan saya katakan tadi berapa wang

yang diperlukan. Nanti wang yang diperlukan menubuhkan 'think tank' ekonomi lagi, yang berlapis dia punya fungsi dengan think tank-think tank' yang ada, itu sebenarnya, akhirnya mengakibatkan pemborosan kewangan yang mana kewangan boleh digunakan untuk membasmi kemiskinan, membantu-bantu pelajar di luar bandar dan membentuk bangunan asrama, beli uniform dan pinjaman buku teks.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang pendidikan, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengatakan kerajaan juga tidak mengabaikan golongan yang tidak bernasib baik termasuk warga tua, kanak-kanak, golongan yang kurang upaya dan juga keluarga termiskin. Dan di dalam hal ini khususnya di dalam bidang pendidikan RM3.7 bilion telah pun diasingkan untuk pendidikan dan latihan. Kita memang merasa terima kasih, beberapa perkembangan yang dilakukan oleh pihak kementerian dan badan-badan di bawah kementerian untuk membantu masyarakat kita di luar bandar dalam bidang pendidikan. Hanya kita menekankan di sini, bahawa semuanya ini tidak mencukupi dan baru sahaja minggu lalu kita membentangkan rang undang-undang menaikkan taraf Institut Teknologi MARA itu kepada taraf universiti.

Kita terharu, Tuan Yang di-Pertua, bahawa dalam masa kita melakukan itu dan kita menyokong langkah itu tetapi ,dengan izin, there is a big gap, di antara pelajar-pelajar kita di peringkat luar bandar dan pelajar-pelajar kita di bandar. Dan khususnya pelajar-pelajar nanti yang bakal memasuki tempat-tempat pengajian tinggi seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana keadaan sektor pendidikan di luar bandar dan saya ingin tumpukan beberapa minit untuk ini supaya pihak kerajaan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Pada saat ini, saya melihat bahawa kerajaan terlalu terfokus untuk membina, membentuk dan mempertingkatkan sektor pendidikan ini hanya di peringkat bandar, sektor-sektor bandar dan di peringkat sektor swasta, sekolah seperti IPS dan IPTS dan seterusnya. Dan pada masa yang sama di luar bandar pula keadaan tidak banyak berubah. Ciri-ciri luar bandar, pendidikan di luar bandar, kita sedia maklum:

1. Bangunan-bangunan tidak mencukupi termasuk peringkat menengah dan peringkat rendah -
Kebanyakan sekolah-sekolah daripada sekolah rendah menjadi SMK tetapi masih menggunakan bangunan yang lama termasuklah SK Ongkilan di daerah Kota Marudi di kawasan Bandau yang sudah menjadi SMK Bandau tetapi fasilitas itu masih juga seperti sediakala.
2. Peralatan Tidak Mencukupi/ Tiada Asrama -
Makmal, kerusi, meja dan seterusnya amat tidak mencukupi dan kekurangan. Kebanyakan sekolah-sekolah menengah bahkan sekolah menengah di luar bandar tidak mempunyai asrama, apatah lagi sekolah-sekolah rendah.
3. Makanan -
Seterusnya yang ada asrama pun makanan tidak mencukupi dan selain daripada itu kalau ada sebut harga bagi pihak pembekal makanan-makanan yang dibekal itu tidak dibekal mengikut jadual sepertimana yang ditentukan di dalam perjanjian pembekalan.
4. Kelengkapan Sekolah -
Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah sekolah-sekolah luar bandar ini ialah kelengkapan-kelengkapan sekolah adalah amat kurang sekali khususnya dari segi rumah guru dan seterusnya. Dan misalannya sekolah di SK Tasibang ini, saya punya favorite subject, dengan izin, tetapi satu wakil dari kampung datang ke tempat saya 3 hari lalu, dia 'bilang' itu cikgu dulu 6 tinggal 3 sahaja lagi kerana tidak ada rumah guru. Ada 2 guru terlatih dari Sarawak, satu minggu sahaja sudah menanggung terus dia pulang. Kalau keadaan begini apakah tindakan yang harus kita buat? Kita biar begitu menjadi satu cerita sahaja ataupun kerajaan mengambil tindakan

yang lebih efisien dan lebih bertaraf jangka panjang supaya menyelesaikan perkara-perkara seperti ini.

5. Bantuan Buku Teks, Uniform, Kasut Tidak Sampai ataupun Tidak Mencukupi -

Baru sahaja peringkat di negeri Sabah, dahulu pada masa Kerajaan Parti Bersatu Sabah, kasut, uniform, susu dibekalkan kepada semua pelajar sekolah rendah – darjah 1 hingga darjah 6. Baru-baru ini pihak kerajaan mengatakan hanya darjah 1 hingga darjah 3 dibekalkan. Rakyat berharap kerajaan Barisan Nasional mengambil tampuk pemerintahan negeri tambah majulah, bukan pula tambah mundur tetapi dalam keadaan begitu pula tambah merosot dan tambah masalah di peringkat sektor ini.

6. Masalah Perhubungan -

Di mana jalan raya, perhubungan antara sekolah dan pekan dan di mana akibatnya ini teruk sekali. Kalaupun ada kontrak untuk membina bangunan baru, itu kontraktor sendiri pun tidak ada jalan untuk pergi ke sana.

Sekolah SK Magandai, selalu yang kita sebut di Dewan yang mulia ini, telah pun diluluskan oleh kerajaan untuk membina satu blok baru, tetapi sudah 6 bulan berterusan, kontraktor belum mula membinanya, da ‘bilang’ itu jalan raya tidak ada untuk mahu angkat zink dan seterusnya.

Saya cadangkan, Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dilakukan pada tahun 80an seringkali Tentera Udara mengambil bahagian untuk membina sekolah secara bantuan ataupun gotong-royong dengan kampung. Maka zink-zink itu, apa alat-alat yang lain di bawa oleh helikopter, ke tempat-tempat yang seperti terpencil ini dan dengan itu menggunakan semangat

gotong-royong untuk membina sekolah. Saya mencadangkan langkah-langkah ini perlu diambil perhatian

7. Sekolah-sekolah di luar bandar ini, Tuan Yang di-Pertua, gurunya yang ditempatkan ini adalah terdiri daripada mereka yang dilatih tetapi mereka yang kurang pengalaman, kadang-kadang yang nakal-nakal di tendang di luar bandar. Jadi, selagi dasar ataupun prosedur macam ini digunakan, sekolah-sekolah di luar bandar akan sentiasa ketinggalan dan akan terus ketinggalan.
8. Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang sama, satu ciri lagi iaitu ibu bapa pelajar tidak berkemampuan untuk membayar yuran-yuran sekolah yang ditentukan bagi anak-anak sekolah di sekolah-sekolah tersebut. Sudah pun kais pagi makan pagi, di hutan, di bukit belantara, kalau suruh bayar yuran lagi untuk yuran-yuran sekolah maka keadaan terus teruk, kalau tidak boleh bayar, mereka tidak hantar anak untuk pergi belajar.
9. Tuan Yang di-Pertua, peluang untuk pelajar cemerlang masuk ke institusi pendidikan yang terbaik ke negara kita ini semakin hari semakin tipis, kerana mereka terpaksa bersaing dengan pelajar-pelajar di peringkat bandar.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya dan rakan-rakan daripada negeri terpencil di Sabah dan Sarawak, dulu kita ada native scholarship kerana tujuan membantu pelajar desa - saya pun pelajar JPA juga, saya sokong kepada kerajaan beri peluang seperti begitu. Kedudukan di sini – pembangkang kerana kita mahu menegur kerajaan supaya berbuat lebih baik dan tindakan yang lebih murni kepada rakyat.

Tetapi antara kita yang kena tolong dalam perkara ini, saya mahu mencadangkan, Tuan Yang di-Pertua, sampai masanya pihak kerajaan membentuk satu pelan tindakan induk untuk sekolah-sekolah di luar bandar

dan saya cadangkan supaya kerajaan dan Kementerian Pendidikan menjadikan pembekalan dan soal membawa kemajuan kepada sektor pendidikan luar bandar sebagai satu perjuangan sepertimana kita memperjuangkan masalah pembasmian kemiskinan. Kalau selagi kita serahkan masalah ini, dengan izin, kepada market forces, dan prioriti terus kepada sektor bandar maka sektor luar bandar akan terus ketinggalan. Masa kita masuk dalam k-ekonomi, masuk dalam konsep smart school, dengan izin, budak-budak sekolah kita di luar bandar masih lagi ketinggalan dan jurang akan terus berterusan.

Pada masa yang sama, saya mahu mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, supaya yuran-yuran sekolah bagi sekolah-sekolah di negeri Sabah dan Sarawak dikecualikan oleh pihak kerajaan untuk tempoh 5 tahun. Ini kerana pada masa Akta Pendidikan National dilaksanakan, negeri Sabah diberi pengecualian 10 tahun dan negeri Sarawak diberi pengecualian kalau saya tidak lupa 12 tahun. Maka pada waktu itu, pada masa kita membentuk Malaysia pada tahun 1963 itu, 10 tahun kemudian Akta Pendidikan itu, bagi negeri di Sabah pelaksanaannya dikecualikan, di negeri Sarawak pula dikecualikan kalau tidak salah saya katakan 12 tahun. Ertinya sekolah-sekolah Bahasa Inggeris diteruskan, walaupun pentadbiran diambil alih oleh kerajaan dan sekolah-sekolah dalam bahasa Malaysia diteruskan tetapi hanya dia menjadi nationalize, dengan izin, pada 10 tahun kemudian. Ini adalah mengakui bahawa sektor pendidikan di luar bandar dalam kedua-dua negeri ini adalah kebelakangan bukan kerana kita lewat masuk Malaysia, masuk Malaysia tidak timbul, kita bentuk Malaysia bersama.

Saya mencadangkan, memandangkan beban para ibu di sekolah-sekolah di luar bandar maka bagi negeri Sabah dan Sarawak, saya memohon supaya pihak kerajaan mempertimbangkan supaya dikecualikan bayaran yuran sekolah-sekolah ini. Kalau tidak seluruh di negeri Sabah dan Sarawak, sekolah di luar bandar, daripada bayaran yuran demi untuk memperapatkan jurang dari segi kemajuan dan dari segi akses para pelajar di luar bandar untuk mendapatkan pendidikan yang sewajarnya yang mereka harus menerima seperti mana yang diterima oleh pelajar-pelajar dari bandar dan di negeri-negeri di Semenanjung.

Kata-kata saya terakhir, Tuan Yang di-Pertua, ialah saya mahu membetulkan satu komen yang sepertimana telah dibincangkan minggu lalu iaitu berkaitan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan dan Ipoh Timur mengenai phrase 'minta masuk sedikit' itu, Tuan Yang di-Pertua, dan saya mengatakan agar kedua-dua Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu saya telah pun memberi keputusan tidak boleh dipanjangkan lagi.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengatakan sebab ada disebut bahawa perkataan itu adalah budaya perkataan di Sabah, jadi saya ingin perbetulkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat, saya tidak benarkan perkara itu disebutkan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya hanya mengatakan itu tidak betul, itu bukan budaya, kita di negeri Sabah tidak berkata demikian.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, perkara itu telah saya putuskan.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya patuh kepada Tuan Yang di-Pertua, saya hanya menambah dan membantu Tuan Yang di-Pertua menjelaskan perkara itu. Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tawau.

5.01 ptg.

Tuan Shim Paw Fatt [Tawau]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2000. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah membentangkan satu Belanjawan yang dapat memberi manfaat kepada setiap lapisan masyarakat, lapisan rakyat. Sebenarnya Belanjawan yang dibentangkan itu tepat sekali disifatkan sebagai satu Belanjawan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, tumbuhan ekonomi yang kukuh pada kadar 5.4% yang kita capai pada tahun 1999 dijangka meningkat kepada kadar 5.8% untuk

tahun ini. Setelah diambil kira pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada kadar 5.4% berbanding dengan ramalan terawal, 'initial forecast', dengan izin, pada kadar 1% sahaja dan kemudiannya telah diubah suai semula kepada kadar 4.3% kerana didorong dengan pertumbuhan 10.6% yang dicapai pada tempoh suku akhir, 'last quarter', dengan izin, tahun lalu. Maka ramalan KDNK pada kadar 50.8% yang dirakamkan untuk tahun 2000 bukan sahaja boleh dicapai, bahkan boleh dianggap sebagai satu ramalan yang agak konservatif.

Tuan Yang di-Pertua, angka pertumbuhan ekonomi yang meningkat ini secara tersendiri telah membuktikan bahawa negara kita bukan sahaja dapat mengatasi kegawatan ekonomi tetapi krisis kewangan yang melanda Benua Asia telah berlalu. Pemulihan ekonomi negara dalam tempoh yang begitu singkat adalah semata-mata kerana langkah-langkah yang wajar dan tepat yang telah diambil oleh kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan bijak dan berwawasan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad. Rakyat telah menunjukkan persetujuannya atas prestasi yang begitu mengagumkan dengan memberi mandat kepada Barisan Nasional melalui kemenangan dengan lebih dari dua pertiga majoriti dalam pilihan raya yang diadakan pada November tahun lalu. Saya pasti rakyat negara ini akan terus memberi sokongan padu kepada Barisan Nasional supaya meneruskan dengan dasar-dasar ekonomi yang memberi manfaat kepada semua golongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, di sini benarkanlah saya membangkitkan beberapa perkara yang penting untuk perhatian Dewan yang mulia ini. Perkara yang pertama adalah berkenaan dengan cadangan menubuh sebuah kilang palpa kertas atau Pulp Paper Mills, dengan izin, di Tawau Sabah. Setakat ini yang saya ketahui satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara kerajaan Malaysia dengan kerajaan negara China pada tahun 1997 untuk mendirikan atas dasar usahasama, joint-ventures basis, dengan izin, sebuah kilang palpa kertas di Kalabakan yang terletak dalam daerah Tawau. Malangnya sehingga kini tiada apa-apa berita rasmi terdengar tentang kemajuan perkara ini iaitu sama ada projek usahasama ini diteruskan atau tidak.

Saya ingin menekankan di sini betapa pentingnya projek usahasama ini dapat menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kawasan Tawau serta bandar-bandar yang berada di sekitarnya. Pada tahun 70-an Tawau terkenal sebagai pengeluar kayu balak tetapi oleh kerana aktiviti menebang pokok dengan begitu kerap, sumber yang ada semakin mengurang. Selain daripada itu, Tawau adalah pengeluar utama koko di Malaysia akan tetapi kerana harga koko yang telah jatuh ke tahap yang begitu rendah maka tidak lagi menguntungkan untuk meneruskan dengan tanaman ini. Akibat daripada ini banyak bidang tanah untuk menanam koko telah terbiar sahaja ataupun diganti dengan tanaman kelapa sawit. Harga pasaran antarabangsa untuk minyak kelapa sawit pula telah jatuh kepada tahap setengah daripada harga terdahulu semenjak dua tahun dahulu. Dalam keadaan demikian negeri Sabah yang dahulunya adalah kubu kuat untuk industri pertanian telah kehilangan taraf sebagai pemimpin dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan kilang palpa kertas seperti yang saya katakan tadi akan memberi nafas baru kepada perkembangan kawasan Tawau. Projek ini bila dilaksanakan pasti akan mencetuskan pertumbuhan ekonomi untuk kawasan Tawau serta bandar-bandar sekitarnya dan akan juga menghasilkan industri sampingan. Beribu-ribu rakyat akan menikmati peluang pekerjaan. Di samping itu, projek ini akan menarik balik penghuni Tawau yang telah berhijrah ke tempat lain untuk bekerja supaya kembali menyumbang kepada pertumbuhan kawasan Tawau.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa projek palpa kertas ini melibatkan perkembangan 220,000 hektar tanah dan menelan pelaburan USD120 juta. Oleh yang demikian, amat merugikan kepada Tawau khususnya dan kepada Malaysia amnya jika tiada tindakan susulan diambil untuk mengasaskan projek ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lawatan rasmi ke Malaysia pada tahun lalu Perdana Menteri Negara China, Zhu Rongji, telah dilaporkan sebagai menyatakan jika Malaysia tidak berminat lagi maka projek ini akan dipindah ke negara Thailand. Memandangkan kepada keadaan demikian, maka saya merayu supaya kerajaan negeri Sabah dan kerajaan pusat bertindak dengan kadar segera untuk menjalin perjanjian tentang projek ini.

Perkara kedua yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan menjadikan konsep BIMP-EAGA iaitu Brunei, Indonesia, Malaysia, Philippine, East Asia Growth Area, dengan izin. Konsep ini dibentangkan beberapa tahun dahulu tetapi nampaknya tiada sebarang tindakan positif diambil oleh mana-mana pihak pun setakat ini. Kawasan yang disasarkan sebagai kawasan untuk pertumbuhan ekonomi mempunyai prospek yang begitu besar. Dengan bilangan penduduk yang begitu besar di kawasan ini untuk menyokong aktiviti perniagaan maka adalah sesuatu yang menguntungkan Sabah-Malaysia jika konsep ini dijadikan satu kenyataan.

Negeri Sabah terpaksa menghadapi masalah pendatang haram dari negara jiran seperti Indonesia dan Filipina semenjak tahun 60-an. Jika konsep ini dijadikan kenyataan maka ianya dapat membantu menyelesaikan masalah ini kerana apabila terdapat pembangunan ekonomi di negara dalam rantau itu, maka tidak perlu untuk rakyat asing datang ke sini untuk cari hidup kerana peluang terdapat di negara mereka sendiri. Oleh yang demikian, saya menggesa Kerajaan Pusat untuk melihat semula perkara ini supaya konsep yang dicadangkan dapat dijadikan kenyataan demi kemakmuran rakyat kita sendiri dan negara-negara di rantau ini.

Tuan Yang diPertua, perkara ketiga yang saya ingin menimbulkan ialah berkenaan dengan masalah pendatang haram di Sabah ataupun lebih dikenali sebagai pendatang tanpa izin atau dengan ringkasnya PTI. Masalah ini telah menghantui Sabah selama 30 tahun. Kebelakangan ini kehadiran begitu ramai PTI di Sabah bukan sahaja mengancam keselamatan negara tetapi juga kedaulatan negara serta membawa persoalan kepada perkembangan sosio-ekonomi dan politik di negara kita. Tiada angka yang konsisten untuk bilangan PTI yang terdapat di Sabah. Angka-angka yang ada cuma beri anggaran antara 400,000 hingga 600,000.

Oleh kerana usaha mengusir keluar serta kedatangan PTI baru nampaknya berlaku secara serentak, maka tiada sesiapa pun yang boleh beri satu angka yang tepat. Mengikut pasukan petugas khas mengenai PTI pada akhir tahun 1997, jumlah PTI di Sabah dan Labuan yang datang dari Indonesia dan Filipina adalah sebanyak 553,860. Dengan bilangan penduduk seramai 1.5 juta di Sabah maka untuk setiap 4 orang yang ada di Sabah, seorang

merupakan warga asing. Dari aspek keselamatan, PTI boleh disifatkan sebagai, dengan izin, *the mother of all threats because every threat imaginable is inevitably linked to them*, dengan izin.

PTI sememangnya mengancam kedaulatan negara Malaysia kerana rakyat kita sendiri terpaksa berkongsi kemewahan sumber serta kemudahan yang ada dengan mereka yang tidak mempunyai sebarang hak untuk berada di Sabah. Rakyat kita merupakan pembayar cukai dan berhak menikmati segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Kebanggaan rakyat Sabah sebagai warganegara Malaysia tercemar kerana orang asing datang tanpa kebenaran untuk berkongsi kemudahan dan menimbulkan berbagai masalah sosial di negeri Sabah.

PTI juga mengancam kedudukan politik kerana entah berapa ribu daripada mereka mempunyai kad pengenalan yang palsu ataupun dokumen yang tidak sah tetapi mereka berjaya mendaftarkan diri sebagai pengundi. Isu kad pengenalan yang dipalsukan serta pengundi hantu, phantom voters, dengan izin terikat dan bukan senang untuk diatasi tanpa usaha yang serius dari pihak atasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berani katakan PTI merupakan ancaman kepada keselamatan negara kerana selepas tempoh 30 tahun di mana mereka dihalau, dikejar dan ditangkap serta kadang-kadang diberi layanan yang kurang adil oleh agensi kerajaan, perasaan marah dan benci mereka terhadap pihak berkuasa di Sabah sukar untuk diukur. Tekanan yang mereka hadapi selama ini pasti akan meletup suatu hari nanti.

Kami boleh menemui beribu-ribu PTI dengan perasaan benci dan marah terbenam dalam hati mereka di rumah kita, di pejabat, di estet, di bas mini, di kedai kopi dan restoran. Mereka ini semuanya mobile kerana boleh bergerak dengan begitu cepat dan boleh dikumpulkan dengan segera menjadikan golongan besar dengan access kepada senjata haram. Oleh itu, saya berani kata dengan izin, *we have ticking bombs all around us and they, the PTI are holding the detonators*.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran PTI selain dari mengancam keselamatan negara juga mengancam alam sekitar. Kawasan setinggian yang didirikan oleh mereka memberi pandangan yang buruk kepada kebersihan

negeri Sabah. Mereka ini hidup tanpa kemudahan asas dan menabur sampah-sarap di tempat-tempat secara suka hati. Kesemua ini menjejaskan kesihatan rakyat tempatan. Selain itu, ada di antara mereka yang terlibat dengan aktiviti jenayah seperti membunuh, mencabul kehormatan, rompakan, kecurian, memasuki rumah secara haram, penipuan, membawa senjata merbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, apabila rakyat tempatan sebagai pembayar cukai, kehilangan rasa selamat dan terpaksa berkongsi kemudahan yang ada dengan orang yang tidak membayar cukai, perasaan bangga dan cinta kepada negara mungkin terjejas kerana gambaran yang mereka mendapati adalah kerajaan mereka tidak peka ataupun peduli kepada masalah yang mereka hadapi dan sebaliknya menggalakkan PTI dengan tangan terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan PTI yang begitu ramai di Sabah juga membawa risiko tinggi kepada kesihatan rakyat. Rekod yang ada menunjukkan ada lebih dari 7,000 PTI bekerja di rumah persendirian dan banyak dari mereka ini adalah pembawa kuman Hepatitis B, Veneral Disease, dengan izin Tuberculosis dan lain-lain penyakit.

Perangkaan yang diberi oleh doktor dari Fomema menunjukkan seramai 6.1% dari mereka yang menjalani pemeriksaan perubatan telah gagal pemeriksaan tersebut. Ini bermakna daripada jumlah 226,565 pekerja asing di Sabah, 13,748 adalah dalam golongan yang tidak sihat. Angka ini tidak termasuk seramai 187,267 orang tanggungan PTI serta mereka yang tidak berada dalam daftar rekod pihak berkuasa.

Tuan Yang di-Pertua, kehadiran PTI juga melemahkan apa jua kemudahan kesihatan atau perubatan yang tersedia untuk rakyat tempatan. Adalah satu fakta bahawa kebanyakan daripada mereka yang menggunakan kemudahan kesihatan dan perubatan di Sabah adalah orang asing. Apabila rakyat tempatan terpaksa berebut dengan orang asing untuk mendapat rawatan perubatan keadaan sebegini akan membawa kepada ketidakpuasan serta perasaan marah terhadap pihak berkuasa.

Berdasarkan kepada huraian saya, timbul persoalan adakah kehadiran PTI menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Untuk menyatakan ataupun untuk mengaitkan PTI dengan perolehan buruh murah - cheap labour, dengan izin, selebih-lebihnya merupakan kenyataan yang benar

separuh sahaja, the half truth, dengan izin. Ini adalah kerana buruh murah selalunya dikaitkan dengan produktiviti yang rendah yang terdapat pada industri yang kurang cekap serta yang kurang daya untuk bersaing. Sebenarnya buruh murah ini memperlahankan kemajuan dan menjejaskan kecekapan industri dan juga menyebabkan pencemaran alam sekitar.

Buruh murah yang diperolehi dari golongan PTI sebenarnya sukar untuk dilatih secara teratur kerana mereka ini berkurangan perasaan kesetiaan pada majikan dan cepat keluar dari apa jua bidang industri yang mereka masuki. Oleh itu, majikan tempatan tiada galakan untuk memberi latihan kepada golongan PTI tersebut kerana pengganti senang didapati atas gaji yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kesan buruk yang terbit dari tindakan mengambil PTI adalah aliran keluar dana dari Malaysia. Katakan setiap PTI yang berada di Sabah telah menghantar balik RM50 sebulan ke negara asal mereka, ini bererti bahawa sebanyak RM11.3 juta dihantar keluar dari Malaysia setiap bulan dan bagi setahun amaun ini telah menjadi RM135 juta. Pengaliran keluar dana Malaysia ini sebenarnya telah berterusan bertahun-tahun. Sudah sampai masa untuk kerajaan Malaysia menyelesaikan masalah ini secara tegas dan tidak bertolak ansur.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun gambaran yang telah saya berikan tadi agak tidak mempesonakan, namun saya harus merakamkan penghargaan kepada pelbagai badan, baik dari agensi negeri Sabah mahupun dari kerajaan pusat kerana telah mengambil tindakan tegas terhadap PTI termasuk menghadapkan mereka ke mahkamah kerana masuk tanpa izin dan mempunyai dokumen perjalanan palsu.

Program Sepadu atau Regularization Programme, dengan izin, untuk sepanjang enam bulan pada tahun lalu yang membabitkan Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh, Polis, Kastam dan Angkatan Tentera telah berjalan dengan lancar dan tindakan mereka ini harus dipuji.

Tuan Yang di-Pertua, perkara terakhir yang saya ingin sentuh adalah berkenaan dengan kedudukan pembangunan prasarana atau infrastruktur di negeri Sabah yang kurang memuaskan khususnya di Tawau dan amnya di seluruh negeri Sabah. Jambatan serta jalan yang dibina dalam kawasan Tawau

nampaknya tidak tertahan, keadaan cuaca yang buruk dan cepat sahaja mengalami kerosakan. Jalan-jalan yang menghubungi estet dan ladang berbentuk jalan tanah atau jalan batu sahaja. Semasa musim hujan kebanyakan jalan-jalan tersebut tidak boleh dilalui kenderaan. Oleh itu, keluaran pertanian tidak dapat dihantar keluar ke pasaran. Keadaan ini memang membawa kerugian ekonomi kepada sektor pertanian. Ini dirumitkan lagi dengan harga yang rendah bagi koko dan minyak kelapa sawit pada masa ini.

Kawasan-kawasan yang mengalami kesukaran seperti yang saya sebutkan adalah di Sin On Tiku, Kalumpang, Balung dan Sungai Burung.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, minta gulung ya, masa Yang Berhormat hendak cukup.

Tuan Shim Paw Fatt: Dah cukup? Okay, terima kasih. *[Disampuk]* Satu minit lagilah, satu minit ya Tun. Saya gulung ya.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat gulung tadi, bolehlah satu minit.

Tuan Shim Paw Fatt: Oleh yang demikian, saya rayu kepada kerajaan pusat khususnya Kementerian Pembangunan Luar Bandar supaya mengambil perhatian berat ke atas hal tersebut dengan perancangan yang mendalam dan menyeru untuk menyelesaikan apa jua masalah yang ada. Sebagai langkah pertama, jalan-jalan yang dibina harus merupakan jalan-jalan yang sesuai untuk apa jua cuaca 'all weather road', dengan izin. Jambatan yang lebih tahan dan saluran parit dan longkang yang berkesan harus dibina supaya kesemua langkah ini akan membawa kemakmuran dan menolong meningkatkan taraf hidup rakyat di luar bandar. Apabila taraf hidup rakyat meningkat, maklumlah kadar kemiskinan juga dapat dikurangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Sri Aman

5.28 ptg.

Tuan Jimmy Lim Donald [Sri Aman]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya berdiri di sini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi pertolongan kepada pegawai-pegawai yang ingin membeli komputer. Ini adalah langkah yang baik oleh kerana ia akan mencepatkan kemaraan masyarakat kita terhadap literasi komputer, lebih-lebih lagi pada masa sekarang hanya 11% daripada penduduk Malaysia yang berjumlah 22 juta menggunakan komputer dibandingkan dengan purata dunia yang berjumlah 35%. Pada masa sekarang, hanya 3% penduduk Malaysia menggunakan Internet dibanding dengan purata dunia 30% tetapi kita jauh di hadapan Thailand dan Philippine dan jauh di belakang negara-negara seperti Taiwan, Korea, Singapura, Hong Kong, Jepun, Australia dan New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat, minta sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang .

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

- “ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)

- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)

- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mæ Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Tuan A. Bakar bin Haji Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)

- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)

- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J. P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin A li (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ **Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)**
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)

- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M. (Senator)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Khairul Azila binti Haji Khairuddin
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan
Alias bin Md. Nor

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid II

Bil. 13

Isnin

6 Mac 2000

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

(Halaman 26)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

(Halaman 26)